PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : TEKNOLOGI PEMODENAN PERTANIAN

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jenis-jenis pertanian yang terdapat dalam Negeri Selangor

b) Senaraikan jenis-jenis pertanian yang boleh menaikkan imej Selangor. Kenapa?

c) Huraikan bagaimana pertanian Selangor boleh membantu mengurangkan kadar pengangguran dan apakah langkah-langkah proaktif yang diambil untuk masa akan datang?

JAWAPAN:

a) Jenis-jenis pertanian yang terdapat dalam Selangor:

i. Pertanian secara teknologi fertigasi
ii. Pertanian secara berkelompok dan kluster seperti kluster buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman kontan
iii. Pertanian perladangan bagi tanaman sawit dan getah
iv. Tanaman herba dan rempah ratus
v. Florikultur dan tanaman hiasan
vi. Penternakan lebah madu dan kelulut

b) Jenis-jenis pertanian yang boleh menaikkan imej Selangor:

i. Pertanian menggunakan teknologi fertigasi. Sehingga kini terdapat 728 petani dengan keluasan 1,078 ha yang mengusahan tanaman secara fertigasi. Daripada jumlah itu, bilangan polibeg fertigasi bagi tanaman cili ialah 880,754 manakala rock melon 1,212,078. Buah rock melon dari Selangor mendapat harga yang baik di pasaran dan dieksport ke Singapura.
ii. Tanaman padi. Selangor merupakan pengeluar utama benih padi bagi negara. Selain itu, kualiti padi yang dikeluarkan di Selangor lebih baik dari negeri-negeri pengeluar yang lain. Sawah padi di Selangor kini turut menjadi sumber baharu agro perlancongan yang memberi nilai yang tinggi kepada imej Selangor.

iii. Hub bunga Sungai Buloh terkenal di seluruh negara dan menjadi pusat bekalan tanaman bungaan, hiasan dan landskap yang utama di Malaysia.

iv. Perikanan tangkapan yang merupakan sektor penyumbang sumber protein Selangor. Pada tahun 2016, jumlah pendaratan adalah sebanyak 93,505 tan dengan nilai RM 1.08 billion.

v. Sektor akuakultur bagi memnuhi keperluan ikan domestik dan eksport. Pada tahun 2016, jumlah pengeluaran kira-kira 15,771 tan dengan nilai RM 85.07 juta.

vi. Santuari ikan kelah Sungai Chilling merupakan santuari bagi pemuliharaan spesis ikan kelah yang kini menjadi satu tarikan bagi tujuan rekreasi.

c) Antara langkah-langkah yang boleh mengurangkan kadar pengangguran dan langkah proaktif di masa hadapan bagi pertanian Selangor:

i. Pembangunan tanah-tanah terbiar untuk diusahakan sebagai kawasan pertanian.

ii. Latihan kepada belia tani bagi teknologi-teknologi pertanian moden melalui progem Agrogems.

iii. Insentif dan bantuan input pertanian, khidmat nasihat dan kepakaran bagi meningkatkan pengeluaran.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)

TAJUK : PELANCONGAN

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah usaha bagi mendapatkan sumber baru ke arah pelancongan Selangor?

b) Senaraikan destinasi-destinasi dan tempat-tempat menarik di Selangor dan perincikan ciri-ciri yang menarik bagi setiap destinasi tersebut.

c) Benarkah Menara Tinjau (*Look Out Point*) akan dibangunkan dengan Menara Kristal, siapakah yang akan menanggung kos tersebut dan apakah pulanganan balik dalam bentuk RM kepada Kerajaan Negeri? Terangkan prosedurnya.

JAWAPAN:

a) Pelbagai usaha yang telah dijalankan bagi mendapatkan sumber baru ke arah pelancongan Selangor. Berikut merupakan pelan strategik Pelancongan oleh Tourism Selangor dari tahun 2016-2020.

BIL.	PELAN STRATEGIK PROMOSI PELANCONGAN	KETERANGAN
01.	Penjenamaan Kempen	• "Discover Selangor, Heart of Malaysia" merupakan kempen peningkatan kesedaran dan juga permintaan di dalam pasaran utama bidang pelancongan seterusnya meletakkan aras yang jelas untuk memberikan produk pelancongan yang berkualiti serta servis yang terbaik. • Strategi pemasaran yang unik dan kreatif • Kempen promosi yang menggalakkan pengalaman, acara, infratruktur serta pembangunan dan peningkatan jualan perniagaan pelancongan.
02.	Meningkatkan permintaan *(demand)* daripada pasaran Negara China, India dan pasaran baru.	• Menambah peningkatan jumlah pelancong dan jumlah resit pelancongan • Mempergiatkan siri promosi di bandar-bandar menengah (second-tier cities) di Negara China seperti, Guangzhou, Shenzhen, Wuhan, Kunming, Chengdu dan Dongguan. Manakala Negara India adalah seperti, Lucknow, Jaipur, Kochin dan Srinagar.

		• Meningkatkan penglibatan program promosi luar negara di dalam pasaran baru. • Menggalakkan peningkatan pakej 'inbound' untuk produk pelancongan Negeri Selangor.
03.	Membina kapasiti digital yang kompetetif	• Meningkatkan penggunaan kaedah pemasaran digital dalam program promosi dan pengiklanan • Menyampaikan peranti dan aplikasi yang memenuhi keperluan pelanggan dalam sasaran digital dan dalam talian.
04.	Menggalakkan pelaburan dan perniagaan pelancongan	• Meningkatkan sumbangan di dalam bidang pelancongan perniagaan / MICE. • Bekerjasama dengan pihak Invest Selangor untuk menarik pelabur dalam bidang pelancongan • Dengan pertumbuhan ekonomi Selangor, segmen pelancongan perniagaan merupakan peluang yang besar untuk memacu pertumbuhan dalam kedua-dua lawatan pelancong antarabangsa dan domestik – untuk perniagaan *(business)* dan percutian *(leisure)* • Strategi ini dirancang untuk menggalakkan pelancong perniagaan (business traveller) untuk, i) Membawa Rakan ii) Tinggal dengan lebih lama iii) Kembali ke Selangor semula untuk bercuti
05.	Acara Pelancongan	• Acara pelancongan memainkan peranan yang penting dalam merancakkan aktiviti promosi pelancongan dalam dan luar negara • Acara pelancongan juga membantu di dalam kekuatan penjenamaan kempen "Discover Selangor, Heart of Malaysia" • Mempromosikan kalendar acara pelancongan yang berlangsung di Negeri Selangor termasuk acara yang dianjurkan oleh organisasi luar yang dapat menarik para pelancong dalam dan luar negara.
06.	Program Community Based Tourism (CBT)	• Menggalakkan penubuhan komuniti, organisasi atau kelab pelancongan tempatan untuk mewujukan satu jawatankuasa dalam kalangan penduduk dan perniaga tempatan bagi

		menggerakkan aktiviti perniagaan pelancongan secara sihat. • Contoh boleh dilihat kepada Persatuan Kemajuan Pelancongan Sekinchan yang bergiat aktif dan membawa model seperti 'Community Based Tourism' dan 'Think Tourism' yang sememangnya memberikan impak yang besar dalam memacu pembangunan pelancongan setempat. • Sebuah Program Pembangunan Pemandu Pelancong diperingkat Krajaan Negeri diperkenalkan bagi menyokong inisiatif ini.

b) Senarai destinasi dan tempat menarik yang utama di Negeri Selangor dihuraikan mengikut segmen pelancongan yang merupakan ciri-ciri utama untuk promosi pelancongan Kerajaan Negeri melalui Tourism Selangor, seperti yang berikut:-

BIL.	SEGMEN PELANCONGAN DAN CIRI-CIRI MENARIK	SENARAI DESTINASI & TEMPAT MENARIK UTAMA
01.	Eko dan Alam Semulajadi	i) Sky Mirror Kuala Selangor ii) Taman Alam Kuala Selangor iii) Taman Eko Rimba Kanching iv) FRIM (Forest Research Institute Malaysia) v) Taman Botani Negara Shah Alam vi) Chongkak Park & Resort vii) Kuala Kubu Bharu Hulu Selangor viii) Hulu Langat
02.	Agro Tourism & Homestay	i) Sekinchan ii) Selangor Fruits Valley iii) Homestay Sungai Sireh iv) Homestay Banghuris v) Homestay Sungai Haji Dorani vi) Genting Strawberry Farm
03.	Taman Tema & Hiburan	i) Sunway Lagoon ii) Wet World Shah Alam iii) Kidzania Damansara iv) Jump Street PJ v) District 21 vi) Bangi Wonderland
04.	Warisan &	i) Mah Meri Cultural Village ii) Royal Klang Heritage Walk Program iii) Muzium Insitu Jugra iv) Rumah Rehat Sri Berkat Hulu Selangor

		v) Bukit Melawati Kuala Selangor vi) Batu Caves
05.	Pelancongan Sukan	i) Moto GP Sepang Cicuit ii) Malaysia Women Marathon iii) PJ Half Marathon iv) Gua Damai Extreme Park v) Pulau Indah 180 vi) Sukan paragliding di Kuala Kubu Bharu dan Bukit Jugra
06.	Pelancongan MICE	i) Setia City Convention Centre ii) Sunway Convention Centre iii) Mines International Exhibition and Convention Centre
07.	Pusat Membeli-Belah	i) Sunway Pyramid ii) One Utama iii) Mitsui Outlet Park KLIA iv) The Curve v) Empire City Damansara vi) IOI City Mall
08.	Makanan (F&B)	i) Lontong Klang ii) Klang Bak Kut Teh iii) Nasi Ambeng Kuala Selangor iv) Satay Kajang v) Cendol Borhan Kuala Selangor

c) Tiada perancangan dan kelulusan di peringkat Kerajaan Negeri untuk membangunkan Menara Tinjau (*Look Out Point*) dengan Menara Kristal. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Hutan Negeri Selangor masih diperingkat perancangan untuk membangunkan Menara Tinjau (Look out Point) di bawah pelan tindakan pembangunan untuk menjadikan Menara Tinjau sebagai Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : KAKITANGAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR MASIH BERTARAF KONTRAK

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan kakitangan kontrak mengikut bahagian perkhidmatan?

b) Berapakah dan bahagian manakah tempoh perkhidmatan kontrak yang terpaksa disambung semula?

c) Apakah keperluan pengambilan jawatan kontrak berdasarkan tugasan dan merujuk keupayaan perbelanjaan kewangan tahunan Jabatan?

JAWAPAN:

a) Bilangan kakitangan kontrak mengikut bahagian perkhidmatan seperti berikut:

Bahagian perkhidmatan	Bilangan
Perkhidmatan guru	432 orang
Perkhidmatan bukan guru	166 orang
Guru Bahasa Arab	8 orang
Guru Sandaran Tidak Terlatih	29 orang
Jumlah keseluruhan	635 orang

b) Seramai 635 kakitangan kontrak di semua bahagian dan sekolah-sekolah Agama JAIS. Tiada bahagian yang ditetapkan untuk penyambungan semula kontrak. Mana-mana kakitangan yang tamat tempoh kontrak boleh dilantik semula jika terdapat keperluan dan mempunyai implikasi kewangan yang mencukupi.

c) Keperluan pengambilan jawatan kontrak berdasarkan:

i. Bebanan tugas yang perlu ditanggung di Jabatan ini.

ii. Penubuhan bahagian baru, iaitu Bahagian Pengurusan Halal yang mana bahagian tersebut tiada waran perjawatan tetap yang perlu diisi.

iii. Penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) yang baharu.

iv. Peruntukkan kewangan mencukupi untuk menampung pembayaran kakitangan kontrak.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PENYELENGGARAAN PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah PPR yang telah mendapat peruntukan Kerajaan Selangor?

b) Apakah status pemilikan bangunan PPR di bawah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan?

c) Apakah bentuk keistimewaan di beri oleh Kerajaan Negeri bagi projek PPR ini?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Y.Berhormat, jumlah PPR di bawah pengurusan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) yang mendapat peruntukan Kerajaan Selangor adalah PPR Hicom, Shah Alam dan PPR Serendah di Hulu Selangor. Di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah PPR Kota Damansara yang diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri.

b) Status pemilikan ketiga-tiga bangunan PPR tersebut adalah di bawah pengurusan oleh Kerajaan Negeri. Namun, pemilikan tanah bagi PPR Hicom, Shah Alam adalah di bawah Kerajaan Negeri dan PPR Kota Damansara di bawah pemilikan tanah oleh PKNS manakala PPR Serendah, Hulu Selangor adalah di bawah pemilikan tanah oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

c) Bentuk keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi projek PPR ini adalah kadar sewa bulanan adalah serendah RM124.00 sebulan kepada golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500.00 sebulan manakala pendapatan isi rumah di antara RM1,501.00 sehingga RM3,000.00 sebulan akan dikenakan bayaran sejumlah RM250.00 sebulan berbanding kadar sewaan bulanan di pasaran semasa bagi projek perumahan yang sama dengan kadar sekitar RM600.00 sehingga RM700.00 sebulan. Mereka juga tiada dikenakan apa-apa yuran penyelenggaraan bulanan dan kos tersebut ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PEMBERIAN KEUNTUNGAN ANAK SYARIKAT NEGERI KEPADA KERAJAAN NEGERI

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimanakah perbelanjaan keuntungan GLC dimanfaatkan untuk Kerajaan Negeri?

b) Berapa dan dimanakah ia dibelanjakan bagi tahu kewangan 2016?

c) Bagaimanakah tindakan lanjut atas laporan audit bagi GLC yang tidak dapat menjana keuntungan atau perbelanjaan defisit?

JAWAPAN:

Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai 12 Anak Syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil	Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
1	Permodalan Negeri Selangor Berhad
2	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
3	Tourism Selangor Sdn Bhd
4	Communication Corporation Sdn Bhd
5	Rantaian Mesra Sdn Bhd
6	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
7	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
8	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
9	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10	Invest Selangor Berhad
11	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
13	Yayasan Selangor

Badan Berkanun ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta Badan Berkanun 1980). Terdapat enam (6) Badan Berkanun di bawah Kerajaan Negeri seperti berikut :-

Bil	Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
1	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)
2	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)
3	Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
4	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
5	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)
6	Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS)

a) Keuntungan Anak Syarikat dan Badan Berkanun dimanfaatkan untuk Kerajaan Negeri secara perkongsian keuntungan secara terus dalam bentuk pemberian sumbangan tahunan sebanyak 2% daripada Keuntungan Sebelum Cukai melalui Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS).

Daripada 13 Anak Syarikat Kerajaan Negeri, hanya tiga (3) Anak Syarikat yang diwajibkan untuk membuat bayaran sumbangan kepada Kerajaan Negeri melalui TWNS. Manakala, bagi enam (6) Badan Berkanun Kerajaan Negeri, hanya dua (2) sahaja yang diwajibkan untuk membuat bayaran sumbangan tersebut.

Berikut merupakan maklumat pembayaran sumbangan Kerajaan Negeri melalui TWNS bagi tahun 2016 :-

Bil	Anak Syarikat/Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor	Amaun Sumbangan (RM)
1.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	362,359.38
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Tiada keuntungan tahun 2016 untuk dikongsikan dengan Kerajaan Negeri pada tahun kewangan 2016
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	
4.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	4,171,240.00

Bil	Anak Syarikat/Badan Berkanun Kerajaan Negeri Selangor	Amaun Sumbangan (RM)
5.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	513,420.44
Jumlah Keseluruhan		**5,047,019.82**

b) Sumbangan tersebut akan digunakan untuk manfaat generasi akan datang di mana pada masa ini, ia dilaburkan dalam instrumen pelaburan yang berpotensi bagi mengembangkan dana tersebut. Ini adalah selaras dengan peranan TWNS.

c) Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa membuat pemantauan berterusan ke atas Anak-Anak Syarikat dan Badan Berkanun yang mengalami kerugian bagi membantu memulihkan kedudukan kewangan mereka. Sebagai langkah yang lebih komprehensif, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) kini memainkan peranan yang agresif dalam membantu Kerajaan Negeri untuk menstrukturkan semula fungsi dan peranan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

Perancangan ini dijangkakan dapat mengukuhkan lagi strategi korporat serta tadbir urus syarikat yang seterusnya dapat memberikan pulangan kepada pelaburan Kerajaan Negeri. Begitu juga dengan Badan-Badan Berkanun \yang sentiasa mengkaji serta melaksanakan pelan-pelan pembangunan bagi tujuan pengukuhan prestasi dan tadbir urus korporat untuk tempoh jangka panjang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PERKHIDMATAN HEMODIALISIS KERAJAAN SELANGOR

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan pusat dialisis di bawah kerajaan Selangor?

b) Adakah caj bayaran perkhidmatan mengikut caj pasaran semasa?

c) Berapakah bilangan pesakit medapat manfaat Skim Sihat Selangor?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Panel Dialisis Sihat Selangor (PDSS) dengan melantik pusat rawatan yang berdaftar dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor sebagai Panel Dialisis. Panel Dialisis ini akan memberi rawatan kepada pesakit dialisis yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri, seterusnya mengemukakan tuntutan bayaran seperti yang telah diluluskan. Pada masa ini, terdapat 72 buah Panel Dialisis yang bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri di seluruh Negeri Selangor dan juga yang bersempadanan.

b) Caj bayaran rawatan dialisis adalah mengikut caj pasaran semasa.

c) Bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri menganggarkan lebih 1,000 orang pesakit akan menerima manfaat daripada pelaksanaan Program PDSS ini. Sehingga 20 Julai 2017, sebanyak 827 permohonan telah diterima untuk dipertimbangkan bagi mendapatkan bantuan daripada Kerajaan Negeri dan bilangan ini akan bertambah dari semasa ke semasa.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : SKIM HIJRAH BANTUAN MODAL PERNIAGAAN KECIL

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan peminjam dan nilai pinjaman yang telah melunaskan pinjaman?

b) Apakah tindakan bagi peminjam yang gagal melunaskan pinjaman mengikut jadual?

c) Berapakah nilai tertunggak pinjaman tidak berbayar?

JAWAPAN:

a) Seramai 9,182 dengan jumlah RM112,982,000.00 peserta yang telah selesai membuat bayaran balik Hijrah Selangor.

b) Pihak Hijrah Selangor telah mengambil langkah berikut kepada peserta yang gagal melunaskan pinjaman mengikut jadual.

1. Memberikan surat amaran kepada peserta
2. Program Task Force Bersepadu
3. Mewujudkan Unit *Call Centre* di peringkat cawangan dan ibu pejabat
4. Memberikan peringatan berkaitan tunggakan melalui *Blast Message*
5. Menyerahkan nama penunggak tegar yang telah tamat tempoh bayar balik kepada agen pengutip hutang yang dilantik

c) Nilai tertunggak pinjaman tidak berbayar adalah sebanyak RM443,862.50.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : KEROSAKAN SEBAHAGIAN JALAN ABDUL MANAN BERLAKU SEJAK BULAN JANUARI

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah kerja baikpulih akan dilaksanakan?

b) Berapakah anggaran kos baikpulih serta belum beroleh peruntukan?

JAWAPAN:

a) Kerja baikpulih Jalan Abdul Manan 1 sedang dilaksanakan di bawah Kontrak Jangka Panjang oleh pihak konsesi Jurumart Sdn. Bhd. yang telah bermula pada 3 Julai 2017 dan siap sepenuhnya pada 31 Julai 2017.

b) Anggaran kos baikpulih ini adalah RM495,000.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : PUSAT KOMUNITI SETEMPAT

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan mewujudkan sekurang-kurangnya satu Pusat Komuniti Setempat di setiap DUN yang dilengkapi dengan infra struktur asas dan pegawai khas terlatih?

b) Adakah Kerajaan bersedia meletakkan pegawai Skim MES, Smart Selangor, Hijrah di bawah Pusat Komuniti Setempat di setiap DUN?

c) Adakah Kerajaan bersedia menjadikan Pusat Komuniti Setempat sebagai pusat pengumpulan data besar (*big data*) di setiap DUN?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan memperkasakan Pusat Khidmat DUN sebagai pusat pengurusan, penyelarasan suatu pelaksanaan program dan aktiviti Ahli-ahli Dewan Negeri serta Pegawai Penyelaras Dewan Negeri di semua DUN di Negeri Selangor. Semua Pusat Khidmat DUN telah diperuntukkan sebanyak RM900,000.00 setahun bagi Ahli Dewan Negeri Kerajaan manakala sejumlah RM700,000.00 setahun kepada Pegawai Penyelaras DUN Kerajaan di bawah peruntukan Vot P01 - Pejabat Menteri Besar dan SUK bagi tujuan menampung pelaksanaan projek kecil, program mesra rakyat, sumbangan dan bantuan serta pengurusan pejabat.

   Selain itu, peruntukan lain juga disediakan untuk pemerkasaan Pusat Khidmat DUN dengan melantik dua (2) kaki tangan sokongan untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan kelengkapan infrastruktur asas untuk menjadikan Pusat Khidmat DUN sebagai pusat tumpuan penduduk di DUN berkenaan.

b) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan 42 inisiatif yang dikenali sebagai Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) iaitu termasuklah Skim Mesra Usia Emas (SMUE), pemberian Hadiah Anak Masuk Universiti, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan sebagainya. Program-program ini telah diamanahkan kepada agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor untuk digubal dan dilaksanakan. Pusat Khidmat DUN diberi tanggungjawab untuk bersama-sama melaksanakan program-program khusus untuk penduduk di kawasan DUN berkenaan.

c) Pusat Komuniti Setempat mempunyai potensi dan telah pun memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan data di setiap kawasan DUN.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : TANAH PERKUBURAN BUKAN ISLAM

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan dan garis panduan Kerajaan dalam menyediakan tanah perkuburan bukan Islam?

b) Apakah rancangan Kerajaan dalam pengurusan tanah perkuburan lama yang telah tepu penggunaannya?

c) Apakah status pewartaan tanah perkuburan bukan Islam di zon selatan (kawasan Sepang)?

JAWAPAN:

a) Dari sudut perancangan, Kerajaan Negeri melalui PLANMAlaysia@Selangor (JPBD Negeri Selangor) telah menyediakan Laporan Inventori Tanah Perkuburan Negeri Selangor, 2010. Melalui Laporan Inventori tersebut, Kerajaan Negeri telah menganalpasti tahap penyediaan dan keperluan tapak-tapak perkuburan bukan Islam di Negeri Selangor sehingga tahun 2060.

Perancangan dan penyediaan tapak perkuburan bukan Islam telah diambilkira di dalam dokumen rancangan pembangunan; **Rancangan Sruktur Negeri Selangor 2035** (RSN Selangor 2035) yang telah diwartakan pada 2 Februari 2017 di bawah **Teras Pembangunan 3: Ke Arah Wilayah Bandar Makmur**; *Hala Tuju 3 : Pembangunan Kemudahan Keagamaan, Kemudahan Awam, Rekreasi dan Sukan yang Mencukupi, Berkualiti dan Inklusif* yang kemudiannya telah mengenalpasti tiga (3) Inisiatif Pelaksanaan iaitu:-

P3: Menggunapakai cadangan kemudahan keagamaan yang dikemukakan di dalam Rancangan Tempatan;
P9: Menyediakan Tapak Perkuburan Bukan Islam seperti yang diunjurkan; dan
P10: Menggalakkan penyediaan kubur awam secara bersepadu dengan mengambilkira keperluan kemudahan-kemudahan sokongan dengan pengurusan yang sistematik dan berkesan.

Dari sudut garis panduan pula, pembangunan tapak-tapak perkuburan bukan Islam adalah tertakluk kepada Manual Garis Panduan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (MGPPNS) yang terkini. Merujuk kepada Garis Panduan

tersebut, Garis Panduan Umum Tanah Perkuburan (KM5-1), telah menyatakan keluasan tapak perkuburan yang perlu disediakan bagi satu-satu pembangunan berkeluasan 250 ekar atau lebih hendaklah menyediakan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam seluas lapan (8) ekar dalam kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara dan keperluan ruang tanah perkuburan untuk sesuatu kawasan bergantung kepada saiz kubur, kadar kematian, pandangan penduduk setempat terhadap pembakaran dan penggunaan semula tanah perkuburan.

b) Bagi menangani masalah tanah-tanah perkuburan lama yang telah tepu penggunaannya, Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia@Selangor telah menyediakan Laporan Pengemaskinian Maklumat Unjuran Keperluan Perkuburan Sehingga 2060 (2012) dan telah mengenalpasti tapak-tapak perkuburan bukan Islam di empat (4) buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tidak mencukupi (tepu) pada tahun 2010 iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

   Bagi tapak-tapak perkuburan tersebut, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tapak-tapak perkuburan baru termasuklah tapak perkuburan wilayah bersepadu (PWB) di Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) 400 ekar, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) 50 ekar, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 24 ekar dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 168.74 ekar yang berfungsi untuk menampung ketidakcukupan tapak perkuburan bukan Islam di PBT-PBT berkaitan.

c) **Tapak Perkuburan Hindu seluas 16306 mp (4 ekar) di Lot 114881, Pekan Sepang, Daerah Sepang** telah diwartakan No.Warta **WKNS 2928 bertarikh 12 Julai 2012 (PA 203426).**

   Selain dari itu, **Tapak Perkuburan Hindu seluas 5058 mp di Plot 99 Kg. Ampar Tenang, Mukim Dengkil, Daerah Sepang** dan telah diluluskan oleh YAB. Dato' Menteri Besar pada **30 Mei 2017.**

   Pengambilan tanah seluas **100 ekar di atas Hakmilik Geran 80611 Lot 5758 Mukim Sepang, Daerah Sepang** yang akan dihantar kepada YAB. Dato' Menteri Besar untuk kelulusan pewartaan bagi **Tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu Daerah Sepang Fasa 1.**

KM5-1 KEMUDAHAN PERKUBURAN
GARIS PANDUAN UMUM TANAH PERKUBURAN

❑ PIAWAIAN


Aspek	Kriteria	Garis Panduan
a. Perancangan Tapak	**Kepercayaan Agama dan Adat Resam**	• **Tanah Perkuburan Islam** a) Jenazah diwajibkan menghadap Kiblat atau Kaabah (arah kedudukan menghadap Kiblat ialah 292°30'). Bagi tujuan ini, tanah yang rata adalah paling sesuai. ▪ **Tanah Perkuburan Cina** Penganut *ancestor worship* mengambil kira adat *feng shui*. Bagi adat ini parameter-parameter adalah seperti berikut: a) Bentuk muka bumi yang landai di lereng-lereng bukit, tanpa bukit-bukit kecil, batu kecil, batu besar atau bentuk-bentuk buatan manusia seperti empangan; dan b) Kewujudan badan-badan yang mengandungi air di hadapan kubur-kubur melambangkan kekayaan dan kemewahan kepada kedua-dua pihak yang hidup dan yang mati. ▪ **Tanah Perkuburan Hindu/Sikh** Kaum Hindu/Sikh lebih mementingkan kepada pembakaran mayat dan tidak ada apa-apa faktor khas yang perlu dipertimbangkan di dalam peletakan tanah perkuburan mereka. Walau bagaimanapun, tanah yang rata adalah sesuai untuk memudahkan pengurusan mayat. ▪ **Tanah Perkuburan Kristian** Taburan tanah perkuburan untuk orang-orang Kristian juga tidak menekankan kepada apa-apa kriteria khas, selain tanah yang rata adalah sesuai untuk memudahkan pengurusan mayat. ▪ **Tanah Perkuburan Agama Lain** Keperluan bagi lain-lain tanah perkuburan juga tidak menekankan kepada apa-apa kriteria khas, selain tanah yang rata sesuai untuk memudahkan pengurusan mayat.
	Kesihatan Umum	▪ Kubur baru hendaklah digali tidak kurang dari enam kaki dari kubur yang lama, dan tanah perkuburan tidak boleh digunakan semula sebelum 30 – 50 tahun mengikut keadaan tanah, selepas pengebumian terakhir. ▪ Jarak di antara tanah perkuburan dan kawasan perumahan yang terdekat hendaklah sekurang-kurangnya **131'2" (40 m)**. ▪ Menyediakan zon pemisah di antara tanah perkuburan dan punca-punca air untuk menjamin kesihatan umum mengikut ketetapan JPS dan JMG.
	Topografi dan Struktur Tanah	▪ Jenis tanah yang paling sesuai ialah tanah terbuka jenis poros yang akan memudahkan laluan air dan udara ke semua arah. Tanah jenis ini membolehkan pereputan mayat dengan lebih cepat jika dibandingkan dengan tanah-tanah yang lain; ▪ Tanah perkuburan hendaklah sekurang-kurangnya berada pada paras ***6'6" (2.0m)*** di atas paras banjir bagi tiap-tiap pusingan 100 tahun; ▪ Tanah perkuburan tidak sesuai diletakkan di kawasan yang mempunyai aras mata air yang tinggi. Paras air di dalam tanah harus melebihi ***6'6" (2.0 m)*** di bawah permukaan bumi;

Aspek	Kriteria	Garis Panduan
		• Tanah perkuburan tidak sesuai bagi kawasan-kawasan seperti berikut: a. *Kawasan-kawasan banjir dan tanah runtuh.* b. *Kawasan-kawasan yang kerap diancam hakisan seperti sungai dan laut.* c. *Tanah yang bercerun; dan* d. *Tanah paya dan jenis tanah liat.* • Tanah perkuburan hendaklah jauh dari kawasan sungai, saliran atau lain-lain punca air kerana ini akan mengakibatkan pengaliran air dari kawasan perkuburan ke tempat-tempat tersebut.
b. Keperluan Ruang		• Keperluan ruang tanah perkuburan untuk sesuatu kawasan bergantung kepada saiz kubur, kadar kematian, pandangan penduduk setempat terhadap pembakaran dan penggunaan semula tanah perkuburan. • Bagi memudahkan pengiraan keperluan ruang tanah perkuburan bagi setiap 1,000 penduduk pada masa akan datang, berikut dirumuskan satu formula secara am bagi tujuan tersebut: $A_t = P_t \times D_r / 1000 \times 1b \times (1 - C_e) / 1000 \times S_z$ Di mana, A_t = Kawasan tanah perkuburan pada tahun unjuran t P_t = Penduduk unjuran 1b = Jarak antara kubur digunakan semula C_e = Faktor pembakaran mayat S_z = Purata saiz kubur = 8.36 mp *(90 kp)* Contoh kiraan, Keluasan kawasan yang diperlukan untuk perkuburan Islam bagi setiap 1,000 penduduk adalah A_t = 1000 x 6/1000 x 30 x (1-0) / 1000 x 8.36mp = 1831.1 mp = 0.2 hektar bagi setiap 1,000 penduduk atau 1 hektar bagi setiap 5,000 penduduk ** Nota: Keluasan keperluan tapak – 5 ekar: 10,000 penduduk* *1 ekar: 2,000 penduduk*
c. Susunatur Tanah Perkuburan	**Sistem Modul**	• Sistem modul ini mengandungi 2 barisan kubur di mana satu baris terdiri daripada 20 lot kubur [*Rujuk Rajah KM5-1(i)*]. • Bagi penganut agama Islam, arah kedudukan lot-lot kubur hendaklah menghadap Kiblat (292° 30°). • Manakala penganut agama lain seperti Kristian dan Hindu pula kedudukan lot-lot kubur adalah bebas kecuali bagi arah tapak perkuburan Cina harus menghadap tanah rendah, lembah dan sungai. • Tiap-tiap tanah perkuburan haruslah mengandungi sekurang-kurangnya 15 modul yang boleh memuatkan sebanyak 600 lot kubur. Keperluan ruang yang diperlukan ialah **1 hek.** ***(2.5 ek)***.
	Kemudahan Awam	• Menyediakan **8-10 lot** tempat letak kereta. Tiap-tiap satu lot adalah seluas **20 - 25 mp** ***(215.3 – 269.1 kp)***. Ini termasuk kawasan untuk landskap. • Menyediakan 2 lot tempat meletak bas. • Kawasan seluas **400 mp** ***(4305.6 kp)*** untuk satu bangunan awam. Bangunan ini akan memuatkan pejabat pentadbiran, kawasan rehat dan tandas. • Menyediakan kemudahan utiliti yang secukupnya.

Aspek	Kriteria	Garis Panduan
	Landskap dan Pendinding	▪ Satu rizab landskap selebar **4'9" (1.5 m)** diperlukan di sepanjang garis mendatar pejalan kaki. Landskap dan pokok-pokok bukan sahaja dapat meningkatkan suasana yang menarik kepada sesuatu kawasan tanah perkuburan, malah juga dapat bertindak sebagai zon pemisah di antara dua jenis kegunaan tanah. Rupa bentuk landskap dan jenis pokok perlulah mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Landskap Negara 1995.
	Sistem Peredaran	▪ Menyediakan sistem peredaran selebar ***6'5" (2m)*** mengelilingi setiap modul iaitu: a. Jalan masuk ke setiap lot kubur. b. Membawa keranda. c. Pergerakan penggali.
d. Susunatur Krematoria	**Krematoria Jenis Tradisional**	▪ Krematoria jenis ini memerlukan minimum kawasan seluas **0.6 hek *(1.5 ek)*** dan sesuai untuk kawasan luar bandar dan separa wilayah. Peletakan hendaklah diletakkan jauh daripada pembangunan sedia ada dan akan datang ***[Rujuk Rajah KM5-1(ii)].*** ▪ Komponen krematoria jenis tradisional adalah seperti berikut : a. Kawasan membakar mayat berukuran ***32'8" x 52'5" (10m x 16m).*** b. Tempat membakar mayat berukuran ***5'6"x 9'8" (2m x 3m).*** c. Kawasan rehat untuk para pengunjung dan pemerhati. d. Tempat membuang sampah untuk aktiviti pembakaran mayat.
	Krematoria Gas Moden	▪ Satu krematoria gas moden memerlukan kawasan seluas **0.6 hek *(1.5 ek)*** termasuk kawasan untuk landskap dan mengandungi komponen-komponen berikut : a. Menyediakan tempat membuang sampah dan membakar sampah. b. Zon Pemisah sekurang-kurangnya ***20' (6.1m)*** di sekeliling krematoria.


ILUSTRASI

Rajah KM 5-1(i): Sistem Modul



- Contoh Tapak Perkuburan Islam, Kristian dan Hindu
- Penganut Islam – Arah Kedudukan Menghadap Kiblat (292°30')
- Penganut Kristian dan Hindu – Kedudukan Menghadap Bebas

Rajah KM 5-1(ii): Contoh Pelan Tipikal Susunatur Krematorium



sambungan

Aspek	Kriteria	Garis Panduan
e. Susunatur dan Reka Bentuk Taman Peringatan		▪ Semua tapak Taman Peringatan hendaklah mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN) terlebih dahulu. ▪ Taman Peringatan memerlukan satu kawasan yang luas dan diletakkan di pinggir kawasan pembangunan. ▪ Susunatur dan reka bentuk tanah perkuburan dibahagikan kepada beberapa taman-taman kecil. Sekiranya krematoria diperlukan, sebahagian daripada kawasan harus diperuntukkan bagi menyediakan krematoria. ▪ Susunatur dalaman taman ini menekankan kepada rangkaian jalan yang menyeluruh serta sistem pejalan kaki. ▪ Kemudahan awam yang dicadangkan ialah bangunan umum atau rumah ibadat. Ketinggian dan reka bentuk batu-batu tanda kubur perlu dikawal supaya harmonis dengan landskap dan pembangunan keseluruhannya.
f. Kolumbarium		▪ Pembinaan kolumbarium hendaklah mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. ▪ Kolumbarium boleh didirikan sebagai sebahagian daripada tokong, gereja atau bangunan sesebuah. ▪ Keluasan minimum ruang penyimpanan abu ialah **7"x7"x11".** ▪ Hendaklah mempunyai laluan pejalan kaki sekurang-kurangnya **6'6" (2.0m)** antara dinding tempat simpanan abu. ▪ Kemudahan tangga disediakan bagi tujuan penyimpanan abu bertingkat. ▪ Bagi kolumbarium jenis bangunan sesebuah, hendaklah terletak di pinggir kawasan pembangunan. ▪ Perimeter Planting **10' (3.1m)** perlu disediakan. ▪ Kemudahan awam yang dicadangkan ialah bangunan umum atau rumah ibadat. Ketinggian dan reka bentuk batu-batu tanda kubur perlu dikawal supaya harmonis dengan landskap dan pembangunan keseluruhannya.
g. Penyediaan Kubur atau Bayaran Caruman Tabung Amanah Perkuburan Negeri Selangor		▪ Setiap pembangunan yang mempunyai keluasan **100 hektar *(250 ekar)*** atau lebih hendaklah menyediakan tapak perkuburan Islam dan bukan Islam seluas **3.23 hektar *(8.0 ekar)*** dalam kawasan yang dibangunkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara. ▪ Bagi pembangunan yang **kurang daripada 100 hektar (250 ekar)** pemaju/pemilik tanah **tidak dikehendaki** menyediakan tapak kubur dalam kawasan pembangunan mereka tetapi **dikehendaki menyumbang kepada 'Tabung Amanah Perkuburan'.** Tabung Amanah Perkuburan ini berperanan untuk menyalurkan dana atau kewangan bagi membantu Kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak-tapak perkuburan di Negeri Selangor. ▪ Bayaran caruman Tabung Amanah Perkuburan ini hanya dikenakan kepada pemnbangunan untuk tujuan bangunan kediaman sahaja. Sekiranya pembangunan yang dicadangkan melibatkan pembangunan bercampur, pengiraan hanya dikira berdasarkan kepada unit bangunan kediaman yang dibina. ▪ Keperluan pengenaan syarat penyediaan tapak perkuburan/ caruman tapak perkuburan ini juga, disyorkan untuk dijadikan syarat tambahan dalam setiap kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Sumber : Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam (Bil 8/2010 pada 22/10/10)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN DALAM MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah bil elektrik lampu-lampu jalan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Klang (MPK) untuk tempuh sebulan/setahun?

b) Berapakah jumlah lampu-lampu jalan yang terdapat di dalam seliaan Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengikut pecahan Dewan Negeri Selangor (DUN)?

JAWAPAN:

a) Jumlah bil elektrik lampu-lampu jalan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Klang untuk tempoh sebulan/ setahun adalah seperti berikut:-

Bulan	**Tahun 2016 (RM)**	**Tahun 2017 (RM)**
Januari	521,275.05	623,376.79
Februari	506,535.99	559,035.07
Mac	534,662.20	509,008.19
April	572,731.89	604,392.69
Mei	530,063.80	583,576.27
Jun	647,259.09	560,338.94
Julai	509,996.89	-
Ogos	572,297.79	-
September	583,491.70	-
Oktober	570,785.99	-
November	566,507.88	-
Disember	623,376.79	-
Jumlah	**6,738,985.06**	**3,439,727.95**

b) Jumlah lampu jalan di bawah penyelenggaraan Majlis Perbandaran Klang adalah sebanyak 19,357 unit. Berikut adalah pecahan mengikut DUN:-

Jumlah Lampu Jalan Jenis *Galvanised* Mengikut Kawasan

BIL	KAWASAN	JUMLAH FEEDER PILLAR	JUMLAH LAMPU
1	Meru	113	3164
2	Kota Anggerik	3	170
3	Batu 3	24	583
4	Sungai Pinang	33	704
5	Sementa	83	2370
6	Kota Alam Shah	54	1693
2	Selat Klang	14	392
10	Pandamaran	39	1182
8	Sri Andalas	60	1108
9	Sri Muda	52	1777
10	Pelabuhan Klang	172	6214
		647	**19357**

*Nota : Jumlah lampu jalan di bawah selenggaraan Majlis sehingga 01 Januari 2017

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : PENYELENGGARAAN SAMPAH KEBUN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah sampah kebun (*Garden Waste*) yang dipungut dalam sehari/sebulan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ)?

JAWAPAN:

a) Secara purata, jumlah sampah kebun (*Garden Waste*) yang dipungut dalam tempoh sehari / sebulan di bawah seliaan MBSA, MBPJ, MPSJ, dan MPK sehingga bulan Mei 2017 adalah seperti berikut:-

PBT	JUMLAH PURATA KUTIPAN SAMPAH KEBUN SEHINGGA MEI 2017 (TAN METRIK)	
	SEBULAN	SEHARI
MBSA	18,066.04 TM	58.00 TM
MBPJ	2,971.80 TM	99.00 TM
MPSJ	13.62 TM	0.45 TM
MPK	750.00 TM	30.00 TM

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM
(N49 SERI ANDALAS)

TAJUK : PENERIMA PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Pecahan jumlah penerima semua Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di dalam kawasan Dewan Negeri Seri Andalas sejak dari bermulanya program ini dilaksanakan?

JAWAPAN:

a) Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) diwujudkan pada tahun 2008 sehingga akhir 2016 sebelum ditambah baik dan melalui penjenamaan semula pada tahun 2017 dengan membawa nama Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Sepanjang 8 tahun pelaksanaannya, terdapat program yang ditambah dan dimansuhkan mengikut keperluan semasa dan keberkesanan setiap program. Sehingga akhir tahun 2016, Program MES mempunyai sebanyak 17 program yang dirangka khusus bagi membantu golongan-golongan sasar memperbaiki kehidupan. Program ini telah terbukti berjaya menarik perhatian dan penerimaan ramai rakyat Selangor. Tahun demi tahun, peratusan penerima bantuan meningkat selaras dengan perkembangan setiap program yang diperkenalkan bagi membantu golongan yang kurang mampu di Negeri Selangor.

Ringkasan jumlah penerima faedah di DUN Seri Andalas sejak bermulanya program ini adalah seperti di Lampiran A. Namun begitu, terdapat beberapa program yang tidak mempunyai pecahan data mengikut DUN. Program tersebut adalah Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang, Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel), Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR), dan Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA). Skim SkimSel dan MiMBAR telah digabungkan di bawah Program Hijrah Selangor pada Mac 2015 manakala Skim WALA telah diberhentikan pada tahun 2014 setelah 2 tahun dilancarkan. Jumlah keseluruhan penerima faedah sehingga Disember 2016 bagi Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang adalah 14,251 manakala jumlah keseluruhan bagi SkimSel dan MiMBAR adalah seramai 11,349 dan 5,136 orang. WALA pula mencatatkan penerima faedah keseluruhan seramai 649 orang.

LAMPIRAN A

PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)
STATISTIK JUMLAH PENERIMA FAEDAH PROGRAM MES DI DUN SERI ANDALAS
DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 2016

BIL.	PROGRAM	AGENSI	PENERIMA FAEDAH (ORANG)
1	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	7691
2	Skim Mesra Usia Emas	Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)	2052
3	Pusat Dialisis Rakyat		-
4	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)		16
5	Skim Bantuan Tadika (TUNAS)		850
6	Jom Shopping (Warga emas + ibu tunggal)		2514
7	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)		1217
8	Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	Seksyen Sektoral, UPEN	Tiada pecahan mengikut DUN
9	Insentif Perkahwinan Belia		364
10	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)		-
11	Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M^3) Pertama	Kerajaan Negeri Selangor	Seluruh Rakyat Selangor
12	Program Hijrah Selangor (SkimSel + MiMBAR)	Hijrah Selangor	754
13	Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)		Tiada pecahan mengikut DUN
14	Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR)		Tiada pecahan mengikut DUN
15	Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA)		Tiada pecahan mengikut DUN
16	Pusat Tuisyen Rakyat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	387
17	Hadiah Anak Masuk Universiti		717

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kandungan serta objektif Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor berbanding program usahawan sedia ada?

b) Bilakah Program PembinaanUpaya Usahawan India Selangor akan dimulakan?

JAWAPAN:

a) Pada 31 Oktober 2016 di dalam Pembentangan Belanjawan 2017 Negeri Selangor yang lalu, Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mengumumkan sebanyak RM1,000,000.00 diperuntukkan bagi tujuan Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor atau *Selangor Indian Entrepreneurship and Capacity Building Program : Towards Economic Resilience, Empowerment and Upward Mobility.*

Mekanisme penganjuran akan melibatkan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Selangor dan juga HIJRAH Selangor di mana HIJRAH Selangor merupakan agensi di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan. Agensi ini berperanan untuk membantu usahawan-usahawan kecil meningkatkan pendapatan melalui penyaluran modal tambahan. Selain itu HIJRAH Selangor adalah agensi yang akan bertanggungjawab untuk melaksana dan memantau program ini dan melantik syarikat-syarikat yang mempunyai kepakaran yang ditentukan merangkumi sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Antara modul yang telah dirangka adalah peserta akan menyertai latihan berbentuk kemahiran bersama syarikat peneraju/ mentor terpilih dan akan dipantau selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung pada industri yang terpilih. Di dalam tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju.

Syarikat peneraju yang dipilih merupakan *business player* di dalam industri masing-masing. Ia adalah latihan secara terus di dalam bidang perniagaan dan peserta berpeluang untuk menjalani latihan dan dalam masa yang sama sebagai permulaan peserta dapat menghasilkan produk untuk dijual terus dalam skala yang kecil.

Di antara industri yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

i) Penjahitan;
ii) Pembuatan bakeri;
iii) Pembuatan aksesori wanita;
iv) Percetakan baju; dan
v) Perkhidmatan (reka grafik dan solekan).

Objektif utama Kerajaan Negeri dalam penganjuran program ini adalah seperti berikut:-

i) Untuk melahirkan minimum 268 usahawan India yang berpengetahuan sifar kepada usahawan berkemahiran untuk mengusahakan perniagaan berskala kecil;

ii) Memastikan golongan sasaran dapat menaik taraf kehidupan dan ekonomi menerusi janaan pendapatan melalui kemahiran sendiri; dan

iii) Sebagai medium usahawan India meningkatkan daya saing dengan menceburi bidang keusahawanan.

Berbanding dengan program usahawan sedia ada, program ini seakan program inkubator di mana pelaksanaan akan dipantau dari peringkat permulaan sehingga akhir. Peserta terdiri daripada kaum India sahaja dan mereka dilatih dan pantau oleh syarikat peneraju sehingga mahir di dalam bidang yang diceburi. Pemantauan juga berterusan sehingga 3-6 bulan.

b) Kertas cadangan Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan dijangka akan dimulakan pada bulan Ogos 2017. Program ini akan dilaksanakan oleh HIJRAH Selangor iaitu agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor. HIJRAH Selangor adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan program ini dan akan meneliti syarikat yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan bagi memperkasakan program ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : KETUA KAMPUNG AGEN PERUBAHAN

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Peranan Ketua Kampung penting dalam membantu memperjelaskan dasar-dasar Kerajaan Negeri agar dapat memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat desa. Bagaimana usaha ini direalisasikan serta dipantau perlaksanaannya?

b) Siapa yang bertanggungjawab menjalankan pemantauan prestasi Ketua-ketua Kampung yang dilantik?

JAWAPAN:

a) dan b)

Ketua Kampung adalah seseorang yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memimpin dan mengetuai sesuatu kampung di Negeri Selangor. Setiap Ketua Kampung bertanggungjawab untuk menyampaikan kepada penduduk akan dasar-dasar Kerajaan, menjadi penghubung antara Kerajaan Negeri dan penduduk kampung, berusaha ke arah kemajuan kampung, menggalakkan orang kampung untuk membayar apa-apa hasil kepada Kerajaan seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang serta menggalakkan semangat kerjasama dikalangan penduduk.

Di antara peranan penting Ketua Kampung adalah memperjelaskan dasar-dasar Kerajaan Negeri agar dapat memupuk perpaduan dan keharmonian masyarakat desa. Ketua Kampung bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan keperluan kampung dan selaras dengan arahan Kerajaan Negeri. Oleh itu, usaha memperjelas dasar-dasar Kerajaan Negeri dapat direalisasikan atau dapat diterapkan semasa perancangan dan pelaksanaan urusan pentadbiran dan operasi dijalankan dalam konteks untuk;

i. Mengenalpasti dan merancang projek-projek pembangunan masyarakat yang boleh meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk di dalam kampung selaras dengan dasar-dasar yang ditetapkan.
ii. Menyusun keutamaan projek-projek yang hendak dilaksanakan.
iii. Menyedia, mengemaskinikan dan mempamerkan maklumat serta data-data Profil Kampung.

Pemantauan prestasi Ketua Kampung dibuat oleh Pentadbir Tanah Daerah. Pegawai Daerah boleh mencadangkan penamatan perkhidmatan Ketua Kampung kepada Kerajaan Negeri mengikut peraturan yang ditetapkan jika mendapati seseorang Ketua Kampung tidak berfungsi sebagai mana yang telah ditetapkan atau tidak menjalankan tugasan berikut:

i. Tidak mengadakan mesyuarat JKKK selama tempoh 3 bulan berturut-turut;
ii. Tidak menghadiri mesyuarat yang dijemput oleh Pegawai Daerah, Ketua Penolong Pegawai Daerah dan Penghulu sebanyak 5 kali berturut-turut;
iii. Tidak menghadiri majlis rasmi Kerajaan Negeri di peringkat negeri dan daerah sebanyak 5 kali berturut-turut; dan
iv. Tidak memberi kerjasama kepada jabatan/ agensi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Peratus Peruntukan Perbelanjaan Mengurus telah diturunkan kepada 47.8% berbanding Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan 52.2%. Adakah penurunan % perbelanjaan tersebut memberi kesan kepada prestasi?

b) Adakah trend ini mampu diteruskan di tahun akan datang?

JAWAPAN:

a) Penurunan peratus peruntukan Mengurus tahun 2017 berbanding peruntukan Pembangunan tidak akan memberi kesan kepada prestasi Jabatan-jabatan dibawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam meluluskan peruntukan Mengurus, Kerajaan Negeri telah pun mengambil kira segala komitmen yang perlu di tampung oleh setiap Jabatan iaitu termasuk bayaran emolumen, bayaran utiliti dan perkhidmatan kontrak. Malahan jika dilihat daripada segi jumlah peruntukan Mengurus yang diluluskan bagi tahun 2015 hingga 2017, amaun adalah meningkat seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN MENGURUS	
		RM	%
2015	**2,422,500,000.00**	**1,288,530,000.00**	**53.2**
2016	**2,880,000,000.00**	**1,440,000,000.00**	**50.0**
2017	**3,450,000,000.00**	**1,650,000,000.00**	**47.8**

b) Keperluan untuk mengurangkan peratus peruntukan Mengurus berbanding peruntukan Pembangunan adalah bergantung kepada unjuran perbelanjaan Pembangunan bagi sesuatu tahun iaitu dengan melihat kepada perancangan yang telah dibuat bagi sepanjang tempoh Rancangan Malaysia [contoh : RM Ke-11(bagi tempoh 2016-2020)].

Oleh yang demikian, *trend* ini boleh diteruskan pada masa akan datang bergantung kepada unjuran pelaksanaan projek dan program dalam tempoh Rancangan Malaysia yang telah ditetapkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)

TAJUK : KAJIAN KEMISKINAN DI BANDAR DAN DESA

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah dapatan dan rumusan daripada Kajian Kemiskinan di Bandar dan Desa yang telah dijalankan oleh Universiti Tunku Abdul Rahman dan UNISEL?

b) Apakah Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Hasil Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor telah dibentangkan oleh Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 19/2016 bertarikh 8 Jun 2016 yang lalu.

Antara hasil dapatan dan rumusan kajian adalah merangkumi faktor-faktor yang dikenalpasti menyebabkan kemiskinan. Ianya terdiri daripada tiga (3) dimensi iaitu Kesihatan, Pendidikan dan Taraf Hidup. Hasil dapatan ini juga adalah berdasarkan kepada Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index* - MPI) yang mana merupakan pengukuran antarabangsa terhadap masalah kemiskinan yang semakin meruncing meliputi 110 buah negara membangun.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih lagi meneliti, mempertimbangkan dan mengkaji semula hasil dapatan keseluruhan kajian ini secara mikro dari pelbagai aspek termasuk kewangan, ekonomi, sosial dan politik bagi memastikan hasil kajian yang diperolehi adalah benar-benar menyeluruh, komprehensif, realistik dan bersesuaian untuk digunapakai di Negeri Selangor serta akhirnya dapat memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasar yang benar-benar memerlukan.

Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 40/2016 bertarikh 7 Disember 2016, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor dikekalkan pada paras RM1,500.00 seisi rumah dan digunapakai oleh semua Jabatan/ Agensi di Negeri Selangor yang menyelaras dan melaksanakan program bantuan termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). PGK Selangor ini dilihat lebih realistik dan bersesuaian dengan senario

ekonomi semasa berbanding dengan PGK Nasional iaitu RM930.00 seisi rumah.

b) Dalam melangkah maju kehadapan serta mendepani pelbagai cabaran ketidaktentuan ekonomi, kemiskinan merupakan fokus utama yang perlu ditangani hingga ke akar umbi. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri sentiasa proaktif dalam mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi lantaran melebarkan golongan kelas menengah. Oleh yang demikian, satu Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor yang mana terdiri daripada Rancangan Pembangunan Jangka Pendek dan Panjang disediakan bagi memberikan hala tuju yang jelas serta memastikan semua perancangan pembangunan tidak tersasar dari landasan yang telah direncanakan sejak awal sekaligus mencapai matlamat kemiskinan sifar.

Selari dengan aspirasi “Membangun Bangsa Memakmur Negeri”, Kerangka Rancangan Pembangunan Jangka Pendek dan Panjang bagi Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor adalah menggunakan pendekatan secara holistik, integrasi/ bersepadu dan sinergi. Tidak hanya menfokuskan kepada golongan sasaran tertentu sahaja, ianya mensasarkan semua golongan miskin dan kurang berkemampuan dari segenap lapisan masyarakat.

Dengan menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (*Multidimensional Poverty Index*- MPI) sebagai asas pembinaan teras-teras strategi dan bidang fokus yang akan digariskan bersesuaian dengan kesejahteraan sosio-ekonomi dan rangka kerja pembangunan Negeri Selangor, ianya diharap berupaya mencapai matlamat kemiskinan sifar dari segenap dimensi dengan berpaksikan rakyat (*people centric*). Berikut merupakan Kerangka Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor yang mana terdiri daripada Rancangan Pembangunan Jangka Pendek dan Panjang bagi Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor.

A. Kerangka Rancangan Pembangunan Jangka Pendek bagi Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor

- Merupakan suatu dasar yang dibina untuk membasmi kemiskinan secara total dan efektif yang mana terdiri daripada dua (2) strategi:-

  i. Meneruskan agenda *Smart* Selangor ke arah menjadikan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang *smart* dengan berpaksikan rakyat; dan

  ii. Meneruskan dan memperkukuh program-program pembasmian kemiskinan dan pengupayaan ekonomi sedia ada seperti Program HIJRAH Selangor, Dana

Usahawan Mikro, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan, Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin, Program Pembangunan Ekonomi, Nelayan, Petani dan Peternak Negeri Selangor, Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti Program Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Insentif Perkahwinan Belia serta pelbagai lagi program Inisiatif Peduli Rakyat dan program-program lain di bawah seliaan pelbagai Jabatan/ Agensi di Negeri Selangor.

B. Kerangka Rancangan Pembangunan Jangka Panjang bagi Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor

- Merupakan suatu dasar yang mencakupi strategi utama dan bidang fokus yang menyeluruh untuk mencapai sasaran kemiskinan sifar dalam semua dimensi. Konsep pelaksanaannya adalah menggunapakai lima (5) teras strategik iaitu:-

    i. Memperkukuh infrastruktur dan kemudahan yang *smart;*
    ii. Mencapai pendidikan inklusif;
    iii. Mempertingkat pembangunan mampan serta mewujudkan komuniti yang prihatin, selamat dan harmoni;
    iv. Memperkasa pertumbuhan ekonomi; dan
    v. Memperluas akses dan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan serta mempertingkat kualiti kehidupan.

Oleh yang demikian, bagi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup rakyat Negeri Selangor, isu kemiskinan perlu ditangani secara holistik, integrasi/ bersepadu dan sinergi bagi memastikan matlamat kemiskinan sifar di Negeri Selangor dapat dicapai.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : MAMMOGRAM SELANGOR (MAMMOSEL)

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan dari jumlah keseluruhan untuk pemerikasaan MammoSel yang disediakan secara tahunan bermula 2014 hingga kini?

b) Sila nyatakan jenis-jenis peruntukan dan senaraikan penggunaannya di setiap DUN pada tahun 2014 hingga kini.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor menzahirkan keprihatinan terhadap isu-isu kesihatan golongan wanita Selangor dengan memperkenalkan dan melaksanakan Skim Kesihatan Wanita – Mammogram Selangor (MammoSel) semenjak tahun 2010 dan masih diteruskan sehingga kini melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dengan peruntukan tahunan sebanyak RM1,000,000.00.

Jumlah peruntukan yang telah digunakan untuk pemeriksaan MammoSel yang disediakan mulai tahun 2014 hingga kini adalah seperti berikut :-

Tahun	Jumlah Peruntukan Dibelanjakan (RM)	Jumlah Penerima Manfaat (Orang)
2014	45,320.00	495
2015	196,530.00	2,095
2016	1,462,707.30	9,330
2017 (sehingga Mac)	459,494.70	2,849
Jumlah	**2,164,052.00**	**14,769**

(Sumber : Rantaian Mesra Sdn. Bhd. (RMSB)

b) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi melaksanakan Mammogram Selangor (MammoSel) ini di bawah peruntukan pembangunan melalui P01-18002 Skim Kesihatan Wanita. Berikut adalah senarai penggunaannya di setiap DUN pada tahun 2014 sehingga Mac 2017 :-

No.	DUN		2014	2015	2016	2017 (Mac)	Jumlah penerima manfaat	Jumlah peruntukan yang terlibat (RM)
1	N01	Sungai Ayer Tawar	37	36	22	45	140	21,000.00
2	N02	Sabak	0	0	106	116	222	33,300.00
3	N03	Sungai Panjang	0	107	341	0	448	67,200.00
4	N04	Sekinchan	0	83	35	0	118	17,700.00
5	N05	Hulu Bernam	0	0	65	29	94	14,100.00
6	N06	Kuala Kubu Bahru	0	0	40	0	40	6,000.00
7	N07	Batang Kali	0	69	193	10	262	39,300.00
8	N08	Sungai Burong	0	83	105	0	188	28,200.00
9	N09	Permatang	0	38	134	31	203	30,450.00
10	N10	Bukit Melawati	0	0	31	34	65	9,750.00
11	N11	Ijok	25	72	159	11	267	40,050.00
12	N12	Jeram	19	0	41	124	184	27,600.00
13	N13	Kuang	41	107	139	0	287	43,050.00
14	N14	Rawang	29	0	222	19	270	40,500.00
15	N15	Taman Templer	47	133	202	108	490	73,500.00
16	N16	Batu Caves	25	52	88	19	184	27,600.00
17	N17	Gombak Setia	0	0	188	0	188	28,200.00
18	N18	Hulu Kelang	0	0	82	0	82	12,300.00
19	N19	Bukit Antarabangsa	0	0	114	22	136	20,400.00
20	N20	Lembah Jaya	0	0	71	63	134	20,100.00
21	N21	Cempaka	0	0	144	0	144	21,600.00
22	N22	Teratai	0	27	22	0	49	7,350.00
23	N23	Dusun Tua	0	0	68	39	107	16,050.00
24	N24	Semenyih	0	36	43	42	121	18,150.00
25	N25	Kajang	18	39	264	147	468	70,200.00
26	N26	Bangi	32	29	254	76	391	58,650.00
27	N27	Balakong	0	38	170	0	208	31,200.00

No.	DUN		2014	2015	2016	2017 (Mac)	Jumlah penerima manfaat	Jumlah peruntukan yang terlibat (RM)
28	N28	Sri Kembangan	0	0	134	42	176	26,400.00
29	N29	Sri Serdang	0	0	180	13	193	28,950.00
30	N30	Kinrara	27	0	226	121	374	56,100.00
31	N31	Subang Jaya	13	0	65	11	89	13,350.00
32	N32	Seri Setia	0	31	133	0	164	24,600.00
33	N33	Taman Medan	39	28	303	71	441	66,150.00
34	N34	Bukit Gasing	0	33	253	12	298	44,700.00
35	N35	Kampung Tunku	0	0	161	88	249	37,350.00
36	N36	Damansara Utama	0	29	162	45	236	35,400.00
37	N37	Bukit Lanjan	40	0	62	80	182	27,300.00
38	N38	Paya Jaras	0	0	167	101	268	40,200.00
39	N39	Kota Damansara	0	72	224	147	443	66,450.00
40	N40	Kota Anggerik	0	0	568	18	586	87,900.00
41	N41	Batu Tiga	8	41	508	698	1,255	188,250.00
42	N42	Meru	0	234	301	77	612	91,800.00
43	N43	Sementa	0	0	149	0	149	22,350.00
44	N44	Sungai Pinang	0	267	231	0	498	74,700.00
45	N45	Selat Klang	0	37	78	50	165	24,750.00
46	N46	Pelabuhan Klang	0	0	358	26	384	57,600.00
47	N47	Pandamaran	0	34	332	0	366	54,900.00
48	N48	Kota Alam Shah	0	0	67	0	67	10,050.00
49	N49	Seri Andalas	0	33	22	57	112	16,800.00
50	N50	Sri Muda	0	0	263	53	316	47,400.00
51	N51	Sijangkang	0	34	208	0	242	36,300.00
52	N52	Teluk Datuk	29	34	96	38	197	29,550.00
53	N53	Morib	0	0	111	46	157	23,550.00
54	N54	Tanjong Sepat	66	119	160	84	429	64,350.00
55	N55	Dengkil	0	6	211	35	252	37,800.00

No.	DUN		2014	2015	2016	2017 (Mac)	Jumlah penerima manfaat	Jumlah peruntukan yang terlibat (RM)
56	N56	Sungai Pelek	0	26	197	0	223	33,450.00
Jumlah Keseluruhan			**495**	**2,007**	**9,273**	**2,838**	**14,613**	**2,191,950.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : KURSUS TASKA DI RUMAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR.

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah peruntukan untuk melaksanakan kursus pengasuhan kanak-kanak di rumah semenjak ianya dilaksanakan sehingga kini.

b) Nyatakan bilangan peserta yang terlibat mengikut DUN (semenjak di laksanakan sehingga kini).

c) Sila nyatakan pengendali/consultant untuk program ini beserta jumlah bayaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada mereka.

JAWAPAN:

a) Jumlah peruntukan bagi melaksanakan program ini adalah sebanyak **RM341,389.80** (15 kali dilaksanakan sejak tahun 2013 sehingga 2017).

b) Jumlah peserta yang terlibat seramai 416 orang. Pecahan mengikut DUN

DUN	Jumlah Peserta
Balakong	3
Bangi	20
Batang Kali	9
Batu Caves	4
Batu Tiga	34
Bukit Antarabangsa	1
Bukit Gasing	6
Bukit Lanjan	2
Chempaka	13
Damansara Utama	3

DUN	Jumlah Peserta
Dusun Tua	1
Dengkil	8
Gombak Setia	0
Ijok	4
Jeram	13
Kampung Tenku	0
Kajang	35
Kinrara	8
Kota Anggerik	28
Kota Damansara	5
Kota Alam Shah	0
Kuang	3
Kuala Kubu Bharu	0
Lembah Jaya	0
Meru	18
Morib	18
Pandamaran	3
Paya Jaras	18
Pelabuhan Klang	1
Permatang	0
Rawang	5
Selat Klang	10
Sementa	6
Semenyih	22
Sekinchan	0

DUN	Jumlah Peserta
Seri Setia	2
Seri Andalas	4
Seri Kembangan	1
Sijangkang	27
Sri Andalas	6
Sri Muda	16
Subang Jaya	3
Sungai Burong	2
Sungai Pelek	6
Sungai Pinang	8
Taman Medan	25
Taman Templer	4
Tanjung Sepat	1
Telok Datok	7
Teratai	3
JUMLAH	**416**

c) Pembayaran kepada pengendali/ consultant untuk program sikembar

Nama Pengendali /Consultant	Jumlah program yg dikendalikan	Kos yang dibayar (RM)
Persatuan Taska Negeri Selangor	3	101,030.00
Pusat Latihan Wawasan	4	76,859.80
Asuh Fitrah Training & consultancy	8	163,500.00
JUMLAH	**15**	**341,389.80**

Nota : Termasuk 1 kali bayaran yang dibuat secara terus oleh pihak PSM peringkat awal pelaksanaannya.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : LESEN PERNIAGAAN MAKANAN

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah jenis-jenis lesen perniagaan makanan yang serta syarat-syaratnya seragam mengikut setiap PBT? Sila nyatakan jenis beserta syarat tersebut mengikut setiap PBT.

b) Apakah denda-denda yang dikenakan juga seragam mengikut PBT jika peniaga gagal mematuhi syarat-syarat yang ditentukan? Sila nyatakan mengikut setiap PBT.

JAWAPAN:

a) Jenis-jenis dan syarat-syarat lesen peniagaan makanan adalah di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Establisymen Makanan (PBT) 2007 serta menggunapakai Garis Panduan Lesen Kedai Makan/ Pengendalian Makanan yang diseragamkan. Jenis-jenis Lesen di bawah UUK Penyeliaan Makanan adalah :

i) Lesen Restoran/ Kafeteria
ii) Lesen Kantin Kilang
iii) Lesen Kantin Sekolah
iv) Lesen Kantin Pejabat

Syarat seragam mengikut setiap PBT adalah seperti di Lampiran A.

b) Berikut adalah denda-denda yang dikenakan mengikut PBT jika peniaga gagal mematuhi syarat-syarat lesen perniagaan makanan yang ditetapkan :

PBT	DENDA YANG DIKENAKAN JIKA PENIAGA GAGAL MEMATUHI SYARAT-SYARAT
MBSA	Kegagalan mematuhi Syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pelesenan, Notis Tunjuk Sebab Pembatalan Lesen dalam tempoh 14 hari akan dikeluarkan kepada pemegang Lesen. Manakala bagi kompaun dan sitaan akan dikeluarkan oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Kesihatan dan Persekitaranmengikut jenis kesalahan yang dilakukan.
MBPJ	Boleh menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan sekiranya berlaku kegagalan mematuhi syarat atau pelanggaran apa-

PBT	DENDA YANG DIKENAKAN JIKA PENIAGA GAGAL MEMATUHI SYARAT-SYARAT
	apa syarat atau sekatan lesen. Bagi permohonan baru yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan di bawah establisymen makanan, permohonan akan ditolak. Manakala bagi pemegang lesen yang melanggar syarat-syarat lesen ini akan diambil tindakan kompaun dan penutupan premis makanan.
MPK	Denda yang dikenakan merujuk kepada Undang-undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPK) 2007. Premis yang tidak mematuhi syarat pelesenan boleh ditutup atau dikenakan kompaun tidak melebihi RM1,000.00.
MPAJ	Berdasarkan peruntukan Undang-undang dibawah UUK Establisymen Makanan MPAJ 2007, tindakan penguatkuasaan yang boleh dikenakan adalah seperti berikut; 1. Kompaun; Maksimum RM1,000.00 2. Notis Pematuhan Syarat 3. Notis Pembatalan Lesen 4. Pendakwaan di Mahkamah Penalti maksimum RM2,000.00 5. Tindakan sitaan
MPSJ	Denda yang dikenakan adalah merujuk kepada Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007 dan Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007
MPS	Denda-denda yang dikenakan adalah mengikut kesalahan undang-undang yang diguna pakai oleh PBT seperti berikut : i. Akta Kerajaan Tempatan 1976; ii. Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MPS) 2007; iii. Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MPS) 2007; iv. Akta Jalan Parit Bangunan 1974; dan v. Akta Penyakit Berjangkit 1984.
MPKj	Mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Kajang) 2007 menyatakan : Penalti: 66. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan.
MPSp	Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Sepang) 2007
MDKL	Denda-denda yang boleh dikenakan adalah seragam bagi semua PBT iaitu berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam Undang-

PBT	DENDA YANG DIKENAKAN JIKA PENIAGA GAGAL MEMATUHI SYARAT-SYARAT
	undang Kecil Pelesenan Establisymen Makan (MDKL) 2007 serta Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MDKL) 2007
MDHS	Denda-denda yang boleh dikenakan adalah seragam bagi semua PBT iaitu berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam Undang-undang Kecil Pelesenan Establisymen Makan (MDHS) 2007 serta Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MDHS) 2007
MDKS	Denda-denda yang dikenakan jika peniaga gagal mematuhi syarat-syarat yang ditentukan: i. Tindakan kompaun tidak melebihi RM1,000.00; ii. Tindakan penyitaan; iii. Penalti: denda tidak melebihi dua ribu ringgit iv. Penggantungan lesen / permit perniagaan; dan v. Tindakan pembatalan lesen.
MDSB	Denda-denda yang boleh dikenakan adalah seragam bagi semua PBT iaitu berdasarkan peruntukan yang terkandung dalam Undang-undang Kecil Pelesenan Establisymen Makan (MDSB) 2007 serta Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MDSB) 2007. Namun, bagi kadar kompaun yang dikenakan ke atas kesalahan di bawah UUK yang tersebut adalah berdasarkan Garis Panduan Pengurangan Kompaun MDSB yang mula dilaksanakan mulai Ogos 2016.

Nota : Sumber dari PBT

Lampiran A

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN PREMIS MAKANAN

(Restoran, *Fast Food*, Kafetaria, Tempat Makan Didalam Hotel, Kelab, Gerai Makan, Kantin Kilang, Kantin Sekolah, Kantin Hospital Dan Sebagainya. Tidak Termasuk Kilang Makanan)

Bil.	Perkara
1.	Pengendali makanan hendaklah diperiksa oleh doktor perubatan untuk layak mengendali makanan serta memakai Kad Pengendali Makanan.
2.	Mengadakan kemudahan seperti dapur, tempat penyediaan makanan atau ruang dewan makan, bilik air dan tandas, tempat sinki dan besen membasuh pinggan mangkuk, tempat tong sampah, tempat simpanan dan hidangan makanan (*store and serving*), kaki lima dan tempat-tempat laluan (*passageway*) ke dapur dan bilik tandas. Dinding dan lantai hendaklah disudahi dengan jubin naik ke paras atau siling atau bahan yang sama jenisnya dengan sempurna.
3.	Mengadakan cerobong asap dan kipas hawa panas (exhaust fan) di tempat-tempat memasak makanan mengikut saiz (3’ panjang dan 2’ lebar) yang sesuai dari bahan yang tahan seperti stainless steel atau aluminium dengan sempurna.
4.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (*ventilation*) dan cahaya (*lighting*) yang sempurna dan mencukupi.
5.	Semua barang-barang atau peralatan dan bahan-bahan makanan hendaklah berkeadaan baik dan bersih serta diletak atau disimpan di atas rak, kabinet dan meja yang sempurna seperti keluli, marmar, kaca, jubin dan sebagainya dengan kemas dan teratur (dilarang meletakkan makanan di atas lantai).
6.	Seluruh premis hendaklah sentiasa bebas daripada serangga dan rodensia atau haiwan pemeliharaan dan kacau ganggu.
7.	Seluruh premis dikawasan dalam atau luar hendaklah sentiasa bersih dan berkeadaan baik (*in good state*).
8.	Mendapatkan segala bahan makanan daripada pembekal yang mempunyai lesen daripada Pihak Berkuasa yang berkenaan.
9.	Mempamerkan papan tanda larangan merokok dan menjaga kebersihan yang sempurna dan mencukupi.
10.	Mengadakan alat pemadam api yang sesuai dan mencukupi yang diluluskan oleh pihak Bomba didalam premis.
11.	Premis hendaklah mempunyai kemudahan rawatan perubatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi seperti peti ubat dan lain-lain alat perubatan yang diperlukan oleh pekerja.

Bil.	Perkara
12.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik atau ruang dipremis sebagai tempat tidur (penginapan), tempat makan dan tempat untuk main judi tanpa kebenaran daripada pihak PBT.
13.	Mengadakan peti atau bilik sejuk bersuhu darjah yang sesuai. Makanan mentah (yang belum dimasak) dan makanan sudah siap dimasak hendaklah disimpan berasingan di dalamnya supaya tidak dicemari.
14.	Premis hendaklah mempunyai sistem bekalan air dari Jabatan Bekalan Air dan mempunyai bekalan elektrik dari Tenaga Nasional dan sistem pembentungan yang sempurna dalam keadaan baik dan selamat.
15.	Premis hendaklah mempunyai pusat pembuangan sampah dan tong sampah bertudung yang sempurna dan mencukupi serta berkeadaan bersih dan baik.
16.	Mengadakan perkhidmatan kontraktor pembuangan sampah yang dilesenkan oleh pihak PBT.
17.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk atau keluar dan tangga serta kaki lima premis.
18.	Mengadakan perangkap minyak atau lemak disinki dan tempat membasuh pinggan mangkuk yang sempurna. Semua air basuhan hendaklah disalurkan kedalam sistem pembetungan.
19.	Mengadakan sistem perparitan didalam dapur dan tempat penyediaan makanan yang sempurna dan bahannya berjenis *glazed, heavy duty* atau keluli (*stainless steel*) atau jenis bahan yang serupa dengannya.
20.	Setiap pengendali makanan hendaklah memakai pakaian seragam yang bersih, lengkap dan disediakan locker untuk simpanannya dipremis.
21.	Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki, besen sabun cecair yang sempurna dan mencukupi.
22.	Menggunakan air panas dan sabun pencuci untuk mencuci segala peralatan memasak, pinggan mangkuk dan alat menghidang makanan.
23.	Tidak dibenarkan aktiviti lain dijalankan dipremis makanan tanpa kebenaran PBT.
24.	Dilarang meletak apa-apa barang atau menggunakan mana-mana kawasan awam tanpa kebenaran PBT.
25.	Segala makanan atau minuman yang siap dimasak dan sedia dimakan atau diminum yang dibungkus untuk dijual hendaklah menggunakan bahan atau bekas pembungkusan makanan atau minuman (*food packaging or wrapping containers or material*) yang bersih dan tidak pernah digunakan serta bersesuaian dengan alam Sekitar (*environmental friendly*) dan kesihatan (*conducive to health*) disamping itu senang dilupuskan seperti bahan organik (*dio-degradable*), kotak, kertas berlapis, kayu, buloh atau bahan-bahan yang

Bil.	Perkara
	boleh diguna semula (*recycle*) seperti tin, aluminium, botol dan sebagainya.
26.	Berdasarkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil.1/2016, pemegang lesen dikehendaki untuk tidak menyediakan beg plastik secara percuma dan dilarang bagi penggunaan polistirena.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : SKIM CERIA

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan permohonan untuk skim ceria pangsapuri di Selangor semenjak ianya di laksanakan sehingga sekarang?

b) Sila nyatakan pangsapuri di Dun Batu Tiga yang telah memohon serta telah mendapat manfaat ni semenjak dilaksanakan.

c) Apakah punca-punca ianya tidak dapat dilaksanakan atau ditolak?

JAWAPAN:

a) Sejak Skim CERIA mula dilaksana pada Disember tahun 2010 sehingga Jun 2017 Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah menerima sebanyak 538 permohonan daripada pangsapuri kos rendah dan sederhana untuk baik pulih harta bersama.

b) Senarai dan butiran pangsapuri di bawah DUN Batu Tiga yang telah memohon, menolak tawaran dan menerima manfaat bantuan Skim CERIA adalah seperti berikut:-

i- <u>Senarai Memohon dan Menerima Manfaat Skim CERIA</u>

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	TAHUN	JENIS KERJA	KOS (RM)
1	Perbadanan Pengurusan Anggerik 21, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 6 Blok	216,684.80
2	Perbadanan Pengurusan Anggerik 46, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 3 Blok	113,718.00
3	Perbadanan Pengurusan Anggerik 6, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 8 Blok	324,934.00
4	Perbadanan Pengurusan Anggerik 52, Seksyen 24,	MBSA	2012	Bumbung	186,850.00

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	TAHUN	JENIS KERJA	KOS (RM)
	Shah Alam			5 Blok	
5	Perbadanan Pengurusan Anggerik 16, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 5 Blok	226,400.90
6	Perbadanan Pengurusan Anggerik 44, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 3 Blok	124,300.00
7	Pangsapuri Seri Kayan, USJ 2	MPSJ	2013	4 Unit Tangki Air	67,800.00
8	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ	MPSJ	2017	Tangki Menara	400,883.84
JUMLAH					**1,661,571.54**

ii- Senarai Memohon dan Menolak Tawaran Skim CERIA

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	TAHUN	JENIS KERJA	ANGGARAN KOS (RM)
1	Blok 6 – 9, Seksyen 19, Shah Alam	MBSA	2012	Salur Paip Sanitari	83,150.00
2	Perbadanan Pengurusan Anggerik 23, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 4 Blok	152,500.00
3	Perbadanan Pengurusan Anggerik 40, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 1 Blok	89,200.00
4	Perbadanan Pengurusan Anggerik 26, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 4 Blok	126,000.00
5	Perbadanan Pengurusan Anggerik 34, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 3 Blok	205,100.00
6	Perbadanan Pengurusan Anggerik 36, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 5 Blok	322,200.00

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	TAHUN	JENIS KERJA	ANGGARAN KOS (RM)
7	Perbadanan Pengurusan Anggerik 2, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 4 Blok	118,750.00
8	Perbadanan Pengurusan Anggerik 48, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2012	Bumbung 2 Blok	89,450.00
9	Perbadanan Pengurusan Anggerik 36, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2015	Bumbung 1 Blok	97,000.00
10	Perbadanan Pengurusan Anggerik 12, Seksyen 24, Shah Alam	MBSA	2016	Bumbung 3 Blok	343,500.00
11	Pangsapuri Taman Sri Rasau, Seksyen 16, Shah Alam	MBSA	2016	Pagar	292,000.00
12	Pangsapuri Rimba Jaya, Seksyen 16, Shah Alam	MBSA	2016	5 Unit Lif	1,138,365.80
JUMLAH					**3,057,215.80**

c) Antara punca-punca Skim Ceria tidak dapat dilaksanakan atau ditolak adalah kerana:-

i- Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) yang tidak aktif.

ii- Kurang mendapat kerjasama pemilik dan penduduk.

iii- Kutipan caj penyenggaraan kurang dan di luar kemampuan JMB/MC sehingga menyebabkan jumlah 5% daripada kos baik pulih gagal dibayar untuk tujuan mula kerja.

iv- Segelintir penduduk menentang baik pulih yang akan dilakukan kerana berkait dengan unsur-unsur politik.

v- Penduduk inginkan subsidi penuh 100% bagi kos baik pulih kerana sudah terbiasa dengan situasi tidak membayar caj sejak dari dahulu.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB/MC)

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan pengurusan pangsapuri di sekitar DUN Batu Tiga yang masih berstatus JMB dan yang tidak mempunyai JMB langsung.

b) Sila nyatakan juga pemaju yang terlibat dengan perkara di atas.

c) Sila nyatakan juga status samada JMB tersebut aktif/tidak dalam memenuhi tuntutan Akta 757.

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Senarai pengurusan pangsapuri di sekitar DUN Batu Tiga yang masih berstatus JMB dan yang tidak mempunyai JMB langsung, pemaju yang terlibat dan status samada JMB tersebut aktif/tidak adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B.

Ringkasan statistik pengurusan pangsapuri bagi kawasan DUN Batu Tiga seperti berikut:

PERKARA	COB MBSA	COB MPK	JUMLAH
Jumlah Pangsapuri	55	8	63
Jumlah JMB/MC Aktif	31	6	37
Jumlah JMB/MC Tidak Aktif	8	2	10
Masih Di bawah Pemaju	16	0	16

LAMPIRAN A

STATUS PIHAK PENGURUSAN BAGI KAWASAN DUN BATU TIGA SEHINGGA 1 JULAI 2017

COB: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA PANGSAPURI	PEMAJU	STATUS JMB/MC AKTIF/TIDAK AKTIF ATAU MASIH PEMAJU
1	RP KOS S. RENDAH BLOK 1-3 SEKSYEN 17/1	PKNS	MASIH PEMAJU
	RP KOS S. RENDAH BLOK 4-6 SEKSYEN 17/1		MASIH PEMAJU
	RP KOS S. RENDAH BLOK 1-3 SEKSYEN 17/2		AKTIF
	RP KOS S.RENDAH BLOK 4-6 SEKSYEN 17/2		AKTIF
	RP KOS S.RENDAH BLOK 7-10 SEKSYEN 17/2		AKTIF
	PANGSAPURI PUTERI	LEBAR DAUN DEVELOPMENT	MASIH PEMAJU
2	PANGSAPURI KOMUTERAYA	PKNS	AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 19/3 BLOK 1-5		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 19/3 BLOK 6-9		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 1 - 5 SEKSYEN 19/15		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 6 SEKSYEN 19/15		MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 7 SEKSYEN 19/15		TIDAK AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 8 SEKSYEN 19/15		AKTIF
3	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 3 SEKSYEN 20	PKNS	MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 4 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 13 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 14 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 15 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 16 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 17 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 18 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI KOS RENDAH BLOK 19 SEKSYEN 20		MASIH PEMAJU
	KONDOMINIUM SURI PUTERI	SC LAND (SEMANGAT ULUNG)	AKTIF
4	KONDOMINIUM PURI AYU	SHANGHAI REALITY (M) SB	AKTIF
	PANGSAPURI INDAHRIA		AKTIF
	KONDOMINIUM INDAH ALAM		AKTIF
	PANGSAPURI PERKHIDMATAN ALAM IDAMAN	CB LAND SDB BHD	AKTIF
	KEDAI PEJABAT AVENUE CREST		AKTIF
	PANGSAPURI ALAM PRIMA	SPNB	AKTIF
5	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 2 - 5	PKNS	TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 19 - 21		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 32		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 54 - 59		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 34 - 36		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 LOK 37 - 41		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 42		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 43 - 46		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 50 - 53		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 60 - 61		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 64 & 73		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 65, 66, 67, 68 & 70		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 69, 71 & 72		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 28 - 31		TIDAK AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 74 & 77		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 75, 76 & 78		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 22 - 27		AKTIF
	PANGSAPURI SEKSYEN 24 BLOK 10 - 17		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 79 SEKSYEN 24		AKTIF

LAMPIRAN A

STATUS PIHAK PENGURUSAN BAGI KAWASAN DUN BATU TIGA SEHINGGA 1 JULAI 2017

COB: MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

BIL	NAMA PANGSAPURI	PEMAJU	STATUS JMB/MC AKTIF/TIDAK AKTIF ATAU MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 80 SEKSYEN 24		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 81 SEKSYEN 24		AKTIF
	RUMAH PANGSA BLOK 82 SEKSYEN 24		MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 83 SEKSYEN 24		MASIH PEMAJU
	RUMAH PANGSA BLOK 84 SEKSYEN 24	PKNS	MASIH PEMAJU
	PANGSAPURI ALUNAN BAYU		AKTIF
	PANGSAPURI BELAIAN BAYU		AKTIF

JUMLAH : 55
JMB/MC AKTIF : 31
JMB/MC TIDAK AKTIF: 8
MASIH PEMAJU :16
Sumber : COB, Majlis Bandaraya Shah Alam

LAMPIRAN B

STATUS PIHAK PENGURUSAN BAGI KAWASAN DUN BATU TIGA SEHINGGA 1 JULAI 2017

COB : MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL	NAMA PANGSAPURI	PEMAJU	SATUS JMB/MC AKTIF / TIDAK AKTIF ATAU MASIH PEMAJU
1	Pangsapuri Bukit Kuda	Titi Kaya Sdn Bhd	Aktif
2	Permai Bukit Kuda	Kompo Bina Sdn Bhd	Aktif
3	Pelangi Heights	Eng Ann Realty Co. Sdn Bhd	Aktif
4	Kondominium Dinasti	Dynasty Condo Management Sdn Bhd	Aktif
5	Kondominium Regency	MTL Lumber Sdn Bhd	Aktif
6	Centro	Centro Properties Group Sdn Bhd	Aktif
7	Flat Taman Aman	Who Pah Sang Sdn Bhd	Tidak Aktif
8	Bukit Kuda Court	Bukit Gombak Sdn Bhd	Tidak Aktif

JUMLAH : 8
JMB/MC AKTIF : 6
JMB/MC TIDAK AKTIF : 2

Sumber : COB, Majlis Perbandaran Klang

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PENCEGAHAN DENGGI

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rasional yang digunakan oleh KNS semasa melancarkan kempen menggunakan aerosol untuk menghapuskan nyamuk Aedes?

b) Apakah kesan penggunaan berleluasa aerosol keatas kesihatan manusia dan alam sekitar?

c) Sila nyatakan alternatif selain aerosol yang terbaik untuk menghapuskan Aedes.

JAWAPAN:

a) Program **Semburan Aerosol Selangor (SAS)** telah dilancarkan pada 26 Februari 2017 yang bertemakan **'Satu Rumah, Satu Aerosol'** sebagai satu langkah proaktif bagi mengawal dan mencegah penularan wabak Denggi yang bermula di rumah. Program SAS ini diilhamkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya penggunaan Aerosol di dalam rumah supaya ahli keluarga dapat dilindungi daripada nyamuk Aedes yang berkemungkinan berada dekat dengan penghuninya. Kaedah pencegahan ini amat mudah didapati dan dilaksanakan oleh setiap isi rumah dengan mematuhi arahan yang terdapat pada label.

Program ini merupakan fasa pertama yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor bagi mencegah kes demam Denggi daripada terus meningkat. Kempen-kempen kesedaran penggunaan Aerosol akan diteruskan di peringkat PBT semasa pelaksanaan program gotong-royong bersama penduduk.

Lanjutan keberkesanan yang dihasilkan daripada pelaksanaan Program SAS ini di rumah-rumah, Kerajaan Negeri melebarkan usaha untuk meluaskan penggunaan aerosol kepada pengusaha pengangkutan awam di negeri Selangor di mana sebahagian besar penduduk di Negeri Selangor menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam ini. Program ini melibatkan semua pengusaha Bas Smart Selangor, Bas Ekspres, Bas Berhenti-henti, Bas Sekolah, Bas Pekerja dan Pemandu Teksi di Selangor sebagai agen pencegahan denggi.

b) Penggunaan aerosol secara teratur adalah bertepatan dengan saranan dan panduan yang terdapat pada label yang dibekalkan. Penggunaan dan kaedah semburan yang betul tidak akan memberi kesan langsung kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Kerajaan Negeri turut mengedarkan risalah kaedah semburan aerosol bagi memastikan semua masyarakat dan pengusaha pengangkutan awam mengikuti panduan tersebut.

c) Selain penggunaan aerosol, penggunaan *insect repellent* juga digalakkan apabila berada di luar rumah bagi mengelakkan terkena gigitan nyamuk di kawasan luar rumah terutama pada waktu pagi dan senja. Langkah ini memberi perlindungan kepada keluarga secara total dan berkesan kerana boleh menghindarkan nyamuk aedes untuk mendekati dan mengigit.

Penggunaan *abate* juga adalah digalakkan kepada masyarakat bagi mencegah pembiakan Denggi di tempat-tempat yang boleh menakung air. *Abate* ini adalah sejenis pasir yang diproses dengan bahan tertentu untuk mematikan jentik-jentik dan iainya perlu ditaburkan ke tempat takungan seperti tangki air, bekas menakung air dan sebagainya. Takungan yang tidak dapat dielakkan haruslah diletakkan *abate* secara berkala bagi menhapuskan jentik-jentik aedes.

Masyarakat juga diminta untuk mencari dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes yang terdapat di dalam rumah seperti takungan di bawah peti sejuk, baldi yang berisi air bertakung, bekas pasu bunga serta tidak menyimpan barang-barang yang boleh menakung air di dalam mahupun diluar rumah. Dengan tindakan kendiri yang dijalankan oleh masyarakat, Kerajaan Negeri berharap agar kes demam Denggi dapat dicegah daripada meningkat dan menjayakan Program Selangor Bebas Denggi.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah jenis peruntukan yang disediakan bagi menjayakan program dan pengoperasian PWB? Sila nyatakan.

b) Apakah Kerajaan Negeri Selangor bajet khas untuk pengoperasian premis PWB? Jika ada, berapakah siling yang boleh dipohon secara bulanan atau tahunan?

c) Nyatakan peruntukan yang telah digunakan oleh setiap PWB tahun 2017.

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri komited dan memandang serius akan usaha-usaha serta pelaksanaan program-program pemberdayaan wanita di Selangor. Maka, diwujudkan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di setiap 56 DUN seluruh Selangor yang bertindak sebagai agen penghubung di antara Kerajaan Negeru dengan masyarakat akar umbi dalam merangka, melaksana dan seterusnya menjayakan program-program pemberdayaan wanita tersebut.

Sejumlah RM1,680,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun bagi tujuan pelaksanaan program-program pemberdayaan ini oleh kesemua PWB Selangor melalui Peruntukan Pembanguna di bawah P01-06001 Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga. Daripada jumlah tersebut, PWB di DUN mendapat agihan peruntukan sebanyak RM30,000.00 bagi setiap DUN dan telah disalurkan sepenuhnya kepada setiap PWB DUN bagi melaksanakan program-program pemberdayaan wanita berskala kecil dalam bentuk program berstruktur dan program tidak berstruktur mengikut keperluan komuniti wanita di DUN masing-masing.

b) Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan penghubung antara Kerajaan Negeri dengan wanita di akar umbi. PWB juga berperanan sebagai agen pembangunan wanita setempat. Sebanyak 53 DUN telah mempunyai penyelia PWB di mana kebanyakkan mereka diletakkan di Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) ADUN Kawasan masing-masing. Sehubungan itu, tiada sebarang kos pengoperasian premis yang terlibat. PWB adalah digalakkan untuk memilih premis-premis kerajaan yang boleh digunasama bagi lokasi pengoperasian. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan kos pengoperasian dan

penyelenggaraan. Namun demikian, hanya sebilangan kecil sahaja penyelia yang telah mempunyai premis pengoperasian sendiri. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada menyediakan bajet khas untuk pengoperasian premis PWB. Kerajaan Negeri akan meneliti cadangan peruntukan bagi pengoperasian premis PWB di masa hadapan kerana ia akan melibatkan implikasi kos yang tinggi kepada Kerajaan Negeri.

c) Bagi meningkatkan lagi pembangunan wanita Selangor, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,680,000.00 setiap tahun bagi tujuan pelaksanaan program-program pemberdayaan ini oleh kesemua PWB Selangor. Berikut adalah butiran daripada peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada PWB Selangor sehingga Jun 2017:-

i.	Peruntukan yang diterima	:	RM1,680,000.00
ii.	Jumlah yang dibelanjakan	:	RM695,796.00
iii.	Baki peruntukan	:	RM984,204.00
iv.	Jumlah program yang telah dilaksanakan	:	545 buah program

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : ISU PENGANGGURAN BELIA SELANGOR

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai data golongan belia yang mengganggur di Selangor? Berikan pecahan mengikut jantina dan lokasi PBT.

b) Apakah rancangan khas bagi menangani isu ini terutama dalam menempatkan mereka untuk mengisi pekerjaan di Selangor?

JAWAPAN:

a) Statistik kadar pengangguran golongan belia diperolehi daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan merujuk kepada penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan.

Berdasarkan maklumat tersebut,bilangan penganggur keseluruhan dan belia di Malaysia dan negeri Selangor bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti **Jadual 1,** manakala kadar pengangguran belia di Malaysia dan negeri Selangor mengikut jantina dan strata bagi tahun 2015 dan 2016 seperti **Jadual 2.** Tiada maklumat data kadar pengangguran spesifik mengikut pecahan lokasi PBT atau daerah.

Jadual 1: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran, 2015 dan 2016, Malaysia dan Selangor

Kumpulan umur (tahun)	Bilangan penganggur ('000)				Kadar pengangguran (%)			
	Malaysia		Selangor		Malaysia		Selangor	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
15-64	450.3	504.1	77.9	107.4	3.1	3.4	2.4	3.2
15-24	273.6	273.4	32.8	37.8	10.7	10.5	8.1	8.8

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran belia (15-24 tahun) mengikut jantina, 2015 dan 2016, Malaysia dan Selangor

Perkara	Bilangan penganggur ('000)				Kadar pengangguran (%)			
	Malaysia		Selangor		Malaysia		Selangor	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Jantina								
Lelaki	155.8	155.7	16.8	21.4	9.9	9.8	7.1	8.5
Perempuan	117.8	117.8	16.0	16.3	11.8	11.4	9.4	9.3
Strata								
Bandar	196.8	203.4	30.0	35.3	10.8	10.8	8.0	8.8
Luar bandar	76.7	70.0	2.7	2.5	10.4	9.7	9.7	9.4

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

b) Pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan kadar pengangguran di Selangor adalah seperti berikut:

1. Program Karnival Kerjaya (*Selangor Job Fair*) adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada 11 Mac 2017 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 559 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 1,382.

2. Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang.

3. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendol dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinikal Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal.

4. Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.

5. Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PEMBINAAN MASJID DI NEGERI SELANGOR

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa banyak masjid baru telah dibina di Negeri Selangor semenjak 2010 hingga 2016? Senaraikan mengikut daerah dan tahun.

b) Berapa peruntukan pembangunan masjid baru diluluskan dari 2010 hingga 2016? Senaraikan mengikut tahun.

c) Bagi tahun 2017 berapa masjid baru akan dibina dan berapa peruntukan diluluskan?

JAWAPAN:

a) Sebanyak 18 buah masjid baru telah dibina di Negeri Selangor dari tahun 2010 hingga 2016. Rujuk Lampiran A.

b) Jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan masjid baru dari tahun 2010 hingga 2016 adalah sebanyak RM130,564,213.18. Rujuk Lampiran B.

c) Sebanyak 10 buah masjid baru yang sedang dibina dengan peruntukan berjumlah RM111,500,010.00 bagi tahun 2017**.** Rujuk Lampiran C.

Lampiran A

SENARAI MASJID YANG TELAH SIAP DARI TAHUN 2010 SEHINGGA 2016 DI SELANGOR.

BIL.	MASJID	DAERAH	TAHUN
1	MASJID KG. LINDUNGAN PJS 6	PETALING	2011
2	MASJID BUKIT JELUTONG	PETALING	2011
3	MASJID SG. RAMAL LUAR	H.LANGAT	2011
4	MASJID UBUDIAH SG. DARAH	K.SELANGOR	2011
5	MASJID BINJAI JAYA	S.BERNAM	2011
6	MASJID KG. RAJA UDA	KLANG	2011
7	MASJID TAMAN SRI MUDA	KLANG	2011
8	MASJID KG. JENJARUM	K.LANGAT	2011
9	MASJID DATO' HAJI KAMARUDDIN	PETALING	2012
10	MASJID JAMEK TUN UDA SEK. 16, SHAH ALAM	PETALING	2012
11	MASJID SIMPANG 3, IJOK	K.SELANGOR	2012
12	MASJID FELDA SG. TENGI	H.SELANGOR	2012
13	MASJID SEK. 7 SHAH ALAM	PETALING	2013
14	MASJID SAIDINA ALI, BKT SENTOSA 2	H.SELANGOR	2013
15	MASJID AL-HIDAYAH, JOHAN SETIA	KLANG	2015
16	MASJID AL-ISLAH SEMENTA	KLANG	2016
17	MASJID TAMAN PADU PERMAI	SABAK BERNAM	2016
18	MASJID JALAN KEBUN	KLANG	2016

Lampiran B

SENARAI MASJID YANG TELAH SIAP DARI TAHUN 2010 SEHINGGA 2016 DI SELANGOR

BIL.	MASJID	DAERAH	TAHUN	KOS KESELURUHAN (RM)
1	MASJID KG. LINDUNGAN PJS 6	PETALING	2011	6,206,919.10
2	MASJID BUKIT JELUTONG	PETALING	2011	23,716,479.26
3	MASJID SG. RAMAL LUAR	H.LANGAT	2011	4,233,222.62
4	MASJID UBUDIAH SG. DARAH	K.SELANGOR	2011	4,739,176.45
5	MASJID BINJAI JAYA	S.BERNAM	2011	5,428,904.05
6	MASJID KG. RAJA UDA	KLANG	2011	8,279,762.95
7	MASJID TAMAN SRI MUDA	KLANG	2011	7,337,361.41
8	MASJID KG. JENJARUM	K.LANGAT	2011	5,510,920.53
9	MASJID DATO' HAJI KAMARUDDIN	PETALING	2012	8,868,921.83
10	MASJID JAMEK TUN UDA SEK. 16, SHAH ALAM	PETALING	2012	2,002,568.00
11	MASJID SIMPANG 3, IJOK	K.SELANGOR	2012	5,572,746.35
12	MASJID FELDA SG. TENGI	H.SELANGOR	2012	5,602,305.30
13	MASJID SEK. 7 SHAH ALAM	PETALING	2013	5,505,843.68
14	MASJID SAIDINA ALI, BKT SENTOSA 2	H.SELANGOR	2013	5,129,215.28
15	MASJID AL-HIDAYAH, JOHAN SETIA	KLANG	2015	4,978,662.00
16	MASJID AL-ISLAH SEMENTA	KLANG	2016	9,986,269.17
17	MASJID TAMAN PADU PERMAI	SABAK BERNAM	2016	8,300,000.00
18	MASJID JALAN KEBUN	KLANG	2016	7,456,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN				**130,564,213.18**

Lampiran C

SENARAI MASJID BARU SEDANG DI BINA TAHUN 2017 DENGAN PERUNTUKAN

BIL.	MASJID	DAERAH	TAHUN	KOS KESELURUHAN (RM)
1	MASJID SETIA ALAM	PETALING	2017	14,000,010.00
2	MASJID ZAKARIA	GOMBAK	2017	13,000,000.00
3	MASJID TAMAN UKAY PERDANA, HULU KLANG	GOMBAK	2017	12,000,000.00
4	MASJID TAMAN TUN TEJA	GOMBAK	2017	11,000,000.00
5	MASJID NURUL IMAN, KG. TELOK GADONG	KLANG	2017	14,000,000.00
6	MASJID JAMEK PEKAN KAJANG (NAIKTARAF)	HULU LANGAT	2017	5,000,000.00
7	MASJID BUKIT MAHKOTA BANGI	HULU LANGAT	2017	8,000,000.00
8	MASJID AL-ISLAH SERI KEMBANGAN	PETALING	2017	5,500,000.00
9	MASJID U10, BANDAR NUSA RHU	PETALING	2017	11,000,000.00
10	MASJID KOTA RAJA	KLANG	2017	18,000,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN				**111,500,010.00**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PERUNTUKAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peruntukan untuk Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menurut Belanjawan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2017? Senaraikan mengikut tahun.

b) Apakah keutamaan perbelanjaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) setiap tahun seperti dalam Belanjawan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2017?

JAWAPAN:

a) Maklumat peruntukan Belanja Mengurus (B14) dan Pembangunan (P14) Jabatan Agama Islam (JAIS) mengikut tahun dari 2008 hingga 2017:


TAHUN	PERUNTUKAN B14 (RM)	PERUNTUKAN P14 (RM)
2008	130,000,000.00	88,000.00
2009	136,031,857.00	103,500,000.00
2010	149,150,525.00	123,501,000.00
2011	153,617,857.00	110,600,000.00
2012	181,806,251.00	106,000,000.00
2013	224,354,224.09	120,000,000.00
2014	229,391,956.00	120,000,000.00
2015	236,640,301.29	95,500,000.00
2016	264,035,004.00	91,000,000.00
2017	289,719,389.00	128,500,000.00

b) Keutamaan perbelanjaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) setiap tahun seperti dalam Belanjawan Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2017 seperti di Jadual 1.

JADUAL 1

KEUTAMAAN PERBELANJAAN SETIAP TAHUN DARI TAHUN 2008 HINGGA 2017 MENGIKUT OBJEK AM (BELANJA MENGURUS)

TAHUN	EMOLUMEN	%	PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	%	ASET	%	PEMBERIAN DAN BAYARAN TETAP	%	JUMLAH
2008	67,395,912.23	51.84	54,133,815.77	41.64	20.00	0.00	8,470,252.00	6.52	130,000,000.00
2009	69,612,744.23	51.17	58,023,815.77	42.65	-	-	8,395,297.00	6.17	136,031,857.00
2010	72,701,126.00	48.74	71,004,102.00	47.61	-	-	5,445,297.00	3.65	149,150,525.00
2011	74,782,109.00	48.68	73,190,411.00	47.64	50,030.00	0.03	5,595,307.00	3.64	153,617,857.00
2012	81,571,970.00	44.87	97,305,516.00	53.52	288,040.00	0.16	2,640,725.00	1.45	181,806,251.00
2013	100,069,839.73	44.60	121,693,629.36	54.24	30.00	0.00	2,590,725.00	1.15	224,354,224.09
2014	101,140,895.64	44.09	123,292,605.36	53.75	1,045,030.00	0.46	3,913,425.00	1.71	229,391,956.00
2015	104,179,884.83	44.02	128,229,661.46	54.19	640,030.00	0.27	3,590,725.00	1.52	236,640,301.29
2016	106,705,526.54	40.41	153,028,712.46	57.96	710,030.00	0.27	3,590,735.00	1.36	264,035,004.00
2017	112,606,661.65	38.87	170,694,162.35	58.92	2,247,830.00	0.78	4,170,735.00	1.44	289,719,389.00



PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PENINGKATAN JUMLAH PERMOHONAN KEMASUKKAN KE MAAHAD INTEGRASI TAHFIZ SAINS DAN TEKNOLOGI (MITS)

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa jumlah pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi (MITS) dari tahun 2008 hingga 2017?

b) Senaraikan bilangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi (MITS) mengikut daerah.

c) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi (MITS) Selangor?

JAWAPAN:

a) Jumlah pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS) dari tahun 2008 hingga 2017.

Bil	Tahun	Jumlah Pelajar (Orang)
1.	2008	300
2.	2009	420
3.	2010	540
4.	2011	660
5.	2012	720
6.	2013	710
7.	2014	760
8.	2015	810
9.	2016	920
10.	2017	1,030+ 60 (STAM) = 1,090

b) Bilangan pelajar tahfiz mengikut daerah:

Bil	Nama MITS & Daerah	Jumlah Pelajar (Orang)
1.	MITS KUALA LANGAT	300
2.	MITS KLANG	300
3.	MITS SABAK BERNAM	310 + 60 (STAM)= 370

4.	MITS SEPANG	120
Jumlah Keseluruhan		1,090

c) Rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menambah bilangan MITS Selangor dalam RMK 11

i. MITS Bukit Jelutong
ii. MITS Pandan Indah, Hulu Langat (2020)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa ramai warga emas yang telah mendaftar di Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari tahun 2008 hingga 2016? Senaraikan mengikut kawasan DUN Selangor.

b) Berapa ramai penerima manfaat Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari tahun 2008 hingga 2016? Senaraikan mengikut kawasan DUN Selangor?

c) Apakah rancangan manfaat tambahan diberi kepada peserta Skim Mesra Usia Emas (SMUE)?

JAWAPAN:

a) Sila rujuk kepada Lampiran A.

b) Sila rujuk kepada Lampiran B.

c) Pihak RMSB sudah pernah beberapa kali mengemukakan cadangan untuk pelaksanaan Jom Shopping secara bulan disambung kembali, sejak kali terakhir dilaksanakan pada tahun 2013, namun akhirnya telah ditangguhkan pelaksanaannya oleh MMKN.

Sila rujuk kepada keputusan MMKN (RMSB/MMKN/09(01)2016(1) dlm.MMK.Sel(R)31034 Jld. 10 yang diadakan pada 19hb Oktober 2016.

Selain dari itu pihak RMSB juga diminta untuk mengkaji semula mekanisme pelaksanaan manfaat semasa hidup sevara menyeluruh dengan memberi fokus kepada program yang memberi impak yang besar kepada ahli SMUE dengan mengambil kira semua program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Memandangkan RMSB kini masih belum mempunyai Ketua Pegawai Operasi dan memandangkan proses penggabungan dengnan pihak Yawas belum selesai sepenuhnya, maka buat masa ini pihak RMSB belum dapat mengemukakan sebarang cadangan baru kepada pihak Kerajaan Negeri.

LAMPIRAN A

Statistik Pendaftaran Ahli Mengikut DUN
Dari 1/1/2008 hingga 31/12/2016

Nama DUN	Jumlah
BALAKONG	4988
BANGI	3679
BATANG KALI	2824
BATU CAVES	3587
BATU TIGA	3401
BUKIT ANTARABANGSA	1534
BUKIT GASING	2351
BUKIT LANJAN	3478
BUKIT MELAWATI	2279
CHEMPAKA	3546
DAMANSARA UTAMA	7254
DENGKIL	4122
DUSUN TUA	4814
GOMBAK SETIA	4693
HULU BERNAM	4110
HULU KELANG	4821
IJOK	3666
JERAM	3294
KAJANG	6510
KAMPUNG TUNKU	5181
KINRARA	5660
KOTA ALAM SHAH	3446
KOTA ANGGERIK	3295
KOTA DAMANSARA	2609
KUALA KUBU BAHARU	4673
KUANG	3104
LEMBAH JAYA	6817
MERU	4611
MORIB	4178
PANDAMARAN	5771
PAYA JARAS	4137
PELABUHAN KLANG	3065
PERMATANG	2970
RAWANG	5792
SABAK	4301
SEKINCHAN	2826
SELAT KLANG	5938
SEMENTA	5075

LAMPIRAN A

Statistik Pendaftaran Ahli Mengikut DUN
Dari 1/1/2008 hingga 31/12/2016

Nama DUN	Jumlah
SEMENYIH	4909
SERI ANDALAS	6974
SERI KEMBANGAN	5165
SERI SERDANG	3912
SERI SETIA	3191
SIJANGKANG	3611
SRI MUDA	3849
SUBANG JAYA	4403
SUNGAI AIR TAWAR	3375
SUNGAI BURONG	3979
SUNGAI PANJANG	4896
SUNGAI PELEK	3263
SUNGAI PINANG	6889
TAMAN MEDAN	5214
TAMAN TEMPLER	6308
TANJUNG SEPAT	3758
TELUK DATUK	4812
TERATAI	5298
WPKL - BANDAR TUN RAZAK	3407
WPKL - BATU	3032
WPKL - BUKIT BINTANG	188
WPKL - CHERAS	9
WPKL - KEPONG	2926
WPKL - LEMBAH PANTAI	1011
WPKL - SEGAMBUT	517
WPKL - SEPUTEH	5993
WPKL - SETIAWANGSA	201
WPKL - TITIWANGSA	431
WPKL - WANGSA MAJU	474
JUMLAH	260395

LAMPIRAN B

Laporan Penerima Smue mengikut Dun Pembayar
Dari 1/1/2008 hingga 31/12/2016

DUN / DAERAH	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah Ahli
BALAKONG	164	1210	204	7	1585
BANGI	482	239	231	3	955
BATANG KALI	539	117	125	13	794
BATU CAVES	628	137	366	19	1150
BATU TIGA	618	106	281	14	1019
BUKIT ANTARABANGSA	310	124	29	3	466
BUKIT GASING	33	568	171	38	810
BUKIT LANJAN	123	602	155	16	896
BUKIT MELAWATI	409	100	286	1	796
CHEMPAKA	451	489	85	8	1033
DAMANSARA UTAMA	50	1512	78	24	1664
DENGKIL	853	135	212	38	1238
DUSUN TUA	637	522	111	13	1283
GOMBAK SETIA	879	341	171	17	1408
HULU BERNAM	972	274	123	7	1376
HULU KELANG	936	254	66	7	1263
IJOK	514	210	402	12	1138
JERAM	864	161	80	0	1105
KAJANG	373	963	378	18	1732
KAMPUNG TUNKU	63	941	179	44	1227
KINRARA	135	1189	465	17	1806
KOTA ALAM SHAH	39	494	318	14	865
KOTA ANGGERIK	419	211	210	8	848
KOTA DAMANSARA	205	325	187	4	721

LAMPIRAN B

Laporan Penerima Smue mengikut Dun Pembayar
Dari 1/1/2008 hingga 31/12/2016

DUN / DAERAH	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah Ahli
KUALA KUBU BAHARU	479	862	276	45	1662
KUANG	496	293	140	4	933
LEMBAH JAYA	730	818	261	13	1822
MERU	994	216	262	3	1475
MORIB	798	137	209	10	1154
PANDAMARAN	331	1428	362	14	2135
PAYA JARAS	685	363	221	8	1277
PELABUHAN KLANG	500	119	150	5	774
PERMATANG	682	266	68	2	1018
RAWANG	270	984	433	17	1704
SABAK	1198	185	55	2	1440
SEKINCHAN	431	442	21	1	895
SELAT KLANG	969	435	195	17	1616
SEMENTA	493	402	494	3	1392
SEMENYIH	780	503	283	14	1580
SERI ANDALAS	511	484	1036	21	2052
SERI KEMBANGAN	14	1393	72	3	1482
SERI SERDANG	421	442	305	11	1179
SERI SETIA	288	212	394	11	905
SIJANGKANG	800	85	205	13	1103
SRI MUDA	456	344	446	18	1264
SUBANG JAYA	76	823	251	32	1182
SUNGAI AIR TAWAR	977	90	22	1	1090

LAMPIRAN B

Laporan Penerima Smue mengikut Dun Pembayar
Dari 1/1/2008 hingga 31/12/2016

DUN / DAERAH	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah Ahli
SUNGAI BURONG	1204	132	15	1	1352
SUNGAI PANJANG	1488	229	13	0	1730
SUNGAI PELEK	331	388	238	8	965
SUNGAI PINANG	271	1518	71	12	1872
TAMAN MEDAN	735	260	358	16	1369
TAMAN TEMPLER	624	959	234	15	1832
TANJUNG SEPAT	622	323	105	19	1069
TELUK DATUK	222	666	347	25	1260
TERATAI	198	1233	65	12	1508
WPKL - BANDAR TUN RAZAK	57	576	99	4	736
WPKL - BATU	139	641	178	2	960
WPKL - BUKIT BINTANG	0	26	0	0	26
WPKL - CHERAS	0	1	0	0	1
WPKL - KEPONG	2	862	24	1	889
WPKL - LEMBAH PANTAI	83	93	89	2	267
WPKL - SEGAMBUT	13	87	16	1	117
WPKL - SEPUTEH	2	1909	28	9	1948
WPKL - SETIAWANGSA	1	14	1	0	16
WPKL - TITIWANGSA	68	28	14	1	111
WPKL - WANGSA MAJU	5	18	4	0	27
GOMBAK	134	184	71	6	395
HULU LANGAT	187	173	92	4	456
HULU SELANGOR	70	48	23	3	144

LAMPIRAN B

Laporan Penerima Smue mengikut Dun Pembayar
Dari 1/1/2008 hingga 31/12/2016

DUN / DAERAH	Melayu	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah Ahli
KLANG	135	132	119	3	389
KUALA LANGAT	152	58	45	4	259
KUALA SELANGOR	68	18	27	1	114
PETALING	112	293	118	7	530
SABAK BERNAM	122	36	7	0	165
SEPANG	27	4	5	2	38
JUMLAH	31147	33459	13480	771	78857

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PROJEK TENAT DI BAWAH JABATAN KERJA RAYA (JKR)

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah syarat yang menyebablan sesebuah projek JKR dikategorikan sebagai projek tenat dan berapa had EOT yang boleh diberikan kepada sesuatu kontraktor projek sebelum ditamatkan kontrak?

b) Senaraikan projek, nilai projek JPS Selangor yang dikategorikan sebagai projek tenat bagi tahun 2008-2017 mengikut pecahan daerah dan juga sebab kenapa sesebuah projek itu dikategorikan sebagai projek tenat?

c) Apakah langkah yang diambil oleh JKR bagi mengelakkan wujudnya projek tenat dalam kawasan Selangor pada masa akan datang?

JAWAPAN:

a) Projek dikategorikan sebagai projek sakit/tenat adalah berdasarkan laporan kemajuan di tapak yang mana kelewatan projek melebihi 60 hari/ 2 bulan daripada jadual sebenar yang telah dirancang.

Pelaksanaan projek di bawah JKR adalah berdasarkan kontrak piawai *Public Work Department* PWD 203A dan kelulusan EOT adalah tertakluk kepada Klausa 4.30 *Delay and Extension of Time*. Di bawah klausa tersebut, tidak dinyatakan had bilangan EOT yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, had kelulusan EOT adalah berdasarkan prestasi kontraktor. Sekiranya masih lagi berlaku kelewatan selepas tempoh EOT, pihak kontraktor akan dikenakan *Liquidated Ascertain Damage (LAD).*

b) Lihat **Lampiran A** (Senarai Projek Lewat Negeri) **Lampiran B** Senarai Projek Lewat Persekutuan.

c) Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

i. Memastikan perancangan projek dilaksanakan dengan lebih teliti;
ii. Melibatkan semua pihak (*stakeholders*) termasuk pembekal utiliti di peringkat perancangan projek;
iii. Memastikan tempoh pelaksanaan projek lebih munasabah;
iv. Memastikan isu-isu berkaitan pengambilan tanah termasuk penguatkuasaan selesai sebelum projek ditender;

v. Memastikan perancangan kontraktor (*work program)* lebih realistik di peringkat awal pembinaan;

vi. Melaksanakan amalan-amalan pengurusan projek seperti *Value Engineering* dan Pengurusan Risiko.

Lampiran A

Senarai Kontrak Lewat Melebihi 2 Bulan (Projek Negeri)

No	Tajuk Kontrak	Pejabat Seliatapak	Kontraktor	Tkh Milik Tapak	Tkh Siap Semasa	Harga Kontrak Semasa (RM)	% Unjuran	% Nilai Kerja	Kemajuan	Denda Sehari	Jumlah Hari Denda	Kos Denda
DAERAH GOMBAK												
1	CADANGAN MEMBAIKPULIH KEM GHAFAR BABA, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.	JKR(D) GOMBAK (SEL)	NUSA PRESTIJ SDN. BHD.	19-07-2016	02-06-2017	3,210,502.87	91.3%	70.7%	102 hari lewat	RM 506.00	33 Hari	RM 16,698.00
2	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SRA SERI KUNDANG DAERAH GOMBAK SELANGOR DARUL EHSAN.	JKR(D) GOMBAK (SEL)	AMR JELI SDN. BHD.	18-02-2014	08-03-2016	7,758,380.04	100.0%	93.9%	551 hari lewat	RM 392.00	251 Hari	RM 98,392.00
3	MENAIKTARAF JALAN NEGERI B27, JALAN RAWANG-BATANG BERJUNTAI (FASA 2) DARI PERSIMPANGAN BANDAR COUNTRY HOMES KE SEMPADAN DAERAH KUALA SELANGOR, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN(SEGMEN 1-CH 2500.00-CH 4300.00)	JKR(D) GOMBAK (SEL)	ANJARIA PROPERTIES SDN. BHD.	15-03-2013	01-10-2017	42,627,994.46	79.9%	45.9%	122 hari lewat	-	-	-
4	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS ISLAM DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.	JKR(D) GOMBAK (SEL)	JURU WAJAR SDN.BHD.	19-03-2013	07-02-2017	22,079,101.93	100.0%	93.5%	118 hari lewat	RM 3,950.00	148 Hari	RM 584,600.00
DAERAH KLANG												
5	MEMBINA JALAN ALTERNATIF DARI SHAH ALAM - BANTING,DAERAH KLANG,SELANGOR DARUL EHSAN.(PAKEJ 1 - CH 0.00-CH1200.00)	BHG. JALAN (SEL)	POTENSI CEKAL SDN BHD	18-03-2016	15-03-2018	38,262,802.18	57.8%	26.9%	127 hari lewat	-	-	-
6	MENAIKTARAF JALAN KG. LOMBONG, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN (CH2800 - CH6000)	JKR(D) KLANG (SEL)	HFM DAYA BINA SDN BHD	10-01-2017	02-10-2018	29,793,619.28	8.0%	0.7%	94 hari lewat	-	-	-
7	CADANGAN KERJA - KERJA PEMULIHARAAN (CONSERVATION) DAN MENAIKTARAF UNTUK MASJID DIRAJA SULTAN SULEIMAN, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) KLANG (SEL)	SYARIKAT ZAKARIA BIN MOHD. SDN. BHD.	10-03-2015	13-06-2017	9,509,971.84	99.4%	87.3%	101 hari lewat	RM 1,592.38	22 Hari	RM 35,032.36
8	CADANGAN TEBATAN BANJIR DI JALAN SG. RASAH DAN DI JALAN PADANG JAWA, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN (MENAIKTARAF JALAN DAN PERPARITAN DI PERSIMPANGAN PADANG JAWA DAN JALAN SUNGAI RASAH)	JKR(D) KLANG (SEL)	TEGUH AMANI SDN. BHD	08-07-2014	24-12-2018	51,683,628.70	44.6%	39.8%	88 hari lewat	-	-	-
DAERAH KUALA LANGAT												
9	CADANGAN KERJA - KERJA PEMULIHARAAN (CONSERVATION) DAN MENAIKTARAF UNTUK MASJID SULTAN ALA'EDDIN JUGRA BANTING, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) KUALA LANGAT (SEL)	SMART RELIANCE SDN. BHD.	16-04-2015	05-08-2017	8,757,499.52	62.6%	49.8%	147 hari lewat	-	-	-
DAERAH KUALA SELANGOR												
10	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BENGKEL PEMBAIKAN LOGISTIK DAN TNB SUBSTATION SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PUSAT LATIHAN KEJURUTERAAN PERTANIAN DI TANJUNG KARANG DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) KUALA SELANGOR (SEL)	SIGMABASE SDN BHD	18-05-2015	24-12-2016	1,909,661.69	100.0%	78.3%	215 hari lewat	RM 349.00	193 Hari	RM 67,357.00

Senarai Kontrak Lewat Melebihi 2 Bulan (Projek Negeri)

No	Tajuk Kontrak	Pejabat Seliatapak	Kontraktor	Tkh Milik Tapak	Tkh Siap Semasa	Harga Kontrak Semasa (RM)	% Unjuran	% Nilai Kerja	Kemajuan	Denda Sehari	Jumlah Hari Denda	Kos Denda
DAERAH PETALING												
11	KERJA-KERJA NAIKTARAF KUBAH MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR	BHG. ARKITEK (SEL)	SMART RELIANCE SDN. BHD.	25-05-2015	11-07-2017	34,371,030.00	100.0%	92.4%	260 hari lewat	-	-	-
12	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID PUNCAK PERDANA U10 SHAH ALAM, DAERAH PETALING, SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	GABUNGAN APS HOLDINGS SDN BHD	23-11-2015	04-09-2017	13,209,675.75	100.0%	26.7%	228 hari lewat	-	-	-
13	CADANGAN KERJA - KERJA MENAIKTARAF FASAD KOTA DARUL EHSAN DI LEBUHRAYA PERSEKUTUAN PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) PETALING (SEL)	ISLAH NIAGA SDN. BHD.	15-04-2015	28-03-2017	9,762,746.55	100.0%	78.9%	250 hari lewat	-	-	-
14	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN SELANGOR MAJU (RATU II) FASA 2, DI SEKSYEN 13 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) PETALING (SEL)	B&I BUILDER SDN. BHD	01-09-2015	05-01-2018	38,480,944.50	56.6%	34.0%	173 hari lewat	-	-	-
15	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BLOK PENTADBIRAN UNTUK MASJID NEGERI SELANGOR, SHAH ALAM , SELANGOR.	JKR(D) PETALING (SEL)	JATI KENALI TRADING SDN BHD	01-09-2015	14-09-2017	33,135,776.36	93.0%	50.3%	128 hari lewat	-	-	-
16	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID AL-ISLAH SERI KEMBANGAN, PEKAN SERDANG, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN.	JKR(D) PETALING (SEL)	AMR JELI SDN. BHD.	23-01-2014	20-04-2016	7,798,676.50	100.0%	65.6%	315 hari lewat	RM 1,412.00	441 Hari	RM 622,692.00
DAERAH HULU LANGAT												
17	MENGGANTIKAN JAMBATAN KG. PASIR, SG. LALANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	TEKAD NUSANTARA SDN. BHD.	01-02-2017	02-01-2018	3,011,248.00	18.3%	4.4%	62 hari lewat	-	-	-
18	MENAIKARAS JAMBATAN SUNGAI JELOK, KAJANG (PROGRAM TEBATAN BANJIR), DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	PANTAI JERAM (M) SDN. BHD.	07-12-2016	27-11-2017	3,780,507.70	99.9%	0.0%	191 hari lewat	-	-	-
DAERAH HULU SELANGOR												
19	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOMPLEKS PEJABAT PERTANIAN DAERAH HULU SELANGOR DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DAERAH HULU SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) ULU SELANGOR (SEL)	ADAT 88 SDN. BHD.	12-08-2015	20-03-2017	10,534,585.65	100.0%	49.7%	197 hari lewat	-	-	-

Lampiran B

Senarai Kontrak Lewat Melebihi 2 Bulan (Projek Persekutuan)

No	Tajuk Kontrak	Pejabat Seliatapak	Kontraktor	Tkh Milik Tapak	Tkh Siap Semasa	Harga Kontrak Semasa (RM)	% Unjuran	% Nilai Kerja	Kemajuan	Denda Sehari	Jumlah Hari Denda	Kos Denda
DAERAH GOMBAK												
1	MEMBINA KLINIK KESIHATAN (JENIS 3) GOMBAK SETIA, GOMBAK, SELANGOR.	JKR(D) GOMBAK (SEL)	KAYANGAN JITU TEGUH SDN. BHD	25-04-2016	24-04-2018	19,377,635.28	45.1%	23.9%	98 hari lewat	-	-	-
2	TENDER SEMULA UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BALAI POLIS COUNTRY HOMES, SELANGOR	JKR(D) GOMBAK (SEL)	JUTABINA SEMPURNA SDN BHD	09-12-2015	22-10-2017	17,106,307.12	100.0%	71.7%	107 hari lewat	-	-	-
DAERAH KLANG												
3	MENYIAPKAN KERJA TERBENGKALAI KUARTERS INTEGRASI KLANG DI HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	JKR(D) KLANG (SEL)	RUHANIBABA ENTERPRISE SDN.BHD	18-07-2012	16-12-2016	35,030,348.42	100.0%	97.0%	231 hari lewat	RM 5,500.00	201 Hari	RM 1,105,500.00
DAERAH KUALA SELANGOR												
4	MENAIKTARAF DAN MENGUBAHSUAI BARU BANGUNAN PEJABAT DAN BENGKEL LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB) DI OLAK LEMPIT, BANTING, SELANGOR - REKA DAN BINA	JKR(D) KUALA LANGAT (SEL)	SILANG BINA SDN. BHD.	17-05-2016	06-07-2017	5,000,020.00	99.3%	74.0%	78 hari lewat	-	-	-
5	PEMBINAAN MAKMAL SAINS DI KOLEJ MARA (KM) BANTING, SELANGOR	JKR(D) KUALA LANGAT (SEL)	MARAPUTRA SDN BHD	11-08-2015	22-03-2017	9,716,441.56	100.0%	62.7%	148 hari lewat	RM 1,119.25	105 Hari	RM 117,521.25
DAERAH PETALING												
6	CADANGAN MEMBINA & MENYIAPKAN KLINIK KESIHATAN JENIS 3 (TEJA CR) DAN KUARTERS 2F&2G DI BATU 14,PUCHONG,DAERAH PETALING,SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	ATLANTAS CONSTRUCTION SDN BHD	15-03-2016	13-03-2018	19,890,729.55	49.8%	24.2%	174 hari lewat	-	-	-
7	CADANGAN PEMBANGUNAN MAKMAL PENYELIDIKAN FAKULTI SAINS GUNAAN (FSG) SERTA INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH (IPSIS) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM), SHAH ALAM, SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	WORLDBAY SOLUTION SDN. BHD.	15-07-2016	12-07-2018	21,083,400.00	22.6%	10.0%	86 hari lewat	-	-	-

Senarai Kontrak Lewat Melebihi 2 Bulan (Projek Persekutuan)

No	Tajuk Kontrak	Pejabat Seliatapak	Kontraktor	Tkh Milik Tapak	Tkh Siap Semasa	Harga Kontrak Semasa (RM)	% Unjuran	% Nilai Kerja	Kemajuan	Denda Sehari	Jumlah Hari Denda	Kos Denda
8	CADANGAN MENAIKTARAF BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT JALAN PENCHALA, PETALING JAYA	JKR(D) PETALING (SEL)	N&Z COPORATION SDN. BHD.	22-03-2016	13-06-2017	6,253,894.00	100.0%	45.2%	167 hari lewat	-	-	-
9	KERJA-KERJA PEMBINAAN STOR PERALATAN SEMBOYAN DI 73 RSD, KEM PAYA JARAS, SUNGAI BULOH, SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	PORTRAY (M) SDN BHD	29-11-2016	15-05-2017	1,771,757.35	100.0%	38.4%	89 hari lewat	-	-	-
10	CADANGAN MEMBINA BARU ASRAMA PELAJAR DI INSTITUT PERTANIAN SERDANG, SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	ZUNARA SDN BHD	15-09-2015	10-11-2016	3,707,175.86	100.0%	81.1%	247 hari lewat	RM 617.00	237 Hari	RM 146,229.00
11	PEMBINAAN KOMPLEKS PEJABAT SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	FELCRA BINA SDN BHD	05-02-2014	15-01-2017	39,127,956.25	100.0%	70.9%	316 hari lewat	RM 7,450.22	171 Hari	RM 1,273,987.62
12	CADANGAN UBAHSUAI KLINIK KESIHATAN JENIS 3 KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA, SELANGOR	JKR(D) PETALING (SEL)	MERGER NETWORK (M) SDN BHD	03-01-2014	31-10-2016	7,325,164.38	100.0%	86.1%	295 hari lewat	RM 1,411.00	247 Hari	RM 348,517.00
DAERAH HULU LANGAT												
13	PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU AMPANG, SELANGOR	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	AKS BINA CORPORATION SDN. BHD.	14-03-2017	09-09-2019	43,658,452.01	0.3%	0.0%	95 hari lewat	-	-	-
14	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID BUKIT MAHKOTA BANGI DALAM DAERAH HULU LANGAT	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	MARANG ENGINEERING SDN.BHD.	08-08-2016	06-11-2017	8,552,035.16	23.5%	4.6%	148 hari lewat	-	-	-
15	PROJEK MEMBINA DAN MENYIAPKAN KEMUDAHAN KOLAM PENYIMPANAN BAHAN API TERPAKAI REAKTOR TRIGA PUSPATI (RTP) DAN SISTEM SOKONGAN, AGENSI NUKLEAR MALAYSIA, BANGI, SELANGOR	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	SILANG BINA SDN BHD	04-05-2016	20-09-2017	4,006,800.00	64.5%	28.1%	141 hari lewat	-	-	-

Senarai Kontrak Lewat Melebihi 2 Bulan (Projek Persekutuan)

No	Tajuk Kontrak	Pejabat Seliatapak	Kontraktor	Tkh Milik Tapak	Tkh Siap Semasa	Harga Kontrak Semasa (RM)	% Unjuran	% Nilai Kerja	Kemajuan	Denda Sehari	Jumlah Hari Denda	Kos Denda
16	CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN INTERGRASI YANG MENGANDUNGI PERPUSTAKAAN DEWAN KULIAH, PUSAT AKTIVITI PELAJAR DAN PEJABAT DI KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) BANGI, SELANGOR	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	KURNIAAN MAJU SDN. BHD.	29-02-2016	28-08-2017	13,751,238.49	63.6%	15.5%	138 hari lewat	-	-	-
17	BANGUNAN BARU IBU PEJABAT JABATAN PENJARA MALAYSIA, KAJANG, SELANGOR	JKR(D) ULU LANGAT (SEL)	PEMBINAAN SUJAMAN SDN. BHD.	25-08-2015	24-02-2018	62,412,800.00	62.8%	50.3%	76 hari lewat	-	-	-
DAERAH HULU SELANGOR												
18	PROJEK MENGGANTIKAN JAMBATAN SEDIA ADA DI FT001/442/70 (SUNGAI SELANGOR)HULU SELANGOR, SELANGOR	JKR(D) ULU SELANGOR (SEL)	JASMADU SDN BHD	21-04-2016	20-10-2017	10,288,274.67	67.5%	47.2%	96 hari lewat	-	-	-

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : PROJEK TENAT DI BAWAH JABATAN PENGALIRAN SELANGOR (JPS)

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah syarat-syarat yang menyebabkan sesebuah projek tersebut dikategorikan sebagai projek tenat dan apakah had EOT yang akan diberikan kepada kontraktor sesebuah projek?

b) Senaraikan projek,nilai projek JPS Selangor yang dikategorikan sebagai projek tenat bagi tahun 2008-2017 mengikut pecahan daerah dan juga sebab kenapa sesebuah projek itu dikategorikan sebagai projek tenat?

c) Apakah langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor bagi mengatasi projek tenat untuk tidak lagi berlaku pada masa depan?

JAWAPAN:

a) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan 1PP 2014 PK4 – Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan, perenggan 9(i) **“Projek Sakit didefinisikan sebagai projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya.”**

Berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan 201 menyatakan pelanjutan tempoh kontrak untuk **kontrak bekalan dan perkhidmatan hanya diberi sekali sahaja dan tempoh maksima adalah sehingga dua(2) tahun**.

Pelanjutan masa bagi Kontrak Kerja dibenarkan tidak dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan 1PP 2014 dan Arahan Perbendaharaan, oleh itu ianya tertakluk kepada Syarat-Syarat Kontrak . Untuk tujuan pengawalan, permohonan hendaklah dikemukakan kepada jawatankuasa terlebih dahulu. **Bermakna tiada had lanjutan masa ditetapkan bagi sesuatu kontrak kerja.**

Apabila sesuatu projek itu dijangka mengalami kelewatan dan mempunyai alasan diberi Lanjutan Masa, maka Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa atau Extension Of Time (EOT) boleh dikeluarkan kepada pihak kontraktor sekiranya ia didapati layak untuk memperolehinya berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak.

Secara lazimnya JPS Selangor menggunapakai Syarat-Syarat Kontrak JKR 203A Pindaan 1/2010 – Senarai Kuantiti Menjadi Sebahagian Daripada Kontrak dan di dalam borang tersebut, klausa peruntukan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (EOT) ialah pada Klausa 43. Antara sebab-sebab yang dibenarkan untuk kelulusan pengeluaran EOT adalah seperti berikut :-

- *Force Majeure.*
- Keadaan cuaca buruk lebih dari keadaan biasa.
- Penggantungan kerja
- Arahan-arahan Pegawai Penguasa berbangkit dari pertikaian dengan tuanpunya tanah berjiran.
- Pengeluaran Arahan Perubahan Kerja (VO).
- Kelewatan kontraktor menerima arahan, pelan, aras dan penamaan subkontraktor/pembekal dinamakan dalam tempoh masa yang wajar.
- Kelewatan kontraktor menerima tapak bina daripada klien
- Kelewatan dipihak artisan, atau pihak lain yang bukan sebahagian dari kontrak tersebut.
- Kelewatan bahan/barang binaan yang tidak dapat dijangka oleh Kontraktor.
- Kelewatan dipihak Subkontraktor/Pembekal Dinamakan (NSC)

b) Berikut merupakan senarai projek (sehingga 2017) yang sedang di dalam pelaksanaan yang telah diberikan EOT:

i) Daerah Gombak

Bil	Projek	Maklumat Projek	Sebab Kelewatan	Status
1.	Projek Menaiktaraf Sg. Gong Dan Pembinaan Kolam Takungan Banjir Serta Kerja-Kerja Berkaitan Fasa 1 Di Mukim Rawang, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan. JPS/N/SEL/SG/22/2015(CP)	RM7,641,328.00 Tempoh kontrak : 9/12/2015 – 7/6/2017 EOT 1 : 17/4/2018 Kemajuan projek: Jadual : 24% Sebenar : 19% (selepas EOT 1)	Penempatan haram di dalam kawasan tapak projek (dalam proses penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah)	Dalam pembinaan

ii) Daerah Klang

Bil	Projek	Maklumat Projek	Sebab Kelewatan	Status
1.	Kerja-Kerja Membina Lencongan Sg. Rasah Ke Tasik Ladam Sg. Klang Dan Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan JPS/N/SEL/SG/10/2013	RM 6,710,890.00 Tempoh kontrak : 19/11/2013 – 18/5/2015 EOT 1 : 24/11/2015 EOT 2 : 16/4/2016 EOT 3 : 2/11/2016 EOT 4 : 12/11/2017 Kemajuan projek: Jadual : 100% Sebenar : 80% (sebelum EOT 4)	1. Pengambilan balik tanah (selesai) 2. Kelewatan proses mendapatkan kelulusan kebenaran merancang bagi permohonan kelulusan substesyen TNB (selesai) 3. Kelewatan proses kelulusan bangunan substesyen oleh TNB. 4. Kelewatan proses kelulusan lintasan laluan keretapi dengan pihak KTM untuk kerja-kerja *pipe-jacking*	Dalam pembinaan
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Di Kawasan Persiaran Hamzah Alang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan (Pakej 2) JPS/N/SEL/S/6/2016	RM16,184,786.66 Tempoh kontrak : 13/4/2016 – 6/12/2017 Kemajuan projek: Jadual : 77% Sebenar : 52%	1. Kelewatan pengalihan utiliti	Dalam pembinaan
3.	Projek Menaiktaraf Muara Sg. Rasah Dan Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Klang,	RM5,939,498.00 Tempoh kontrak : 10/11/2016 –	Perubahan rekabentuk semasa	Dalam pembinaan

Bil	Projek	Maklumat Projek	Sebab Kelewatan	Status
	Selangor Darul Ehsan JPS/N/SEL/SG/32/2016	10/5/2018 Kemajuan projek: Jadual : 24% Sebenar : 7%	perlaksanaan projek disebabkan pertindihan dengan skop kerja JKR.	

iii) Daerah Petaling

Bil	Projek	Maklumat Projek	Sebab Kelewatan	Status
1.	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang Di Sg. Pelempas Dan Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan (Fasa 1) JPS/N/SEL/SG/3/2016	RM15,136,660.08 Tempoh kontrak : 13/4/2016 – 11/10/2017 Kemajuan projek: Jadual : 62% Sebenar : 33%	1. Proses pengambilan balik tanah (dalam proses penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah) 2. Proses pengalihan utiliti	Dalam pembinaan
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Sg. Kedondong Dari Ch. 0 Hingga Ch.1150 Dan Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan JPS/N/SEL/SG/15/2015	RM5,926,625.36 Tempoh kontrak : 2/12/2015 – 31/5/2017 EOT 1 : 26/7/2018 Kemajuan projek: Jadual : 99% Sebenar : 29% (sebelum EOT 1)	1. Penempatan haram di sepanjang jajaran sungai. (dalam proses penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah)	Dalam pembinaan

iv) Daerah Kuala Langat

Bil	Projek	Maklumat Projek	Sebab Kelewatan	Status
1.	Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Serta Pembinaan Kolam Takungan dan Sistem Pam Di Bandar Banting (Pakej 1) Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah	RM 6,863,985.48 Tempoh kontrak : 17/2/2016 – 16/8/2017	1. Kelewatan kebenaran masuk ke tapak (lot PKNS) di mana berlaku transaksi dalaman di antara PKNS/Anak Syarikat	Dalam pembinaan

Bil	Projek	Maklumat Projek	Sebab Kelewatan	Status
	Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan JPS/N/SEL/SB/14/2015(CP)	Kemajuan projek: Jadual: 93% Sebenar: 50% Delay: 43%	dan Pihak Swasta yang masih belum dimuktamadkan (Status pada Pejabat Daerah masih lagi status tanah PKNS) menyebabkan kelulusan kebenaran masuk dan rundingan dengan Anak Syarikat PKNS dan Pihak Swasta mengambil masa yang lama. 2. Kelewatan proses mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang bagi permohonan kelulusan sub-stesyen TNB di atas tanah rezab JPS di mana sub-stesen tersebut akan digunakan untuk bekalan pam banjir menyebabkan kelewatan proses kelulusan bangunan substesyen oleh TNB. 3. Kelewatan disebabkan oleh pengurusan Kontraktor (isu dalaman) – Pengurusan sumber untuk projek.	

c) Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui JPS Negeri Selangor bagi mengatasi projek tenat untuk tidak lagi berlaku pada masa hadapan adalah dengan menentukan tempoh projek sewajarnya. Penentuan tempoh projek ini adalah mengikuti garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan dinugapakai oleh JPS Malaysia iaitu Garis Panduan Anggaran Tempoh Pembinaan Projek. Selain itu, bagi memastikan projek berjalan dengan lancar, pemantauan kewangan dan juga fizikal projek dipantau melalui pemantauan micro projek yang dibuat 2 minggu sekali dipengerusikan oleh Pengarah JPS Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : KAWASAN HIJAU PBT

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah syarat-syarat kegunaan kawasan hijau dan kawasan lapang PBT yang dibenarkan mengikut undang-undang?

b) Adakah kawasan hijau PBT dibenarkan untuk disewa kepada orang awam dan apakah mekanisme penentuan kadar sewa mengikut PBT?

c) Senarai kawasan-kawasan hijau yang telah disewakan kepada pihak ketiga mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2017.

JAWAPAN:

a) Kawasan bagi tanah lapang awam terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu Kategori A, B dan C. Bagi Kategori A iaitu tanah lapang awam bermaksud tanah lapang dalam skim-skim pembangunan yang diserahkan kepada Pihak Berkuasa Negeri yang mana tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 2(1), Akta 172 dan Seksyen 5 dan 62, Kanun Tanah Negara. Kategori B adalah kemudahan rekreasi awam yang dibangunkan untuk digunakan bagi tujuan awam tertakluk di bawah peruntukan perundangan selain Akta 172 yang terletak di dalam kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), manakala Kategori C pula adalah kawasan rekreasi awam yang terletak di dalam kawasan operasi PBT yang dibenarkan untuk diguna oleh orang awam bagi tujuan rekreasi. Komponen tanah lapang yang diambil kira mengikut kategori adalah seperti berikut:

Komponen Tanah Lapang Awam yang Diambil Kira

Kategori A	Kategori B	Kategori C

• Taman Awam
  ➢ Taman Bandaran
  ➢ Taman Tempatan
  ➢ Taman Kejiranan
  ➢ Taman Bunga Awam
  ➢ Laman Rekreasi
• Kemudahan Sukan dan Padang Permainan
	• Stadium
	• Kompleks sukan
	• Padang polo
	• Padang bola sepak
	• Gelanggang permainan (badminton, tenis, futsal dll)
	• Kolam renang
		• Taman Botani
		• Hutan Bandar
		• Hutan Lipur (kawasan yang dimajukan sahaja)
		• Rizab Sungai (bagi tujuan rekreasi)
		• Rizab Pantai (bagi tujuan rekreasi)

Kategori A	Kategori B	Kategori C
• Lot Permainan		• Kolam takungan dan tadahan air yang digunakan bagi tujuan rekreasi aktif dan pasif (tidak termasuk kolam takungan atau tadahan sahaja)

b) PBT tidak meyewakan kebanyakan kawasan hijau/kawasan lapang kepada orang awam kerana PBT tidak mempunyai kuasa dalam memberikan kebenaran atau sewaan terhadap kawasan hijau atau kawasan lapang. Kelulusan adalah di bawah bidang kuasa **Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pegawai Pengawal** dan perlu mendapat persetujuan penduduk berhampiran.Tetapi jika ada permohonan untuk penggunaan kawasan lapang bagi tujuan keraian melebihi 3 hari, cagaran/deposit akan dikenakan sebagai jaminan kerosakan kemudahan rekreasi dan kemudahan awam. Cagaran tidak akan dipulangkan sekiranya terdapat kerosakan kemudahan rekreasi disebabkan oleh majlis keraian ini. Kadar sewaan maksima adalah RM5,000.00 atau kiraan harga pasaran semasa mengikut unit kemudahan rekreasi yang terdapat di kawasan tersebut.

c) Senarai kawasan-kawasan hijau yang disewakan kepada pihak ketiga mengikut pecahan PBT bagi tahun 2008-2017 adalah seperti berikut:-

PBT	Lokasi kawasan hijau yang disewakan	Jumlah keluasan (meter per segi)
MBSA	Tiada	Tiada
MBPJ	Tiada	Tiada
MPK	Tiada	Tiada
MPAJ	Tiada	Tiada
MPS	Lot 1268, Bandar Country Homes, Rawang, Selangor Darul Ehsan (No. Warta Wkn 2341, 16 Julai 2009)	1,497.00
	Lot 21228 Perusahaan PKNS Batu 20, Bandar Rawang (No. Warta Wkn 1815, 28 April 2016)	2,025.00
MPSJ	Lot 42540, Jalan TPP 1/1, Taman Perindustrian Puchong, Puchong, Selangor	5,429.00

PBT	Lokasi kawasan hijau yang disewakan	Jumlah keluasan (meter per segi)
	Darul Ehsan (No. Warta : 2273-13 Mac 2014)	
	Lot 53457, Jalan BS 7/16, Taman Bukit Serdang, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan (No. Warta : 920-13 Mac 2014)	572.00
	Jalan TP 7, Taman Perindustrian UEP, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan (No. Warta : 93-18 Januari 2007)	6,082.34
MPKj	Tiada	Tiada
MPSp	Tiada	Tiada
MDKL	Tiada	Tiada
MDHS	Tiada	Tiada
MDKS	Tiada	Tiada
MDSB	Tiada	Tiada

Sumber : PBT Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : KADAR PENGANGGURAN SELANGOR

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa jumlah penganggur di Selangor mengikut pecahan umur,kaum dan jantina bagi tahun 2008-2017 dan apakah faktor pengangguran?

b) Apakah pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan kadar pengangguran di Selangor ?

c) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang berjaya ditawarkan dan disi oleh mereka yang turut serta dalam Program Jom Cari Kerja mengikut pecahan daerah bagi tahun 2008-2017?

JAWAPAN:

a) Statistik kadar pengangguran golongan belia diperolehi daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan merujuk kepada penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun semasa minggu rujukan.

Berdasarkan maklumat tersebut, bilangan penganggur dan kadar pengangguran Malaysia dan Selangor bagi tempoh 2008 hingga 2016, sukupertama 2016 dan suku pertama 2017 seperti **Jadual 1**. Bilangan penganggur di Selangor mengikut pecahan jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik utama seperti di **Jadual 2** manakala kadar pengangguran mengikut pecahan jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik utama seperti di **Jadual 3**.

Jadual 1: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran, 2008 hingga 2016, Q1/2016 dan Q1/2017, Malaysia dan Selangor

Tahun	Bilangan penganggur ('000)		Kadar pengangguran (%)	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
2008	368.5	67.8	3.3	3.1
2009	418.0	78.0	3.7	3.6
2010	404.4	83.2	3.3	3.2
2011	389.2	65.5	3.1	2.4
2012	401.2	66.6	3.0	2.3
2013	435.1	72.9	3.1	2.4
2014	411.1	62.4	2.9	2.0
2015	450.3	77.9	3.1	2.4
2016	504.1	107.4	3.4	3.2
Q1/2016	501.0	108.1	3.4	3.3
Q1/2017	514.2	113.4	3.5	3.4

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Bilangan penganggur mengikut pecahan jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik utama, 2008 hingga 2016, Q1/2016 dan Q1/2017, Selangor

('000)

Perkara	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Q1/2016	Q1/2017
Jantina											
Lelaki	39.1	50.9	42.6	36.8	41.5	44.2	34.8	39.5	52.5	50.8	61.3
Perempuan	27.9	26.6	39.9	28.7	25.1	28.7	27.7	38.4	55.1	57.2	52.1
Kumpulan umur											
15-24	31.7	36.2	45.4	31.0	30.7	31.6	30.6	32.8	37.8	35.1	39.6
25-34	16.7	17.6	20.8	22.0	21.0	26.4	22.8	30.5	45.0	39.6	43.4
35-44	9.5	11.4	8.4	5.0	5.2	6.9	6.1	9.3	16.8	25.0	12.0
45-54	7.4	9.9	4.8	6.3	6.9	6.9	2.6	4.2	6.0	8.3	17.3
55-64	1.8	2.4	3.0	1.3	2.7	1.0	0.4	1.2	1.8	-	1.1
Kumpulan etnik utama											
Bumiputera	31.0	36.9	45.6	31.6	34.2	37.2	29.6	43.7	54.1	66.9	62.9
Cina	20.9	20.6	17.4	17.3	14.1	22.7	12.4	14.7	24.2	24.1	24.8
India	12.2	17.8	13.2	11.5	16.1	10.3	13.5	12.3	18.8	14.8	16.0

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3: Kadar pengangguran mengikut pecahan jantina, kumpulan umur dan kumpulan etnik utama, 2008 hingga 2016, Q1/2016 dan Q1/2017, Selangor

(%)

Perkara	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Q1/2016	Q1/2017
Jantina											
Lelaki	3.0	3.8	2.6	2.2	2.4	2.4	1.9	2.1	2.7	2.6	3.1
Perempuan	3.5	3.3	4.1	2.8	2.3	2.4	2.2	2.9	3.9	4.3	3.8
Kumpulan umur											
15-24	10.0	12.2	9.8	7.0	7.1	7.2	7.1	8.1	8.8	8.4	10.0
25-34	2.3	2.4	2.0	2.1	1.9	2.2	1.9	2.4	3.4	3.1	3.3
35-44	1.6	1.8	1.3	0.7	0.7	0.9	0.8	1.1	2.0	3.0	1.4
45-54	1.9	2.5	1.3	1.5	1.6	1.4	0.5	0.8	1.1	1.6	3.2
55-64	1.9	2.2	3.0	1.1	1.8	0.6	0.2	0.6	0.9	-	0.5
Kumpulan etnik utama											
Bumiputera	2.9	3.5	3.6	2.4	2.5	2.6	2.0	2.8	3.4	4.2	3.9
Cina	3.4	3.2	2.5	2.4	1.9	3.0	1.6	1.8	2.8	2.9	2.9
India	4.4	6.4	4.5	3.7	4.9	3.1	4.0	3.5	5.3	4.3	4.2

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan maklum balas daripada jabatan dan agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN), *Selangor Human Resources Development Centre* (SHRDC) dan Jobstreet.com, antara faktor mengapa pengangguran masih wujud di Selangor adalah disebabkan oleh perkara berikut :

i. permintaan gaji yang tinggi (unrealistic);
ii. penguasaan Bahasa Inggeris yang lemah;
iii. terlalu memilih pekerjaan dan syarikat;
iv. kurang kemahiran berkomunikasi;
vi. karakter, sikap dan personaliti graduan yang lemah; dan
vii. keadaan ekonomi negara yang lembap.

Di samping itu, masalah pengangguran juga bukan hanya disebabkan tiada peluang pekerjaan tetapi terdapat juga segelintir golongan anak-anak muda yang kurang berminat untuk mengisi jawatan di sektor yang sedia ada, terutamanya sektor pekerjaan 3D (Dirty, Difficult, Dangerous) sehingga terdapat kebergantungan yang besar kepada buruh asing.

b) Pelan tindakan Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan kadar pengangguran di Selangor adalah seperti berikut:

1. Program Karnival Kerjaya (*Selangor Job Fair*) adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada 11 Mac 2017 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 559 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 1,382.

2. Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang.

6. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendul dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinikal Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal.

7. Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau Youth Enhancement Strategy Selangor (YES) yang memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.

8. Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih.

c) Karnival kerjaya yang telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2009 adalah sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Selangor. Pada mulanya, karnival kerjaya ini diberi nama ’Jom Kerja’, tetapi telah diberi penjenamaan semula kepada *’Selangor Job Fair’* pada tahun 2016.

Usaha sama antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor dalam menjayakan karnival kerjaya ini, sedikit sebanyak membantu rakyat Selangor menaikkan taraf kehidupan dan membasmi kadar kemiskinan.

Data maklumat berkenaan peluang pekerjaan untuk Program Jom Cari Kerja / Selangor Job Fair hanya dapat diberikan dari tahun 2016 hingga 2017.

Berikut adalah maklumat bilangan penempatan bagi calon-calon yang telah berjaya mengisi kekosongan jawatan dari program Jom Kerja / Selangor Job Fair seperti di **Jadual 4.**

Selain karnival kerjaya anjuran Kerajaan Negeri Selangor, Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor juga telah menganjurkan karnival kerjaya. Data maklumat berkenaan bilangan penempatan calon-calon yang berjaya mengisi kekosongan jawatan dari tahun 2011 hingga 2016 seperti di **Jadual 5.**

Jadual 4: Bilangan Penempatan bagi Jom Kerja / Selangor Job Fair dari tahun 2016 hingga 2017 di Negeri Selangor

Bil	Daerah/ Lokasi	Tarikh Program	Syarikat Terlibat	Jumlah Kekosongan Jawatan	Pemohon Berdaftar (Orang)	Jumlah Penempatan
2016						
1.	Ideal Convention Centre (IDCC)	28 Mei 2016	73	476	4,204	347
2.	Kuala Langat	03 Sept 2016	28	2,400	1,499	1,227
3.	Dataran Shah Alam (Ambang 2017)	31 Dis 2016	35	4,600	2,915	2,493
2017						
1.	Sepang	11 Mac 2017	28	1,382	559	470

Sumber : Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor

Jadual 5: Bilangan Penempatan bagi Karnival Kerjaya JobsMalaysia dari tahun 2011 hingga 2016 di Negeri Selangor

Tahun	Bilangan Penempatan
2011	2,015
2012	1,850
2013	1,202
2014	2,616
2015	4,429
2016	6,833
Jumlah	**18,945**

Sumber : Pusat JobsMalaysia, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PROGRAM IKATAN DESA

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kampung-kampung yang telah menjalankan program ini.

b) Apakah halangan utama program ini berjalan dengan lancar?

c) Apakah kemajuan yang telah dicapai melalui program ini khususnya dalam aspek keselamatan kampung?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Terdapat pelbagai isu seperti kes pecah rumah, kecurian, kehilangan kenderaan, kehilangan harta benda, ancaman bunuh, rogol, dan sebagainya sering dilaporkan di media massa dan elektronik. Masyarakat kini dilihat semakin terdesak dengan kegawatan ekonomi semasa demi kelangsungan hidup menyebabkan perkara-perkara seperti yang dinyatakan berlaku dengan berleluasa.

Begitu juga apabila berlaku musibah yang tidak diingini seperti kemalangan, kecederaan, kebakaran dan sebagainya, tindakan awal daripada orang ramai amatlah perlu sebelum pihak yang berkuasa seperti ambulan dan bomba sampai ke tempat kejadian.

Kerajaan Negeri Selangor melihat keperluan diwujudkan satu pasukan bantuan untuk menangani masalah ini. Justeru itu Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu pasukan yang lebih efektif dan diberi nafas baru dengan menjenamakan semula program Pasukan Keselamatan Kejiranan (PKK) yang pernah ditubuhkan pada tahun 2013 kepada satu program yang dinamakan sebagai Program Ikatan Desa.

Objektif pelaksanaan Program Ikatan Desa adalah seperti berikut:

1. Membekalkan anggota dengan peralatan yang bersesuaian dengan tugasan;

2. Melatih anggota daripada aspek keselamatan akan teknik-teknik rondaan, mengawasi kediaman penduduk kampung dari aspek memperkemas dan mempertingkatkan keselamatan rumah dan juga melatih anggota teknik mempertahankan diri;

3. Melatih anggota dari aspek perubatan asas untuk memberikan bantuan bantu mula perubatan sementara menunggu bantuan ambulan tiba atau dibawa ke hospital; dan

4. Melatih anggota daripada aspek kebakaran teknik mengawal kebakaran sebelum jentera bomba tiba.

Pasukan ini akan dilatih melalui tiga (3) komponen penting iaitu:

1. Kawalan keselamatan kampung yang meliputi aspek keselamatan orang awam, rumah, bangunan awam dan kesejahteraan penduduk kampung;
2. Khidmat bantuan mula perubatan, dan
3. Kawalan kebakaran.

Semua 371 buah kampung akan terlibat di dalam program ini di mana latihan dijangka akan bermula pada September 2017 dan peralatan akan diagihkan kepada ahli Ikatan Desa pada November 2017.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PELABURAN DAN PELUANG PEKERJAAN 2017

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah baharu pelaburan asing dan domestik mengikut daerah setakat ini.

b) Senaraikan jumlah peluang pekerjaan baharu mengikut daerah daripada pelaburan ini.

c) Berapa peratus kadar pengangguran dapat diturunkan melalui peluang pekerjaan ini?

JAWAPAN:

a) Senarai jumlah baharu pelaburan asing dan domestik mengikut daerah bagi tahun 2017 tidak dapat dinyatakan kerana sehingga kini Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017.

b) Senarai jumlah peluang pekerjaan baharu mengikut daerah daripada aktiviti pelaburan bagi tahun 2017 juga tidak dapat dinyatakan.

c) Peratus kadar pengangguran yang dapat diturunkan melalui peluang pekerjaan yang ditawarkan juga tidak dapat diukur pada masa ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PENTADBIRAN YANG EFISYEN

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kayu ukur yang diletakkan oleh Kerajaan bagi menilai pentadbiran yang efisyen?

b) Adakah aduan merupakan ukuran utama terhadap keberkesanan pentadbiran Kerajaan?

c) Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran Kerajaan?

JAWAPAN:

a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) yang bertujuan untuk menilai prestasi dan seterusnya mengiktiraf kecemerlangan pengurusan organisasi sektor awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. APPC juga merupakan satu platform untuk mewujudkan persaingan sihat antara jabatan/ agensi dalam meningkatkan prestasi sistem pentadbiran serta kualiti penyampaian perkhidmatan secara berkesan.

Sejajar dengan perkembangan serta peningkatan tahap pendidikan dan pengetahuan rakyat, adalah menjadi harapan agar kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh setiap agensi kerajaan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Justeru, penyediaan dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang adalah fokus utama sesuatu organisasi dan APPC merupakan suatu program penilaian berstruktur untuk mengukur tahap kecemerlangan perkhidmatan organisasi. Dalam memastikan APPC adalah sentiasa relevan, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan, penambahbaikan secara berterusan dilaksanakan mengikut keperluan dan kehendak semasa.

Selain itu, penilaian yang dijalankan oleh badan luar seperti SIRIM QAS International Berhad (MS ISO 9001:2015), Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Penilaian Penarafan Bintang) serta Jabatan Audit Negara (Indeks Akauntabiliti) juga dijadikan kayu pengukur kepada pentadbiran yang efisyen dengan memastikan semua prosedur kerja dipatuhi.

b) Ya, aduan merupakan salah satu ukuran utama terhadap keberkesanan pentadbiran Kerajaan. Aduan merupakan sumber maklumbalas rakyat kepada kerajaan. Kebanyakan aduan yang disuarakan merupakan masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat dan memerlukan tindakan segera di pihak kerajaan. Keupayaan kerajaan untuk menangani isu-isu aduan dengan responsif, cepat dan berkesan membolehkan kerajaan melangkah ke fasa urustadbir yang lebih baik dengan mengambil langkah-langkah pro-aktif pencegahan dan penambahbaikan berdasarkan isu aduan yang diterima. Menerusi aduan yang diterima, kerajaan mampu menjadikan isu-isu aduan sebagai sumber inovasi dengan merangka dan menyediakan perkhidmatan yang paling berkesan. Justeru, aduan merupakan salah satu parameter utama untuk menilai keberkesanan pentadbiran kerajaan. Pada masa yang sama, aspek-aspek urustadbir yang lain juga memerlukan penambahbaikan berterusan agar berjalan seiringan dengan kemajuan pengurusan aduan awam.

c) Bagi meningkatkan keberkesanan dan memastikan jentera pentadbiran sentiasa cekap dan berkesan, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memastikan setiap prosedur kerja dan pengurusan kualiti dipatuhi. Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan. Justeru, setiap agensi amat digalakkan untuk memperkemas serta merekayasa prosedur kerja bagi mempercepatkan proses kerja dan membantu membuat keputusan dengan lebih cepat.

Melalui pengurusan kualiti, usaha berterusan dilaksanakan melalui program-program inovasi, pelaksanaan Amalan Persekitaran 5S/ Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dan pelaksanaan standard pematuhan MS ISO 9001. Selain daripada itu bagi terus menggalakkan dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran Kerajaan, beberapa pengiktirafan kecemerlangan telah dilaksanakan melalui Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), Anugerah Inovasi Negeri Selangor dan pengiktirafan kecemerlangan lain yang dilihat sebagai medium bagi menerap dan memperluas budaya kecemerlangan dan keberkesanan pentadbiran kerajaaan. Selain itu, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) juga dilihat sebagai salah satu langkah bagi agensi melaksanakan pemantauan dan penilaian secara berterusan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : PROGRAM INTERVENSI AWAL KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah kemajuan program ini setakat ini?

b) Senaraikan institusi dan badan kebajikan yang menerima peruntukan program ini.

c) Adakah Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PDK) dipertimbangkan untuk diperkasakan melalui program ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap golongan kanak-kanak yang berkeperluan khas menjalani kehidupan mereka. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah RM 3 juta untuk membantu institusi dan badan kebajikan yang menjalankan *Early Intervention Programme* (*EIP*) di Negeri Selangor untuk menyediakan pendidikan dan pelbagai jenis terapi seperti *physiotherapy, occupational therapy, speech therapy* dan *hydrotherapy*.

Sehingga pertengahan Julai 2017, terdapat lapan (8) buah organisasi EIP yang telah membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri dan peruntukan berkenaan sebanyak RM750,000.00 telah disalurkan kepada mereka bagi tujuan membantu dalam menampung kos-kos yang berkaitan dengan pelaksanaan program intervensi awal kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas.

b) Senarai institusi dan badan kebajikan yang telah menerima sumbangan Program EIP adalah seperti berikut:-

Bil	Nama dan alamat institusi / badan kebajikan	Amaun diterima
1.	**Pusat Asuhan Kanak-kanak Autisme, Andra Uphill** Taska Andra, No,1, Jalan SM3, Taman Salak Maju, 43900 Salak Tinggi, Selangor.	RM50,000.00

Bil	Nama dan alamat institusi / badan kebajikan	Amaun diterima
2.	**Pusat Pendidikan Khas Eden Firdaus Sdn. Bhd.** Lot U-72-G & U-72-1, Jalan PJU 5/22, Red Carpet Avenue, Encorp Strand Mall, 47810 Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor	RM100,000.00
3.	**Inisiatif Sokongan Autisme Nouri Berhad (InSaNi)** No 30 Jalan SU 34, Taman Selayang Utama, 68100 Batu Caves, Selangor	RM100,000.00
4.	**The National Autism Society Of Malaysia (NASOM)** No. 5, Lorong Sepat 2, Taman Bertek Teluk Pulai, 41300 Klang, Selangor	RM100,000.00
5.	**The Olive Trees School (tOts)** No. 1-1-01, D'Vida Commercial Centre, Jalan Bazar U8/101, Bukit Jelutong, Seksyen U8, 40150 Shah Alam, Selangor	RM100,000.00
6.	**Persatuan Kanak-kanak Istimewa Kajang** No. 17, Jalan Seksyen 2/14, Taman Kajang Utama, 43000 Kajang, Selangor	RM100,000.00
7.	**Persatuan Kebajikan Anak-anak Istimewa Selangor (ORKIDS)** ORKIDS Office, No. 2, Jalan 22/57, SS1, Petaling Jaya, Selangor	RM100,000.00
8.	**Kiwanis Down Syndrome Foundation** Lot 13490, Jalan Jenjarum, Off Jalan SS23/1, Taman SEA, 47400 Petaling Jaya, Selangor	RM100,000.00
	JUMLAH	**RM750,000.00**

c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak memperuntukkan dana ini kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) kerana pusat berkenaan telah menerima geran tahunan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk pelaksanaan program-program yang telah dirancang oleh pusat ini.

Justeru itu, institusi atau badan kebajikan sedia ada yang melaksanakan program EIP di Selangor adalah digalakkan untuk membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri supaya aktiviti untuk memperkasakan program EIP dapat dilaksanakan agar dapat membantu kanak-kanak yang memerlukan terapi dan pendidikan khas seterusnya dapat memberi peluang kepada mereka untuk bermasyarakat serta menunjukkan kebolehan mereka tersendiri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : KARNIVAL KAMPUNGKU KESAYANGANKU TAHUN 2017

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan kampung yang telah menjalankan program ini sepanjang tahun 2017.

b) Adakah objektif pelaksanaan program ini dapat dicapai?

c) Bagaimanakah aspek fizikal dan spiritual program ini dapat diukur kejayaannya?

JAWAPAN:

a) Karnival Kampungku Kesayanganku (3K) merupakan program tahunan yang telah dilaksanakan bermula tahun 2015 untuk memperkasakan institusi kampung. Program ini juga diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2016 dan 2017 selepas mendapat maklum balas yang positif dari Pejabat Daerah dan juga penduduk kampung. Pada tahun 2017, Program 3K dilaksanakan di sembilan (9) buah daerah dalam Selangor. Berikut adalah senarai kampung yang telah dan akan menjalankan program ini sepanjang tahun 2017 :

DAERAH	TARIKH	KAMPUNG
Hulu Langat	24 & 25 Feb	Masjid Al-Ubudiah, Kampung Tasik Tambahan, Mukim Ampang
Klang	17 & 18 Mac	Masjid At-Taqwa, Kampung Bukit Kapar, Mukim Kapar
Sepang	14 & 15 April	Masjid Pulau Meranti, Kampung Pulau Meranti, Mukim Dengkil
Hulu Selangor	19 & 20 Mei	Masjid Ar-Rahmah, Kampung Sungai Buaya, Mukim Bandar
Kuala Langat	28 & 29 Julai	Masjid Ar-Raudhah, Kampung Sungai Kelambu, Mukim Tanjung Dua Belas Satu (1)
Sabak Bernam	18 & 19 Ogos	Masjid Ar-Rahmaniah, Kampung Sungai Air Tawar, Mukim Sungai Air Tawar

DAERAH	TARIKH	KAMPUNG
Petaling	08 & 09 Sept	Masjid Bandar Baru Sungai Buloh, Kampung Sungai Pelong, Mukim Sungai Buloh Satu (1)
Gombak	06 & 07 Okt	Masjid Amaniah, Kampung Melayu Batu Caves, Mukim Batu
Kuala Selangor	20 & 21 Okt	Masjid Nurul Iman, Kampung Bukit Cherakah, Mukim Jeram

b) dan c)

Camp Akademik. Manakala program-program yang dapat membantu meringankan bebanan rakyat melalui penajaan/ pembiayaan pendidikan pula adalah seperti Program Peduli Siswa, Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor, Biasiswa Selangor (untuk pelajar KUIS & UNISEL), Program Bantuan Sara Diri Pelajar (untuk pelajar KUIS, UNISEL dan INPENS), Program Kemahiran Teknikal (untuk pelajar INPENS), Program Tuisyen Rakyat, Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah untuk Anak Pekerja Ladang, Program Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/ IPTS) untuk Anak Pekerja Ladang dan Program Kecemerlangan UPSR untuk Anak Pekerja Ladang.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai aspek dengan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah tanpa mengira gender dan etnik di samping memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

c) Ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai sebarang data atau statistik bersepadu berhubung tahap pencapaian keseluruhan program bantuan dan program peningkatan tahap ekonomi rakyat bagi golongan miskin bandar. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor mencatatkan penurunan insiden kemiskinan daripada 0.4% pada tahun 2012 kepada 0.2% pada tahun 2014. Ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan program bantuan dan peningkatan ekonomi seumpama ini berupaya memberi impak positif dalam menurunkan kadar kemiskinan di Negeri Selangor.

**Maklumat tambahan:*

Jadual Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri bagi tahun 1970 hingga 2014 daripada Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Tahun 2014 yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1:

INSIDEN KEMISKINAN MENGIKUT ETNIK, STRATA DAN NEGERI BAGI TAHUN 1970 - 2014

Jadual 5.6: Insiden kemiskinan mengikut kumpulan etnik, strata dan negeri, Malaysia, 1970 - 2014
Table 5.6: Incidence of poverty by ethnic group, strata and state, Malaysia, 1970 -2014

(%)

	1970*	1976	1979	1984	1987	1989**	1992	1995	1997	1999	2002	2004	2007	2009	2012	2014
Malaysia	49.3	37.7	37.4	20.7	19.4	16.5	12.4	8.7	6.1	7.5	5.1	5.7	3.6	3.8	1.7	0.6
Kumpulan etnik/ *Ethnic group*																
Bumiputera	64.8	46.4*	49.2	28.7	26.6	23.0	17.5	12.2	9.0	10.2	7.3	8.3	5.3	5.3	2.2	0.8
Cina / *Chinese*	26.0	17.4*	16.5	7.8	7.0	5.4	3.2	2.1	1.1	2.6	1.5	0.6	0.6	0.6	0.3	0.1
India / *Indians*	39.2	27.3*	19.8	10.1	9.6	7.6	4.5	2.6	1.3	1.9	1.9	2.9	2.6	2.5	1.8	0.6
Lain - lain / *Others*	44.8	33.8*	28.9	18.8	20.3	22.8	21.7	22.5	13.0	21.7	14.3	6.9	10.1	6.7	1.5	0.9
Strata																
Bandar / *Urban*	21.3	15.4	17.5	8.5	8.5	7.1	4.7	3.6	2.1	3.4	2.0	2.5	1.9	1.7	1.0	0.3
Luar Bandar / *Rural*	58.7	45.7	45.8	27.3	24.8	21.1	12.2	14.9	10.9	12.4	11.4	11.9	7.1	8.4	3.4	1.6
Negeri/*State*																
Johor	45.7	29.0	18.2	12.2	11.1	10.1	5.6	3.1	1.6	2.5	1.8	2.0	1.5	1.3	0.9	0.0
Kedah	63.2	61.0	53.8	36.6	31.3	30.0	21.2	12.2	11.5	13.5	10.7	7.0	3.1	5.3	1.7	0.3
Kelantan	76.1	67.1	55.0	39.2	31.6	29.9	29.5	22.9	19.2	18.7	12.4	10.6	7.2	4.8	2.7	0.9
Melaka	44.9	32.4	20.4	15.8	11.7	12.4	8.5	5.3	3.5	5.7	2.7	1.8	1.8	0.5	0.1	0.1
Negeri Sembilan	44.8	33.0	26.3	13.0	21.5	9.5	8.1	4.9	4.7	2.5	2.2	1.4	1.3	0.7	0.5	0.4
Pahang	43.2	38.9	26.9	15.7	12.3	10.2	6.9	6.8	4.4	5.5	3.8	4.0	1.7	2.1	1.3	0.7
Pulau Pinang	43.7	32.4	19.7	13.4	12.9	8.9	4.0	4.0	1.7	2.7	1.4	0.3	1.4	1.2	0.6	0.3
Perak	48.6	43.0	30.5	20.3	19.9	19.3	10.2	9.1	4.5	9.5	7.9	4.9	3.4	3.5	1.5	0.7
Perlis	73.9	59.8	63.1	33.7	29.1	17.2	19.8	11.8	10.7	13.3	10.1	6.3	6.8	6.0	1.9	0.2
	29.2	22.9	14.5	8.6	8.9	7.8	4.3	2.2	1.3	2.0	1.1	1.0	0.7	0.7	0.4	0.2
Terengganu	68.9	60.3	53.1	28.9	36.1	31.2	25.6	23.4	17.3	14.9	10.7	15.4	6.4	4.0	1.7	0.6
Sabah	n.a	58.3	40.7	33.1	35.3	29.7	27.8	22.6	16.5	20.1	16.0	24.2	16.4	19.7	8.1	4.0
Sarawak	n.a	56.5	47.8	31.9	24.7	21.0	19.2	10.0	7.3	6.7	5.8	7.5	4.2	5.3	2.4	0.9
W.P. Kuala Lumpur	n.a	n.a	n.a	4.9	5.2	3.8	1.7	0.5	0.1	2.3	0.5	1.5	1.5	0.7	0.8	0.1
W.P. Labuan	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	2.7	4.2	4.3	1.1	1.1
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	n.a	0.0	0.0	0.0	0.0

Nota/*Note* :
* **Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja/***Refers to Peninsular Malaysia only*
** **Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia/***Starting 1989, data is based on Malaysian citizens*
- Tiada kes/*No cases*

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014)

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : JABATAN PERTANIAN NEGERI SELANGOR

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kejayaan jabatan ini pada tahun 2016.

b) Senaraikan projek di bawah jabatan ini yang gagal dilaksanakan dan faktornya.

c) Nyatakan jumlah peruntukan kepada jabatan ini dari 2014-2016.

JAWAPAN:

a) Antara kejayaan Jabatan ini pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

i. Membangunkan usahawantani dan kelompok petani sebanyak 300 orang.
ii. Menjana pengeluaran komoditi tanaman makanan sebanyak 55,600 metrik tan.
iii. Menjana jumlah eksport produk hasilan pertanian kepada RM500 juta.
iv. Menjana jumlah pengeluaran produk IAT sebanyak RM250 juta.
v. Melatih 40 belia tani melalui program inkubator.

b) Tiada projek yang gagal dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian. Walau bagaimanapun terdapat beberapa projek seperti tanaman kelapa yang terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh masalah kekurangan benih.

c) Jumlah peruntukan yang disalurkan dari 2014-2016 adalah seperti berikut:

2014 – RM11.5 juta
2015 – RM14 juta
2016 – RM18 juta

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENYELENGARAAN PANGSAPURI DI SELANGOR

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengapa masih ada rungutan rakyat mengenai komitmen Kerajaan Negeri dalam menguruskan kemusahan awam di kawasan pangsapuri di Selangor?

b) Kerajaan Negeri perkenalkan Skim Ceria untuk baik pulih kemudahan pangsapuri di Selangor, sejauh mana keberkesanan program itu?

c) Berapa jumlah sebenar yang dibelanjakan Kerajaan Negeri di bawah Skim Ceria dan jumlah pangsapuri yang berjaya dibaikpulih sejak 2010?

JAWAPAN:

a) Harta bersama bagi pangsapuri di bawah Akta Pengurusan Strata (Akta 757) pada asasnya adalah di bawah tanggungjawab pengurusan dan penyenggaraan oleh pihak Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan (JMB/MC). Sehubungan itu, ia perlu diurus serta disenggara melalui kutipan caj daripada setiap pemilik. Sekiranya kutipan caj rendah atau ramai pemilik yang gagal membayar caj secara konsisten, maka akan ada masalah dalam mengurus dan menyenggara harta bersama pangsapuri.

Atas inisiatif peduli rakyat, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Skim CERIA yang berdasarkan konsep perkongsian kos. Ia bersifat serampang dua mata iaitu untuk bantu membaik pulih harta bersama serta memberi kesedaran kepada penduduk akan kepentingan membayar caj, memupuk rasa tanggungjawab serta rasa kepunyaan dan kebersamaan dalam memelihara harta bersama melalui kaedah perkongsian kos tersebut.

Oleh kerana Kerajaan Negeri memahami kesukaran yang dihadapi oleh sebahagian pangsapuri untuk menerima tawaran bantuan Skim CERIA kerana syarat perkongsian kos tersebut, maka Kerajaan Negeri telah mewujudkan program bantuan SMART LIFE (*Smart Lift Improvement For Quality Life*) iaitu program khusus dalam memberi bantuan baik pulih serta penyenggaraan lif kepada pangsapuri. Kos baik pulih serta bayaran penyenggaaran lif secara bulanan selama setahun akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Oleh yang demikian, sekiranya masih terdapat rungutan daripada rakyat mengenai komitmen Kerajaan Negeri, maka ia berkemungkinan besar disebabkan tidak mendapat maklumat akan program serta skim bantuan yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Negeri atau faktor dorongan sentimen politik yang bertentangan dengan Kerajaan Negeri serta majoriti penduduk pangsapuri.

b) Skim CERIA yang telah diwujudkan sejak tahun 2010 telah memberi manfaat kepada 265 pangsapuri dengan liputan lebih 10,000 unit kediaman pangsapuri yang terlibat sehingga Jun 2017. Anggaran sejumlah RM86,826,024.68 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

Terdapat beberapa contoh kes keberkesanan bantuan Skim CERIA yang boleh diberikan. Antaranya adalah seperti masalah bil air meter pukal yang terlalu tinggi dihadapi oleh pangsapuri Ruvena Villa, Rosana Villa, Siantan, Dahlia dan Kenanga, Taman Putra Perdana di bawah DUN Dengkil. Kesemua pangsapuri ini mengalami masalah kebocoran paip retikulasi (dalam tanah) yang serius selama lebih dari 10 tahun serta mempunyai tunggakkan bil air mencecah antara ratusan ribu sehingga RM1 juta. Bantuan Skim CERIA oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2014 dan 2016 telah berjaya membantu mengurangkan bil semasa air meter pukal pangsapuri-pangsapuri yang terlibat sehingga separuh daripada bil air sebelum baik pulih dibuat. Ini sekaligus mengurangkan beban lebih 4,000 unit rumah kediaman di sekitar Taman Putra Perdana serta menjimatkan kos pembaziran air yang ditanggung oleh JMB selama ini.

Bantuan baik pulih lif Skim CERIA di pangsapuri seperti Ukay Indah, Pendamar 7A, Pendamar 7B, Impian Baiduri dan Seri Nilam telah memberi keyakinan penduduk di pangsapuri-pangsapuri berkenaan sehingga berjaya meningkatkan prestasi kutipan caj dari serendah 30% sehingga melebih 80% purata sebulan.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) juga ada membuat penilaian impak terhadap keberkesanan pelaksanaan bantuan Skim CERIA ke atas 99 pangsapuri kos rendah dan sederhana rendah. Majoriti pangsapuri yang dinilai menunjukkan peningkatan prestasi daripada segi bayaran caj oleh pemilik mahupun pengurusan perjalanan JMB/MC selepas menerima bantuan baik pulih Skim CERIA.

c) Sehingga Jun 2017, sejumlah 265 pangsapuri yang telah berjaya dibaik pulih melibatkan perbelanjaan bejumlah RM86,826,024.68.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PEMBINAAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT (BBP) DI SETIA ALAM DAN BUKIT RAHMAN PUTRA

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mengapa Kerajaan Negeri perlu mengenakan caj premium tanah tinggi kepada KPKT, sedangkan projek itu atas dadar kepentingan awam?

b) Bagaimana pula dengan Kerajaan Negeri boleh memberi diskaun premium tanah kepada pemaju yang bina rumah Selangorku, mengapa mekanisme yang sama tidak digunapakai?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman YB Sungai Burong, premium adalah berdasarkan nilaian pasaran yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta (JPPH) yang mana ianya adalah diluar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Penyediaan infrastruktur awam seperti Balai Bomba, Balai Polis, Sekolah dan lain-lain lagi telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukkan lima tahun pelan pembangunan yang dikenali dengan RMK. Oleh itu bagi tujuan tersebut, Kerajaan Persekutuan perlu mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri. Selain daripada menanggung kos untuk pembinaan bangunan tersebut, bayaran premium tanah juga perlu dijelaskan kepada Pihak Berkuasa Negeri. Merujuk kepada Perkara 83(2) Perlembagaan Persekutuan, telah menyatakan dengan jelas sekiranya Kerajaan Persekutuan mengkehendaki tanah Negeri secara pemberimilikan tanah, Kerajaan Persekutuan hendaklah membayar kepada Negeri itu premium yang sama banyak dengan nilaian pasaran tanah itu. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan dasar pemberimilikan tanah kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jenis kegunaan awam tersebut. Dasar ini wujud sejak dari tahun 1997 yang masih digunapakai hingga ke hari ini yang mana telah menetapkan kadar pembayaran premium sebanyak 25%, 50% dan 100% daripada nilaian pasaran mengikut jenis kegunaan awam. Pembayaran premium pada kadar nominal hanya dikenakan bagi tujuan mendirikan sekolah dan bagi tanah-tanah pengambilan yang melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan Persekutuan.

b) Untuk pengetahuan YB Sungai Burong, tiada pemberian diskaun diberikan kepada Kerajaan Persekutuan namun Kerajaan Negeri pernah meluluskan permohonan mengaktifkan semula bayaran premium yang telah luput tempoh sejak dari 2004 hingga 2013 berjumlah RM83,293,153.25.

Pemberian diskaun premium bagi tujuan penyediaan Rumah Selangorku adalah bertujuan untuk menggalakkan pemaju hartanah menyediakan Rumah Mampu Milik di atas tanah milik mereka. Berbeza dengan penyediaan Balai Bomba dan lain-lain infrastruktur awam yang mana ianya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan prasarana tersebut samaada di atas tanah yang diberimilik oleh Kerajaan Negeri atau tanah yang diperolehi melalui urusan pengambilan tanah dibawah Akta Pengambilan Tanah 1960 (APT).

<u>Maklumat Tambahan berdasarkan Pekeliling PTGS Bil. 3/1997</u>

Terdapat empat jenis kegunaan yang diklasifikasikan mengikut kadar premium yang dikenakan seperti berikut:-

1. Kegunaan yang memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Negeri seperti Hospital, Klinik, Balai Bomba, Perpustakaan dan lain-lain lagi yang telah disenaraikan dikenakan premium pada kadar ¼ harga pasaran
2. Kegunaan yang memberi faedah bersama kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan seperti Balai Polis, Penjara, Kem Tentera, Institut Pertanian dan lain-lain lagi yang telah disenaraikan dikenakan premium pada kadar ½ harga pasaran.
3. Kegunaan perdagangan atau memberi faedah secara langsung kepada Kerajaan Persekutuan seperti Pejabat Pos, Lapangan Terbang, Pejabat Kastam dan lain-lain yang telah disenaraikan dikenakan premium pada kadar penuh harga pasaran.
4. Kegunaan bagi tujuan mendirikan sekolah dikenakan premium pada kadar nominal RM1,000.00 sahaja.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PAYA INDAH WETLAND

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status terkini projek perumahan yang dijalankan berhampiran rizab paya itu setakat ini?

b) Bagaimanapula pendirian Kerajaan Negeri di sebalik bantahan pelbagai pihak terhadap projek berhampiran di kawasan itu yang difahamkan kawasan pemampuan hanya 100 meter dari Paya Indah Wetland?

c) Bagaimana pula dengan Laporan Penilaian Alam Sekitar yang dijalankan terutamanya daripada Jabatan Alam Sekitar?

JAWAPAN:

a) Permohonan telah dikemukakan kepada PLAN Malaysia untuk dibawa ke Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

b) Permohonan telah mematuhi perihal tanah dan ulasan jabatan teknikal. Pelan susunatur juga telah mematuhi Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Ketiga.

c) Laporan EIA Terperinci (DEIA) bagi permohonan tersebut telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar merujuk kepada surat bil. AS(PN)50/011/100/338 bertarikh 10 Februari 2016.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)

TAJUK : PENGAMBILALIHAN SPLASH

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apa status terkini pengambilihan syarikat itu, adalah Kerajaan Negeri masih mengekalkan harga RM2.975 bilion?

b) Bagaimanapula dengan kedudukan tarif air Selangor pada masa depan, apakah Kerajaan Negeri Merancang untuk membuat kajian semula yang mungkin berlaku kenaikan dari segi kadarnya?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : GAJI, ELAUN DAN IMBUHAN YB SPEAKER DAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan gaji dan elaun bulanan serta imbuhan yang terima oleh YB Speaker dan YB Timbalan Speaker kini.

b) Nyatakan perubahan nilai gaji, elaun dan imbuhan sejak tahun 2000 hingga kini.

JAWAPAN:

a) Gaji, elaun bulanan dan imbuhan yang diterima oleh Y.B. Speaker dan Y.B. Timbalan Speaker selaras dengan Enakmen Anggota Pentaadbiran Dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980 adalah seperti di **Lampiran 1**.

b) Perubahan nilai gaji, elaun dan imbuhan Y.B. Speaker dan Y.B. Timbalan Speaker daripada tahun 2000 hingga kini seperti di **Lampiran 2**.

LAMPIRAN 1

Y.B. SPEAKER DEWAN NEGERI

BIL	PERKARA	KADAR
1.	**Gaji**	**RM15,000.00**
2.	**Elaun Keraian**	**RM1,000.00**
3.	**Elaun Khas**	**RM1,500.00**
4.	**Kediaman Rasmi**	Disediakan rumah Kerajaan dengan penuh kelengkapan. Jika tidak disediakan rumah Kerajaan atau mendiami rumah sendiri, Elaun Rumah layak dibayar sebanyak **RM1,000.00** sebulan.
5.	**Kakitangan Isi Rumah**	**RM500.00 sebulan** atau dibekalkan dengan kakitangan Kerajaan sebagai pembantu rumah termasuk tukang kebun.
6.	**Bekalan Air/ Elektrik**	Percuma bekalan air dan elektrik bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman.
7.	**Elaun Cuti Khas**	Diberi **satu kali dalam perkhidmatan** (**boleh dituntut setelah setahun berkhidmat**) tiket penerbangan KL-London-KL Kelas Satu untuk diri sendiri dan suami/ isteri atau bersamaan wang tunai **RM70,00.00 dan RM30,000.00** untuk perbelanjaan penginapan, makan/minum dan lain-lain.

Y.B. TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI

BIL	PERKARA	KADAR
1.	**Gaji**	**RM12,000.00**
2.	**Elaun Keraian**	**RM500.00**
3.	**Elaun Khas**	**RM500.00**
4.	**Kediaman Rasmi**	Elaun Rumah layak dibayar sebanyak **RM1,000.00.**
5.	**Kakitangan Isi Rumah**	**RM500.00 sebulan** atau dibekalkan dengan kakitangan Kerajaan sebagai pembantu rumah termasuk tukang kebun.

LAMPIRAN 2

Y.B. SPEAKER DEWAN NEGERI

TAHUN	PERKARA						
	Gaji	Elaun Keraian	Elaun Khas	Kediaman Rasmi	Kakitangan Isi Rumah	Bekalan Air/ Elektrik	Bayaran Balik Bil Talipon
2000	5,049.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2001	5,049.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2002	5,049.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2003	5,049.00	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2004	6,109.29	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2005	6,109.29	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2006	6,109.29	1,000.00	1,000.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2007	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	-
2008	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2009	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2010	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2011	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2012	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00

TAHUN	PERKARA						
	Gaji	Elaun Keraian	Elaun Khas	Kediaman Rasmi	Kakitangan Isi Rumah	Bekalan Air/ Elektrik	Bayaran Balik Bil Talipon
2013	6,109.29	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2014	22,500.00	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2015	15,000.00	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2016	15,000.00	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00
2017	15,000.00	1,000.00	1,500.00	1,000.00	500.00	Percuma	1,000.00

Y.B. TIMBALAN SPEAKER DEWAN NEGERI

TAHUN	PERKARA				
	Gaji	Elaun Keraian	Elaun Khas	Kediaman Rasmi	Kakitangan Isi Rumah
2000	-	-	-	-	-
2001	-	-	-	-	-
2002	-	-	-	-	-
2003	-	-	-	-	-
2004	-	-	-	-	-
2005	-	-	-	-	-
2006	-	-	-	-	-
2007	-	-	-	-	-
2008	3,327.50	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2009	3,327.50	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2010	3,327.50	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2011	3,327.50	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2012	3,327.50	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2013	3,327.50	500.00	500.00	1,000.00	500.00

TAHUN	PERKARA				
	Gaji	Elaun Keraian	Elaun Khas	Kediaman Rasmi	Kakitangan Isi Rumah
2014	15,750.00	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2015	12,000.00	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2016	12,000.00	500.00	500.00	1,000.00	500.00
2017	12,000.00	500.00	500.00	1,000.00	500.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : PUSAT HIBURAN, PUSAT SIBER, PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN DAN HOTEL BAJET

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan definisi sebenar Pusat Hiburan, Pusat Siber, Pusat Penjagaan Kesihatan seperti rumah urut dan Hotel Bajet mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

b) Nyatakan jenis-jenis lesen yang dikeluarkan bagi premis-premis perniagaan tersebut beroperasi.

c) Adakah pemegang lesen perniagaan tersebut boleh membuka cawangan di premis lain?

JAWAPAN:

a) Definisi Pusat Hiburan, Pusat Siber, Pusat Penjagaan Kesihatan seperti rumah urut dan Hotel Bajet mengikut Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:

i) Berdasarkan Bahagian 1 Seksyen 2 Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995 (pindaan 2001) mendefinasikan **'Pusat Hiburan'** adalah termasuk:-

- Lakonan, opera, pantomim, lakonan anekaragam, persembahan muzik, nyanyian, tarian gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, gerak akrobatik dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, tunjuk cara, peragaan dan pawai, yang dalamnya orang-orang hidup mengambil bahagian;
- Pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupaan makhluk-makhluk benar atau khayalan;
- Sarkas dan pemeran binatang;
- Pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf, ukiran atau rupaan patung atau rupaan-rupaan lain berbentuk manusia atau binatang;
- Pameran filem sinematograf, wayang gambar video dan pertunjukan boneka;

- Reproduksi atau siaran, dengan apa-apa cara jua pun selain daripada telefoni atau telefoni radio, bagi apa-apa muzik, lagu atau ucapan, selain daripada yang berkaitan dengan sesuatu filem sinematograf;
- Mesin dan peranti yang, jika dimanipulasi memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- Meja pin dan permainan video;
- Apa-apa jenis pertandingan sukan antara apa-apa bilangan orang atau binatang;
- Pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib;
- Pesta perdagangan, pertanian atau industri yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan-bahan;
- Apa-apa kombinasi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas; atau
- Apa-apa hiburan lain yang diisytiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa melalui perintah dalam warta, di mana-mana tempat yang orang ramai dibenarkan memasukinya dengan atau tanpa bayaran wang atau apa-apa balasan lain;

ii) Berdasarkan Bahagian 1 Seksyen 2 Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber 2007 mendefinasikan **'Pusat siber'** ertinya premis berlesen yang menyediakan kemudahan komputer untuk melayari internet.

iii) Berdasarkan Seksyen 2 (Tafsiran) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007 mendefinasikan **'Pusat penjagaan kesihatan'** ertinya mana-mana permis yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan.

iv) Bahagian 1 Seksyen 2 (Tafsiran) Undang-Undang Kecil Hotel 2013 mendefinasikan **'Hotel'** ertinya mana-mana premis di mana:

- Orang-orang diberi tempat berlindung atau menginap untuk apa-apa jenis sewa atau ganjaran; atau
- Bilik-bilik dilengkapi oleh pemunya, penerima pajak, penyewa utama, penghuni atau pengurus premis itu untuk kegunaan domestik bagi orang yang diberi tempat perlindungan atau menginap itu;
- Termasuklah asrama (kecuali yang ditafsirkan di bawah butiran 2 atau motel, rumah tumpangan, rumah penginapan atau rumah tetamu;

b) Jenis-jenis lesen yang dikeluarkan bagi premis-premis perniagaan adalah seperti di dalam Undang-undang Kecil (UUK) dan Enakmen Hiburan iaitu:

1. Lesen Pusat Hiburan
   A) <u>Pusat Hiburan Awam</u>
      i) Disko;
      ii) Dewan Tarian;
      iii) Kaberet;
      iv) Karaoke/ Kelab Malam;
      v) Pub; dan
      vi) Dangdut.

   B) <u>Pusat Istirehat</u>
      i) Lounge;
      ii) Kafe (Tidak Termasuk Kafe Siber);
      iii) Karaoke Keluarga (di kelab-kelab shj. Dan Ahli-ahlinya didaftarkan); dan
      iv) Snuker.

   C) <u>Pusat Hiburan Keluarga</u>
      i) "*Kiddy Ride*", Mesin Simulator dan bentuk hiburan yang sesuai digunakan untuk semua anggota keluarga termasuk kanak-kanak

2. Lesen Pusat Siber dan Kafe Siber
   A) Pusat Siber; dan
   B) Kafe Siber.

3. Lesen Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan
   A) Pusat Urut & Refleksologi
      i) Urutan Tradisional;
      ii) Urutan Orang Kurang Upaya;
      iii) Refleksologi; dan
      iv) Aromaterapi.

   B) Pusat Bukan Urut
      i) Urutan Moden Yg Menggunakan Alat;
      ii) Fisioterapi;
      iii) Akupuntur;
      iv) Bekam;
      v) Sauna/Spa Dan Jakuzzi;
      vi) Aerobik/Fitness Centre/Gimnasium;
      vii) Pusat Meditasi; dan
      viii) Lain-lain Rawatan Kesihatan.

4. Lesen Hotel.
    A) Hotel (< 20 Bilik)
    B) Hotel (21 - 40 Bilik)
    C) Hotel (41 - 60 Bilik)
    D) Hotel (61 - 80 Bilik)
    E) Hotel (81 - 100 Bilik)
    F) Hotel (101 - 150 Bilik)
    G) Hotel (151 - 200 Bilik)
    H) Hotel (201 - 250 Bilik)
    I) Hotel (251 - 300 Bilik)
    J) Hotel (301 - 350 Bilik)
    K) Hotel (351 - 400 Bilik)
    L) Hotel (401 - 500 Bilik)
    M) Hotel (> 501 Bilik)

c) Pemegang lesen perniagaan tersebut boleh membuka cawangan di premis lain dengan syarat mematuhi syarat-syarat permohonan dengan mengemukakan dokumen permohonan seperti berikut :

    i) Salinan Kad Pengenalan;
    ii) Pendaftaran Syarikat;
    iii) Perjanjian penyewaan;
    iv) Lakaran Pelan Lantai; dan Lain-lain dokumen sokongan bergantung kepada aktiviti yang dijalankan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : LESEN PUSAT HIBURAN

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah lesen dan jenis pusat hiburan terkini yang dikeluarkan dan nyatakan maklumat syarikat pemegang lesen tersebut mengikut PBT.

b) Apakah syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen tersebut?

JAWAPAN:

a) Setakat ini, aktiviti pusat hiburan dikawal melalui Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995 (Pindaan 2001) yang diselaraskan pemakaiannya di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Dari segi kawalan pengeluaran lesen, PBT sebagai Pihak Berkuasa Melesen yang diberi kuasa secara bertulis berhak dalam membuat sebarang keputusan berkaitan prosedur lesen operasi dan penguatkuasaan.

Namun demikian, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) turut terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu lesen berkaitan dengan pusat hiburan. Ini kerana, dalam menentukan tatacara dan peraturan yang perlu digunapakai bagi mengawal dan mengendalikan aktiviti berkaitan pusat hiburan PBT memerlukan kerjasama daripada semua Jabatan/ Agensi teknikal. Antara Jabatan/ Agensi teknikal lain yang terlibat adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) dan Pejabat Tanah dan Daerah (permit sekiranya menjual liquor).

Dari segi kawalan terhadap operasi pusat hiburan pula, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu melibatkan jabatan/ agensi mengikut bidang kuasa masing-masing seperti berikut:

i. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
ii. Jabatan Imigresen Malaysia;
iii. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
iv. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia;
v. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS); dan

vi. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Untuk makluman, jumlah lesen dan jenis pusat hiburan terkini yang dikeluarkan oleh PBT adalah seperti berikut :

PBT	JENIS PUSAT HIBURAN	JUMLAH LESEN PUSAT HIBURAN
MBSA	Pusat hiburan awam	56
	Pusat hiburan istirehat	
	Pusat hiburan keluarga	
MBPJ	Pusat hiburan awam	190
	Pusat hiburan istirehat	
	Pusat hiburan keluarga	
MPK	Pusat hiburan awam	6
	Pusat hiburan istirehat	43
	Pusat hiburan keluarga	40
MPAJ	Pusat hiburan awam	19
	Pusat hiburan istirehat	6
	Pusat hiburan keluarga	11
MPSJ	Pusat hiburan awam	122
	Pusat hiburan istirehat	5
	Pusat hiburan keluarga	22
MPKJ	Pusat hiburan awam	41
	Pusat hiburan istirehat	
	Pusat hiburan keluarga	

PBT	JENIS PUSAT HIBURAN	JUMLAH LESEN PUSAT HIBURAN
MPS	Pusat hiburan awam	2
	Pusat hiburan istirehat	52
	Pusat hiburan keluarga	15
MPSP	Pusat hiburan awam	13
	Pusat hiburan istirehat	7
	Pusat hiburan keluarga	7
MDKL	Pusat hiburan awam	0
	Pusat hiburan istirehat	0
	Pusat hiburan keluarga	2
MDHS	Pusat hiburan awam	18
	Pusat hiburan istirehat	5
	Pusat hiburan keluarga	3
MDSB	Pusat hiburan awam	16
	Pusat hiburan istirehat	0
	Pusat hiburan keluarga	1
JUMLAH		**702**

Nota : Sumber maklumat dari pada PBT

b) Syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen hiburan adalah seperti berikut :

1. Hiburan hanya boleh dijalankan dalam tempoh masa dan tempat yang ditetapkan seperti di dalam lesen / permit.
2. Menjelaskan bayaran cukai hiburan di Pejabat Pemungut Cukai Hiburan, Tingkat 8, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah. Lesen/ Permit hanya akan dikeluarkan setelah pihak tuan mengemukakan resit bayaran cukai daripada Pejabat Timbalan Pemungut Cukai Hiburan kepada PBT.

3. Bagi permohonan pertunjukan pentas, pemohon hendaklah mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan di mana setiap artis hendaklah berpakaian tidak menjolok mata, tidak mendedahkan sebahagian anggota tubuh, gerak-geri hendaklah tidak mengghairahkan dan mematuhi cara berpakaian mengikut undang-undang atau selaras dengan peraturan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan.
4. Dilarang sama sekali mempamerkan tindak-tanduk yang kasar dan rakus yang bertentangan dengan nilai-nilai murni seperti perlakuan melonjak–lonjak, menjerit dan membaling batu.
5. Dilarang sama sekali mempamerkan perlakuan yang ada unsur-unsur seks dan aksi-aksi atau tuturkata yang mengghairahkan termasuk gerak-tari, berkucup-kucupan dan mencium penonton atau melakukan perbuatan yang seumpamanya sesama sendiri.
6. Sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekitar dan perlu mengadakan tong sampah serta kemudahan sampah yang mencukupi.
7. Pemegang lesen hendaklah memastikan hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kesesakan atau bahaya pada lalulintas.
8. Tidak dibenarkan menjual, menghidang dan minum minuman keras semasa aktiviti hiburan dijalankan.
9. Tidak dibenarkan membawa dan menjalankan apa-apa aktiviti yang melibatkan penyalahgunaan dadah.
10. Pihak tuan adalah bertanggungjawab terhadap semua kemalangan yang berlaku di tapak hiburan/ pesta.
11. Pemegang lesen hendaklah memastikan hiburan yang diadakan tidak menyebabkan kacauganggu kepada ketenteraman awam. Lokasi tapak hendaklah tidak kurang 200 meter dari kawasan Perumahan, Institut Pendidikan, Masjid, Pejabat Kerajaan dan Pusat Perubatan.
12. Permohonan tertakluk kepada Enakmen Hiburan 1995 dan Undang – Undang Kecil PBT yang berkaitan.
13. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti yang berunsurkan judi.
14. Pegawai Pelesenan berhak membatalkan kelulusan lesen/permit pada bila-bila masa jika sekiranya mendapati terdapat mana-mana pelanggaran syarat di atas.
15. Perlu mendapatkan permit polis bagi pertunjukan bunga api.
16. Syarat-syarat lain adalah merujuk kepada :

    i. Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995;
    ii. Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995 (Pindaan 1998);

iii. Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Selangor 1995 (Pindaan 2001);
iv. Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996;
v. Undang-Undang Kecil Iklan (PBT) 2007; dan
vi. Dasar dan Garis Panduan Pemberian Lesen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Di Kawasan Pentadbiran Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Selangor – Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT KT Bil. 3/2001.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : LESEN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah lesen dan jenis pusat penjagaan kesihatan terkini yang dikeluarkan dan nyatakan maklumat syarikat pemegang lesen tersebut mengikut PBT.

b) Apakah syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen tersebut?

JAWAPAN:

a) Setakat ini, aktiviti pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan dikawal melalui Undang-undang Kecil (UUK) Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan 2007 (Pindaan 2013) yang diselaraskan pemakaiannya di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Dari segi kawalan pengeluaran lesen, PBT sebagai Pihak Berkuasa Melesen yang diberi kuasa secara bertulis berhak dalam membuat sebarang keputusan berkaitan prosedur lesen operasi dan penguatkuasaan.

Namun demikian, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) turut terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu lesen berkaitan dengan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan. Ini kerana, dalam menentukan tatacara dan peraturan yang perlu digunapakai bagi mengawal dan mengendalikan aktiviti berkaitan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan PBT memerlukan kerjasama daripada semua Jabatan/ Agensi teknikal. Antara Jabatan/ Agensi teknikal lain yang terlibat adalah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) yang perlu mengemukakan sijil kelayakan dan pemeriksaan kesihatan

Dari segi kawalan terhadap operasi pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan pula, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu melibatkan jabatan/ agensi mengikut bidang kuasa masing-masing seperti berikut:

i. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
ii. Jabatan Imigresen Malaysia;
iii. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
iv. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC);

v. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
vi. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia; dan
vii. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Berikut adalah jumlah lesen dan jenis pusat penjagaan kesihatan terkini yang dikeluarkan oleh PBT. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	JENIS PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN	JUMLAH LESEN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN
MBSA	Urutan tradisional	0
	Urutan orang kurang upaya	1
	Refleksologi	4
	Aromaterapi	4
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	5
MBPJ	Urutan tradisional	0
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	18
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	1
MPK	Urutan tradisional	27
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	6
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0

PBT	JENIS PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN	JUMLAH LESEN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN
MPAJ	Urutan tradisonal	20
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	0
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0
MPSJ	Urutan tradisional	21
	Urutan orang kurang upaya	4
	Refleksologi	87
	Aromaterapi	18
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	3
	Fisioterapi	8
MPS	Urutan tradisional	17
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	19
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0
MPKj	Urutan tradisional	1
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	80
	Aromaterapi	1

PBT	JENIS PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN	JUMLAH LESEN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0
MPSp	Urutan tradisional	1
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	9
	Aromaterapi	1
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	1
MDKL	Urutan tradisional	8
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	5
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0
MDHS	Urutan tradisional	1
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	5
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	2
MDKS	Urutan tradisional	0

PBT	JENIS PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN	JUMLAH LESEN PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	9
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0
MDSB	Urutan tradisional	3
	Urutan orang kurang upaya	0
	Refleksologi	11
	Aromaterapi	0
	Urutan moden yang menggunakan sebarang alat	0
	Fisioterapi	0
JUMLAH		**401**

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

b) Syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen pusat penjagaan kesihatan adalah seperti berikut :

<u>Pusat Urut & Refleksologi</u>

1. <u>Premis</u>

i. Premis yang boleh dilesenkan adalah:-
   a. hotel kelas 1 (bertaraf 3 bintang dan ke atas);
   b. rumah kelab;
   c. kompleks perniagaan/kompleks membeli belah; dan
   d. kedai pejabat/rumah kedai (tingkat bawah sahaja).

ii. Premis yang tidak dibenarkan :-
   a. Rumah Kediaman;
   b. Pangsapuri Perkhidmatan; dan

c. Hotel Bajet.

iii. Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, '*tinted*' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan.

iv. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (*partition*) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (*gypsum board*). Premis hendaklah bersifat terbuka termasuk tiada langsir.

v. Pekerja wanita hanya dibenarkan mengurut pelanggan wanita dan pekerja lelaki mengurut pelanggan lelaki

vi. Tidak dibenarkan meletakkan katil atau tilam. Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut yang telah diluluskan oleh PBT.

vii. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.

viii. Pemegang lesen dilarang mempamerkan gambar lucah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.

ix. Pemegang lesen hendakalah mempamerkan papan tanda yang mudah dilihat untuk dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan iaitu:-
   a. Dilarang merokok;
   b. Dilarang minum arak; dan
   c. Dilarang main judi.

2. <u>Pusat Bukan Urut</u>

i. Premis yang boleh dilesenkan adalah:-
   a. hotel kelas 1 (bertaraf 3 bintang dan ke atas;,
   b. rumah kelab;
   c. kompleks perniagaan/kompleks membeli belah; dan
   d. kedai pejabat/rumah Kedai.

ii. Premis yang tidak dibenarkan :-
   a. Rumah Kediaman

b. Pangsapuri Perkhidmatan
c. Hotel Bajet

iii. Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster,'*tinted*' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan.

iv. Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (*partition*) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (*gypsum board*) . Premis hendaklah bersifat terbuka termasuk tiada langsir. Walau bagaimanapun, partition boleh dipertimbangkan dengan syarat terdapat kelulusan PBT.

v. Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.

vi. Pemegang lesen dilarang mempamerkan gambar lucah dalam premis.

vii. Pemegang lesen hendakalah mempamerkan papan tanda yang mudah dilihat untuk dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan iaitu:-

a) Dilarang merokok;
b) Dilarang minum arak; dan
c) Dilarang main judi.

3. <u>Lokasi</u>

Lokasi premis hendaklah berada sekurang-kurangnya 500 meter daripada kawasan sensitif iaitu rumah kediaman, rumah ibadat, sekolah dan pejabat kerajaan.

4. <u>Buku Daftar Pekerja</u>

Satu buku daftar yang mengandungi nama, no. kad pengenalan/paspot, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.

5. <u>Pekerja Dan Tukang Urut</u>

i. Pekerja dan tukang urut yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan bekerja di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan.

ii. Pekerja yang memberi rawatan urutan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai perubatan bagi setiap enam bulan sekali.

iii. Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak menjolok mata.

iv. Semua pekerja di pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan hendaklah memakai tanda nama (*name tag*).

v. Tidak dibenarkan memasak atau membawa masuk makanan ke dalam pusat kecantikan dan pusat penjagaan kesihatan kecuali di tempat khas yang disediakan.

vi. Pelanggan dibawah umur 18 tahun tidak dibenarkan masuk ke pusat kecantikan atau pusat penjagaan kesihatan.

vii. Salinan paspot yang sah, sijil pemeriksaan kesihatan, permit kerja bagi bukan warganegara dan bagi warganegara salinan kad pengenalan serta gambar terkini (ukuran pasport) hendaklah disertakan semasa membuat permohonan lesen.

6. Aspek Keselamatan

i. Pemegang lesen perlu mengambilkira faktor keselamatan dalam menentukan kesesuaian premis dan lokasi tempat aktiviti dijalankan.

ii. Semua pengubahsuaian atau tambahan kepada premis perniagaan hendaklah mendapat kebenaran Jabatan Bangunan PBT dan perakuan Jabatan Bomba.

iii. Kelengkapan mencegah kebakaran seperti alat pemadam api hendaklah disediakan dengan secukupnya dan dipasang di tempat yang mudah dilihat.

iv. Semua laluan, tangga, jalan masuk dan keluar hendaklah bebas daripada sebarang halangan.

v. Mengadakan peti ubat rawatan kecemasan yang lengkap dan mencukupi.

vi. Seluruh premis hendaklah bersih dan bebas daripada serangga dan rodensia/haiwan.

7. Deposit/ Wang Cagaran

Setiap permohonan dikenakan bayaran cagaran sebagai jaminan kepada pemohon supaya pada setiap masa mematuhi peraturan dan syarat-syarat pemberian lesen yang ditetapkan. Deposit/ wang cagaran akan dirampas apabila pemohon melanggar syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan enakmen yang telah ditetapkan. Kadar bayaran Deposit/wang cagaran:-

i. Pusat Penjagaan Kesihatan : RM2,000.00

8. Waktu Operasi

Premis dibenarkan beroperasi daripada 10.00 pagi sehingga pukul 12.00 malam sahaja.

9. Pembatalan Lesen

i. Sesuatu Lesen boleh dibatalkan oleh Pegawai Pelesenan pada bila-bila masa melalui suatu notis bertulis jika pemegang lesen didapati melakukan pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan dan/atau pelanggaran peruntukan Undang-Undang atau mana-mana peraturan.

ii. Apa-apa syarat dalam garis panduan ini boleh dipinda oleh PBT dari masa ke semasa mengikut kesesuaian yang difikirkan wajar.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : LESEN HOTEL BAJET

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah lesen dan jenis hotel bajet terkini yang dikeluarkan dan nyatakan maklumat syarikat pemegang lesen tersebut mengikut PBT.

b) Apakah syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen tersebut?

JAWAPAN:

a) Setakat ini, aktiviti hotel bajet dikawal melalui Undang-undang Kecil (UUK) Hotel 2007 yang diselaraskan pemakaiannya di setiap Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Dari segi kawalan pengeluaran lesen, PBT sebagai Pihak Berkuasa Melesen yang diberi kuasa secara bertulis berhak dalam membuat sebarang keputusan berkaitan prosedur lesen dan penguatkuasaan.

Namun demikian, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA) turut terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu lesen berkaitan dengan hotel bajet dan hotel tersebut perlu berdaftar dengan Persatuan Hotel Bajet Malaysia. Ini kerana, dalam menentukan tatacara dan peraturan yang perlu digunapakai bagi mengawal dan mengendalikan aktiviti berkaitan hotel bajet PBT memerlukan kerjasama daripada semua Jabatan/ Agensi teknikal.

Dari segi kawalan terhadap operasi hotel bajet pula, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa proaktif dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan secara berkala dan bersepadu melibatkan jabatan/ agensi mengikut bidang kuasa masing-masing seperti berikut:

i. Polis DiRaja Malaysia (PDRM);
ii. Jabatan Imigresen Malaysia;
iii. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
iv. Jabatan Kastam DiRaja Malaysia;
v. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS); dan
vi. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Setakat 30 Jun 2017, jumlah lesen hotel bajet yang dikeluarkan adalah sebanyak 449. Perincian jenis hotel bajet dan bilangan lesen yang dikeluarkan mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	JENIS HOTEL BAJET	JUMLAH LESEN HOTEL BAJET
MBSA	Hotel bajet	42
MBPJ	Hotel bajet	83
MPK	Hotel bajet	57
MPAJ	Hotel bajet	31
MPSJ	Hotel bajet	67
MPKJ	Hotel bajet	56
MPS	Rumah kedai	14
MPSP	Hotel bajet	26
MDKS	Pelbagai	13
MDKL	Tiada	TIADA
MDHS	20 Bilik Ke Bawah 21 Bilik – 40 Bilik	24
MDSB	Hotel bajet / rumah tumpangan, chalet, homestay dan rumah penginapan / housestay	36
JUMLAH		**449**

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

b) Syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen adalah seperti mana yang ditetapkan oleh PBT. Kelulusan hotel bajet boleh dipertimbangkan dengan mematuhi syarat-syarat berikut:

ASPEK PERANCANGAN

a. Kelulusan Kebenaran merancang

Mengemukakan permohonan kebenaran merancang perubahan meterial penggunaan bangunan daripada kedai pejabat kepada hotel bajet.

b. Lot Parkir Kereta

Menyewa 5 petak tempat letak kereta daripada Majlis bagi tujuan kemudahan pengunjung. Sila rujuk ke Bahagian Kutipan & Hasil Majlis bagi tujuan penyewaan tersebut.

c. Sokongan Bomba

Mengemukakan surat kelulusan / sokongan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor.

d. Pengudaraan

Mempunyai 10% pembukaan pengudaraan semulajadi berdasarkan luas lantai atau menyediakan pengudaraan mekanikal.

e. Tong Sampah

Menyediakan tong sampah dan pembuangan sampah mengikut peraturan PBT.

f. Papan tanda

Menyediakan papan tanda alamat dalam tulisan rumi dan jawi mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh PBT.

g. Kacau Ganggu

Memastikan aktiviti yang akan dijalankan kelak tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Pemohon juga perlu menjaga kebersihan tapak dan memastikan aktiviti yang dijalankan kelak bebas dari kegiatan yang menyalahi undang-undang.

ASPEK BANGUNAN

a. Pelan Tambahan Pindaan

Pengusaha dikehendaki segera mengemukakan pelan tambahan dan pindaan bangunan kepada Majlis untuk kelulusan dengan mematuhi syarat-syarat berikut :-

i. Tangga Kecemasan

Struktur tangga kecemasan (sebagaimana syarat Bomba) hendaklah terletak di dalam sempadan lot premis (tidak dibenarkan didirikan di atas rezab lorong belakang

ii. Surau

Menyediakan kemudahan surau untuk kegunaan lelaki dan wanita secara berasingan dengan ukuran 10’ x 10’ dan tambahan 4’ x 2’ untuk ruang wudhuk

ASPEK PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

a. Buku Rekod Penggunaan Hotel

Menyediakan buku rekod penggunaan hotel yang mengandungi maklumat seperti berikut :-

i. Nama Penghuni
ii. No. Kad Pengenalan
iii. Alamat Penghuni
iv. No. Telefon

b. Iklan Di Premis

Tidak dibenarkan memaparkan iklan promosi yang tidak bermoral serta dengan kadar harga RM9.99 sejam.

c. Aktiviti Tidak Dibenarkan

Aktiviti yang menyalahi syarat kelulusan lesen seperti urut dan seumpamanya adalah tidak dibenarkan sama sekali.

d. Taraf Bintang Bagi Hotel Bajet

Hotel Bajet perlu memenuhi kriteria hotel bagi mendapatkan taraf bintang.

e. Menyediakan kaunter untuk perkhidmatan kepada pelanggan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : LESEN PUSAT SIBER

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah lesen dan jenis pusat siber terkini yang dikeluarkan dan nyatakan maklumat syarikat pemegang lesen tersebut mengikut PBT.

b) Apakah syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen tersebut?

JAWAPAN:

a) Jumlah lesen pusat siber yang dikeluarkan adalah sebanyak 352. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	Jenis Pusat Siber	Jumlah Lesen Pusat Siber
MBSA	Pusat Siber	59
	Kafe Siber	
MBPJ	Pusat Siber	32
	Kafe Siber	
MPK	Pusat Siber	18
	Kafe Siber	18
MPAJ	Pusat Siber	28
	Kafe Siber	
MPSJ	Pusat Siber	15
	Kafe Siber	9
MPS	Pusat Siber	12
	Kafe Siber	0
MPKj	Pusat Siber	63
	Kafe Siber	
MPSp	Pusat Siber	21
	Kafe Siber	4

PBT	Jenis Pusat Siber	Jumlah Lesen Pusat Siber
MDKL	Pusat Siber	22
	Kafe Siber	0
MDHS	Pusat Siber	13
	Kafe Siber	4
MDKS	Pusat Siber	14
	Kafe Siber	0
MDSB	Pusat Siber	20
	Kafe Siber	0
JUMLAH		**352**

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

b) Syarat-syarat penting yang mesti diikuti oleh pemegang lesen-lesen adalah seperti mana yang ditetapkan oleh PBT seperti berikut :

1. Waktu operasi yang dibenarkan iaitu dari 7.00 pagi hingga 12 malam sahaja.

2. Pemilik telah mendaftar software 'B3 Cafe' (internet cafe billing management software) dan peranti pengimbas MyKad Solution untuk merekod pendaftaran pengguna.

3. Jika terdapat jualan makanan dan minuman ringan. Perlu kemukakan permohonan lesen tambahan untuk menjual makanan dan minumam ringan.

4. Mendapatkan kelulusan permit dinding sesekat '*partition*' ke Jabatan Bangunan.

5. Segala perjudian adalah tidak dibenarkan di dalam premis.

6. Dilarang mengakses dan memuat turun apa-apa gambar lucah atau artikel yang kurang sopan.

7. Dilarang merokok di dalam premis.

8. Pengunjung di bawah umur 12 tahun dibenarkan mengunjungi Pusat Siber sehingga jam 10.30 malam sahaja dengan ditemani oleh ibu bapa atau penjaga yang sah.

9. Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-

apa benda lutsinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.

10. Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik.

11. Papan tanda bersaiz 2' x 2' yang menyatakan larangan-larangan di perenggan (D) dan (E) syarat masa operasi diselaraskan dan dipamerkan di pintu masuk hadapan premis.

12. Bilangan komputer yang dibenarkan adalah berdasarkan ukuran : tidak kurang 0.8m x 1.5m = 1 unit komputer. Bilangan minima komputer bagi memulakan perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber adalah 40 unit minima komputer.

13. Menyeragamkan papan tanda Pusat Siber atau Kafe Siber dengan penggunaan nama 'Pusat Siber Sihat'.

14. Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti perniagaan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti Pusat Siber dan Kafe Siber.

15. Menyediakan ruang rehat yang mencukupi bagi pelanggan.

16. Memastikan keadaan dalam dan persekitaran premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur.

17. Semua tangga, laluan , pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar hendaklah boleh diakses pada setiap masa semasa waktu beroperasi.

18. Menyediakan tandas yang sempurna dan mencukupi serta berasingan antara lelaki dan perempuan serta hendaklah keadaan bersih sepanjang masa.

19. Menyediakan tong sampah dengan bilangan yang mencukupi dan hendaklah tertutup sepanjang masa.

20. Pemohon disyaratkan meletak alamat pada papan iklan.

21. Hendaklah memasang papan tanda iklan mengikut garis panduan dan spesifikasi pihak Majlis.

22. Aktiviti syarikat hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Malaysia dan saiz tulisan hendaklah 5% lebih besar daripada nama syarikat dan kedudukan di atas nama syarikat serta perlu mendapatkan pengesahan daripada Dewan

Bahasa Dan Pustaka.

23. Pemohon tidak dibenarkan untuk mempamer dan menggantung iklan yang tidak dilesenkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PENGGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah status kemajuan semua PeBT di Selangor?

b) Apakah perkara baru yang diperkenalkan oleh PeBT?

c) Nyatakan jumlah peruntukan kepada setiap PeBT dari 2014-2016.

JAWAPAN:

a) Kemajuan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Selangor menunjukkan peningkatan yang lebih positif dalam menyumbangkan idea-idea untuk menggerakkan generasi muda dan juga dengan penglibatan mereka dalam program-program pembangunan generasi muda. Untuk makluman, bagi tahun 2016 sehingga 2017, PeBT dilantik di kalangan generasi muda yang berumur 30 tahun ke bawah yang amat sesuai dengan peredaran masa dan keperluan generasi muda pada masa kini.

Pada April yang lepas, Penggerak Belia Tempatan melalui Kerajaan Negeri dan Bahagian Pembangunan Belia, Majlis Sukan Negeri Selangor telah bekerjasama dengan Selangor Youth Community (SAY) di dalam satu program yang bernama "*Say Ignite*" yang merupakan sebuah inisiatif yang dinaungi oleh DYTMM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Shah Al Haj dan PeBT merupakan rakan strategik SAY dalam membangun generasi muda di peringkat akar umbi.

Di samping itu, PeBT juga bergerak aktif di setiap daerah Selangor dalam menyantuni generasi muda dan komuniti setempat untuk menguruskan sendiri bagi pelaksanaan program Kerajaan Negeri iaitu bagi penganjuran Pesta Sukan Gen-S yang dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seterusnya Grand Final Pesta Sukan Gen-S 2017 di peringkat Negeri Selangor pada 21 Oktober 2017.

Program-program yang telah dijalankan di peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sebagaimana berikut:

Bil	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Program	Jumlah (RM)
1.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	36	47,700.00
2.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	13	39,900.00
3.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	6	33,165.00
4.	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	15	67,000.00
5.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	16	30,320.00
6.	Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)	13	30,917.20
7.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	10	23,707.00
8.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	57	86,033.25
9.	Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)	31	94,440.00
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	15	35,250.00
11.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	35	66,068.03
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	24	52,510.00
Jumlah Keseluruhan		**271**	**545,325.48**

b) Selaras dengan hasrat YB EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, anatara sukan baru yang telah diperkenalkan oleh Penggerak Belia Tempatan (PeBT) pada tahun ini adalah mewujudkan semangat Kesukarelawan di kalangan generasi muda di setiap daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Inisiatif ini diperkenalkan oleh PeBT dengan kerjasama Inisiatif Kenegaraan dan Pemerkasaan Komuniti dan PBT. Untuk makluman, program kesukarelawan telah pun bermula dan antara program yang telah dijalankan adalah "*Smart Tour Volunteer Team Selangor 2017*". Program ini berjaya mengumpulkan seramai 300 sukarelawan dan mereka bekerjasama bergotong royong membersihkan masjid, rumah kebajikan dan maahad tahfiz. Program ini

akan diteruskan dari semasa ke semasa ke setiap daerah dan PBT dalam usaha untuk melahirkan semangat kesukarelawan di kalangan generasi muda.

c) Peruntukan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) masih dikekalkan sejak tahun 2014 sehingga kini. Setiap PeBT telah diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan program-pogram PeBT yang menjadikan keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM1,440,000.00.

Manakala untuk peruntukan elaun Penggerak Belia Tempatan (PeBT) adalah sebagaimana jadual berikut:-

Bil	Perkara	Peruntukan
1.	Elaun Pengerusi Induk Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	RM500.00 x 12 Pengerusi x 12 bulan =RM72,000.00
2.	Elaun Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	RM400.00 x 23 orang x 12 PBT x 12 bulan =RM1,324,800.00
	JUMLAH	**RM1,396,800.00**

Sehubungan itu, jumlah keseluruhan Kerajaan Negeri memperuntukkan untuk Penggerak Belia Tempatan (PeBT) setiap tahun adalah sebanyak RM2,836,800.00 setahun. Oleh itu, peruntukan untuk PeBT dalam tempoh dari 2014 sehingga 2016 adalah sebanyak RM8,510,400.00.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : BANTUAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah peruntukan kepada NGO di Selangor dari tahun 2014-2016.

b) Berapakah jumlah permohonan bantuan oleh NGO pada 2014-2016 dan peratus diluluskan?

c) Nyatakan prosedur permohonan.

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Panjang, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta sepanjang tahun 2014 sehingga tahun 2016 dengan pecahan RM500,000.00 setahun bagi menampung program-program yang memberi manfaat dan berunsurkan kebajikan yang telah dilaksanakan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan di Negeri Selangor khususnya.

b) Jumlah permohonan bantuan oleh NGO pada tahun 2014 sehingga 2016 dan peratus diluluskan adalah seperti jadual di bawah :-

TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN NGO	LULUS	TOLAK	PERATUSAN LULUS
2014	207	143	64	69%
2015	180	134	46	74%
2016	249	197	52	79%

c) Mulai tahun 2017, peruntukan NGO berjumlah RM500,000.00 telah dipecahkan mengikut lima (5) portfolio seperti berikut :

PORTFOLIO	PERUNTUKAN
Kerajaan Prihatin	RM100,000.00
Kebajikan	RM100,000.00
Pembangunan Generasi Muda	RM100,000.00
Pendidikan	RM100,000.00
Hal Ehwal Agama Islam	RM100,000.00
JUMLAH	**RM500,000.00**

Susulan daripada itu, Badan-Badan Bukan Kerajaan boleh mengemukakan permohonan mereka kepada EXCO-EXCO yang berkenaan. YB EXCO yang berkenaan akan mempertimbang dan memutuskan jumlah yang akan diberikan kepada setiap permohonan tersebut berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan sepertimana berikut :

1. Tujuan penubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) mestilah bertujuan kebajikan dan tidak berorientasikan keuntungan.
2. Sumbangan oleh Kerajaan Negeri kepada NGO tidak melebihi RM5,000.00 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
3. Permohonan yang melibatkan kepentingan NGO dan kurang memberi manfaat kepada masyarakat setempat akan ditolak dan tidak akan dipertimbangkan. Contohnya: Lawatan sambil belajar atau majlis makan malam hanya untuk ahli NGO sahaja.
4. Setiap Badan Bukan Kerajaan (NGO) hanya layak untuk membuat satu permohonan sahaja dalam tempoh setahun.
5. Segala bentuk permohonan yang melibatkan aktiviti keagamaan adalah tidak layak memohon.
6. Permohonan oleh kelab-kelab di bawah Universiti yang menggunakan satu akaun yang sama adalah layak memohon.
7. Permohonan yang dikemukakan oleh DUN / Parlimen / JKK / Pembangunan Luar Bandar (PLB) adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan pecahan peruntukan program pembangunan belia di Selangor dari 2014-2016.

b) Nyatakan secara terperinci program pembangunan belia yang dilaksanakan dari 2014-2016.

c) Apakah halatuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan belia di Selangor?

JAWAPAN:

a) dan b)

Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan untuk Pembangunan Generasi Muda di Negeri Selangor dengan kerjasama oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) serta program-program belia di Peringkat Negeri.

Peruntukan pembangunan belia yang telah dimanfaatkan dari tahun 2014 sehingga 2016 adalah sebagaimana butiran berikut :-

i) Bagi tahun 2014, peruntukan Pembangunan Belia adalah sebanyak RM3,500,000.00. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan lebihan PeBT. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

Bil	Perkara / Program	Jumlah (RM)
1.	Elaun Pengerusi Induk Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM500 x 12 Pengerusi x 12 bulan = RM72,000.00 Elaun Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM400 x 24 orang x 11 PBT x 12 bulan = RM1,267,200.00 RM400 x 26 orang x 1 PBT x 12 bulan = RM124,800.00	1,464,000.00

Bil	Perkara / Program	Jumlah (RM)
2.	Program PeBT 12 PBT x 24 Zon x RM5,000.00	1,440,000.00
3.	Sambutan Hari Belia Antarabangsa	157,800.00
4.	Sambutan Hari Sukan Antarabangsa	37,334.00
5.	Bengkel Pengucapan Awam	8,800.00
6.	Bengkel Kepimpinan PeBT	26,480.00
7.	Program Perkahwinan Perdana Belia Selangor	194,914.00
8.	Program Kursus Asas Kepimpinan Penggerak Belia Tempatan (PeBT)	99,862.00
9.	Program Jelajah *Walkathon* Bes Peringkat PBT	90,000.00
10.	Program Pelancaran Jelajah Walkathon Bes Peringkat Negeri Selangor 2014	49,980.00
Jumlah Keseluruhan		**3,569,170.00**

ii) Seterusnya bagi tahun 2015, peruntukan Pembangunan Belia adalah sebanyak RM3,420,000.00. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan lebihan PeBT. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Elaun Pengerusi Induk Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM500 x 12 Pengerusi x 12 bulan = RM72,000.00 Elaun Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM400 x 24 orang x 11 PBT x 12 bulan = RM1,267,200.00 RM400 x 26 orang x 1 PBT x 12 bulan = RM124,800.00	1,464,000.00
2.	Program PeBT 12 PBT x 24 Zon x RM5,000.00	1,440,000.00
3.	Program-program Belia di bawah Kerajaan Negeri sehingga Jun 2015	449,082.00
4.	International Youth Conference	97,650.00
5.	Himpunan Generasi Muda bersama Y.B Exco	31,460.00
6.	International Selangor Cyber Game	282,850.00
7.	Program ADUN Muda Selangor	50,000.00

Bil	Perkara	Jumlah (RM)
8.	Karnival Gen-S 2.0	163,000.00
9.	Grand Finale Selangor Plus	149,855.00
10.	Jelajah Exco Generasi Muda	120,000.00
Jumlah Keseluruhan		**4,247,897.00**

iii) Manakala untuk Peruntukan bagi Projek Pembangunan Generasi Muda pada 2016 adalah sebanyak RM7,400,000.00 Walau bagaimanapun, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan menggunakan peruntukan lebihan PeBT. Pecahan program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :-

Bil	Perkara / Program	Jumlah (RM)
1.	Program Insentif Perkahwinan Belia	5,000,000.00
2.	Elaun Pengerusi Induk Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM500 x 12 Pengerusi x 6 bulan = RM72,000.00 Elaun Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) RM400 x 24 orang x 11 PBT x 6 bulan = RM1,267,200.00 RM400 x 26 orang x 1 PBT x 6 bulan = RM124,800.00	1,464,000.00
3.	Program PeBT 12 PBT x 24 Zon x RM5,000.00	1,440,000.00
4.	Program Selangor International Cyber Games	400,000.00
5.	Program GP Larian Peringkat PBT	80,000.00
6.	Program Iftar Ramadhan Kareem Bersama Belia Mahasiswa Selangor 2016	10,000.00
7.	Program Pertandingan Futsal Orang Pekak Selangor antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU) Pekak Selangor	6,000.00
8.	Program Jelajah Y.B. Exco Generasi Muda Bersama Belia Mahasiswa Selangor	67,720.00
9.	Program *Colour Run* kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Unisel	6,000.00
10.	Program Penyerahan Watikah Pelantikan Dan Kursus Asas Pebt Negeri Selangor 2016	80,400.00
11.	Karnival Sukan Pusat Latihan Gurney (GTC) 2016 antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Persatuan bagi Orang	5,000.00

Bil	Perkara / Program	Jumlah (RM)
	Buta Malaysia	
12.	Liga Sukan Selangor Plus Peringkat DUN	112,000.00
Jumlah Keseluruhan		**8,671,120.00**

c) Kerajaan Negeri menitik beratkan aspek pembangunan belia di Negeri Selangor memandangkan lebih lima puluh peratus (50%) populasi rakyat Selangor adalah di kalangan generasi muda. Justeru itu, hala tuju Kerajaan Negeri dalam membangunkan belia di Selangor dizahirkan dengan penubuhan Penggerak Belia Tempatan (PeBT). PeBT bertindak sebagai ejen dan jentera pelaksana agenda Kerajaan Negeri dalam merealisasikan dasar-dasar berkaitan pembangunan belia di peringkat akar umbi. Untuk makluman, sejak PeBT ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009, pelbagai aktiviti dan program pembangunan belia telah dilaksanakan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Dasar Belia Negeri Selangor pada tahun 2014 sebagai panduan kepada Pembangunan Generasi Muda di Selangor. Melalui Dasar Belia Selangor, 10 teras telah diwujudkan iaitu Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan Spiritualiti dan Pengantarabangsaan. Justeru, program-program Pembangunan Generasi Muda telah dilaksanakan berdasarkan teras-teras tersebut.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : KADAR SEWA BANGUNAN YAYASAN SELANGOR

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan keluasan dan kadar sewa Parti Pribumi Bersatu Malaysia di bangunan Yayasan Selangor.

b) Nyatakan perincian pembayaran sewaan tersebut.

JAWAPAN:

a) Keluasan premis pejabat yang disewa oleh Parti Pribumi Bersatu Malaysia di Menara Yayasan Selangor Petaling Jaya adalah seluas 11,044.57 k.p dengan kadar sewa RM2.80 s.k.p.

b) Bayaran yang telah dijelaskan seperti berikut;-

Bulan	**Amaun**
Februari 2017	RM31,181.99
Mac 2017	RM31,181.99
April 2017	RM31,181.99
Mei 2017	RM31,181.99
Jun 2017	RM31,181.99
Jumlah	**RM155,909.95**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : MANIFESTO PAKATAN HARAPAN (PH)

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan semua manifesto PH pada PRU 13 serta peratus pelaksanaannya.

b) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan manifesto PH bagi menghadapi PRU14?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : KAWALAN LADANG TERNAKAN HAIWAN

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perangkaan (1) jumlah ladang-ladang ternakan di Selangor (2) jenis haiwan ternakan dan (3) keluasan ladang mengikut PBT atau daerah?

b) Bagaimanakah pemantauan dan kawalan dilakukan terhadap ladang-ladang tersebut bagi memastikan penternak mematuhi peraturan?

c) Laporan awam menyebut, Sungai Beranang sering dicemari oleh najis haiwan daripada sebuah ladang penternakan. Sejauh mana tindakan agensi yang berkaitan?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri memang mempunyai perangkaan berkenaan yang dinamakan Data Penternakan Negeri Selangor Tahunan. Sebagai ringkasan, jumlah ladang-ladang ternakan dan jenis haiwan ternakan mengikut daerah bagi tahun 2016 seperti dalam Lampiran A. Anggaran keluasan ladang-ladang ternakan mengikut daerah bagi tahun 2016 adalah seperti dalam Lampiran B.

b) Pemantauan dan kawalan dilakukan terhadap ladang-ladang tersebut bagi memastikan penternak mematuhi peraturan adalah seperti berikut :

i. Penguatkuasaan Undang-undang

Salah satu tugas para pegawai DVS Selangor adalah menguatkuasakan undang-undang ke atas penternak-penternak yang melanggar peraturan. Antara undang-undang utama yang digunakan oleh DVS Selangor adalah Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) [Akta 647], Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013) [Akta A1452], Akta Makanan Haiwan 2009, Akta Kebajikan Haiwan 2015, Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991 dan Enakmen Perladangan Unggas (Negeri Selangor) 2007. DVS Selangor juga membantu pihak lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi menguatkuasakan undang-undang pihak berkenaan.

ii. Lawat Siasat Aduan Awam

DVS Selangor segera menyiasat sebarang aduan berkaitan ladang-ladang yang melanggar peraturan seperti menyembelih ternakan secara haram, menyebabkan pencemaran, menimbulkan kacauganggu, menzalimi haiwan dan sebagainya. Kebiasaannya, lawat siasat awalan akan dibuat oleh pegawai Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) dan sekiranya perlu, akan disusuli oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Veterinar DVS Selangor.

iii. Program Pengembangan Veterinar

Semua kakitangan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD) bertanggungjawab untuk memberi khidmat kepakaran dan nasihat bagi memajukan ladang-ladang penternakan di negeri ini. Ini termasuklah penyampaian maklumat tentang peraturan-peraturan terkini dan khidmat nasihat kepada penternak tentang kaedah-kaedah menambahbaik sistem penternakan bagi mencegah sebarang pelanggaran peraturan.

c) LUAS sentiasa menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan ke atas sebarang aktiviti pencemaran sumber air. Antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Mengeluarkan Notis Pemberitahuan Kesalahan pada Jun 2016 kepada pengusaha atas kesalahan melepaskan efluen adaripada Aktiviti Berjadual tanpa Lesen Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar daripada Pengarah LUAS.

2. Mengeluarkan Surat Arahan kepada pengusaha pada Januari 2017 di bawah Seksyen 41(3)(d) yang mengarahkan pengusaha untuk mengambil tindakan penambahbaikan ke atas sistem kawalan pencemaran di premis, dan

3. Pemantauan susulan mendapati pengusaha telah menjalankan kerja-kerja penambahbaikan ke atas sistem kawalan pencemaran di premis.

Pemantauan berkala akan terus dijalankan oleh LUAS bagi memastikan tiada pelepasan efluen daripada premis ini yang boleh menyumbang kepada pencemaran Sungai Beranang.

Lampiran B

PENGGUNAAN TANAH LADANG-LADANG TERNAKAN MENGIKUT DAERAH TAHUN 2016

DAERAH / JENIS TERNAKAN	GOMBAK (EKAR)	KLANG (EKAR)	HULU LANGAT (EKAR)	HULU SELANGOR (EKAR)	KUALA LANGAT (EKAR)	KUALA SELANGOR (EKAR)	PETALING (EKAR)	SABAK BERNAM (EKAR)	SEPANG (EKAR)	JUMLAH (EKAR)
KERBAU PEDAGING	-	3.72	6.94	18.50	8.45	1.91	-	-	-	39.52
KERBAU TENUSU	3.01	15.37	108.90	12.76	-	-	-	-	14.87	154.91
LEMBU PEDAGING	104.58	283.80	272.75	366.07	242.71	245.02	19.49	263.91	122.16	1,920.48
LEMBU TENUSU	45.21	168.97	106.08	93.13	31.44	45.61	47.01	17.38	25.32	580.15
KAMBING PEDAGING	42.83	65.84	75.24	101.83	21.24	28.73	158.67	47.66	17.50	559.54
KAMBING TENUSU	6.18	7.19	2.51	1.78	1.78	1.86	2.66	0.96	1.23	26.17
BEBIRI	0.53	10.06	32.75	10.03	1.26	0.98	4.25	8.77	8.22	76.85
BABI	-	-	-	-	493.56	-	-	-	-	493.56
RUSA	1.60	-	4.80	45.00	6.01	-	-	-	-	57.41
KUDA	0.73	-	-	0.50	-	0.50	1.31	-	-	3.04
ARNAB BAKA	-	-	2.00	2.00	-	-	-	-	-	4.00
ARNAB PEDAGING	-	-	-	-	-	2.00	-	0.50	0.50	3.00
AYAM PEDAGING	2.22	16.90	7.76	89.20	141.30	280.95	-	54.15	42.07	634.54
AYAM PENELUR	23.29	1.88	13.41	84.71	17.93	112.24	0.50	37.50	-	291.47
AYAM BAKA	-	-	11.61	-	-	16.41	0.50	-	200.00	228.51
AYAM KAMPUNG	4.40	0.50	0.50	5.02	2.55	3.77	0.50	0.70	-	17.94
AYAM BELANDA	-	0.50	0.50	0.50	-	0.15	0.50	0.50	-	2.65
PUYUH PEDAGING	-	0.00	-	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50	-	2.50
PUYUH PENELUR	-	-	-	-	-	2.75	-	-	-	2.75
ITIK PEDAGING	-	0.50	-	0.50	0.50	-	0.50	0.50	-	2.50
ITIK PENELUR	-	0.50	0.50	-	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50	3.50
OSTRICH	-	-	0.50	-	-	-	-	-	-	0.50
JUMLAH	**235**	**576**	**647**	**832**	**970**	**744**	**237**	**434**	**432**	**5,105**

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : CADANGAN JALAN BARU DI HULU LANGAT

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan membina jalan baru di Hulu Langat seiring dengan pertambahan pesat taman-taman perumahan baru khususnya di Semenyih?

b) Apakah tindakan mengatasi masalah jalan berlubang di Jalan Sungai Lalang Semenyih dan lori-lori berat yang menggunakan jalan tersebut?

JAWAPAN:

a) Tidak berkaitan.

b) Jalan ini adalah di bawah penyelenggaraan pihak JKR.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : JUMLAH PENDUDUK SELANGOR

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Mohon menyatakan jumlah penduduk Negeri Selangor mengikut PBT, kawasan DUN dan Parlimen.

b) Berapa ramaikah penduduk dalam DUN Semenyih mengikut mukim dan pecahan kaum?

JAWAPAN:

a) Jumlah penduduk Negeri Selangor berdasarkan kependudukan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun 2015 adalah seramai 6,041,598 orang. Majlis Perbandaran Kajang mencatatkan jumlah penduduk paling ramai berjumlah 908,876 orang diikuti oleh Majlis Perbandaran Klang dengan 850,083 orang. Majlis Perbandaran Subang Jaya mempunyai seramai 809,221 penduduk manakala Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang masing-masing mencatatkan jumlah penduduk seramai 701,462 dan 619,697 orang. Majlis Bandaraya Shah Alam pula mempunyai penduduk seramai 618,436, manakala lain-lain PBT mencatatkan jumlah penduduk kurang dari 300,000 orang. Perincian jumlah penduduk mengikut PBT adalah seperti di Lampiran A.

b) Jumlah penduduk dalam kawasan Majlis Perbandaran Kajang adalah seramai 908,876 orang manakala jumlah penduduk dalam DUN Semenyih berjumlah dalam 213,100 pada tahun 2017 berdasarkan unjuran dari Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kajian RT MPKj 2035 seperti di Lampiran B.

LAMPIRAN A

Jumlah Penduduk Negeri Selangor Mengikut PBT Tahun 2015

BIL	KAWASAN PBT	BILANGAN PENDUDUK
1.	MB Shah Alam	618,436
2.	MB Petaling Jaya	701,462
3.	MP Subang Jaya	809,221
4.	MP Klang	850,083
5.	MP Ampang Jaya	535,783
6.	MP Kajang	908,876
7.	MP Selayang	619,697
8.	MP Sepang	236,900
9.	MD Kuala Langat	251,592
10.	MD Hulu Selangor	222,085
11.	MD Kuala Selangor	234,504
12.	MD Sabak Bernam	52,959
JUMLAH		**6,041,598**

Sumber diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota : Unjuran berdasarkan Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan (KPPT) 3.17% dari Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

LAMPIRAN B

Jumlah Penduduk di Kawasan DUN Semenyih Mengikut Mukim

NAMA DUN	MUKIM	UNJURAN 2017
SEMENYIH	BERANANG	81,200
	SEMENYIH	131,900
JUMLAH		**213,100**

Sumber diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kajian RT MPKj 2035

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : BILANGAN PEMAJU PERUMAHAN DI DUN SEMENYIH

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah jumlah syarikat pemaju perumahan atau hartanah yang telah diberikan kelulusan merancang (KM) di DUN Semenyih semenjak lima (5) tahun yang lalu?

b) Daripada jumlah (a) di atas, berapakah bilangan unit rumah yang siap atau sedang dibina mengikut kelas harga rumah?

c) Berapa banyak pemaju yang telah dikompaun atau yang dihadapkan ke mahkamah oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) akibat perlanggaran akta atau peraturan dan berapakah nilai kompaun yang dikutip?

JAWAPAN:

a) Jumlah syarikat pemaju perumahan atau hartanah yang telah diberikan Kelulusan Merancang (KM) di DUN Semenyih semenjak 5 tahun yang lalu adalah sebanyak 100 syarikat pemaju.

b) Bilangan unit rumah yang telah siap sebanyak 5119 unit manakala berkaitan dengan rumah yang sedang dibina mengikut kelas harga rumah, pihak MPKj tidak mempunyai maklumat berkaitan dengan perkara tersebut.

c) Jumlah pihak pemaju yang telah dikompaunkan adalah sebanyak 33 pemaju manakala nilai kompaun adalah sebanyak RM331,000.00. Tiada tindakan mahkamah yang dikenakan terhadap pemaju.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : PEWARTAAN TANAH REZAB SUNGAI DI SELANGOR

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah bilangan sungai di Selangor yang direkodkan oleh agensi-agensi yang berkenaan?

b) Daripada jumlah sungai yang ada, berapa banyak tanah rizab sungai yang telah diwartakan (gazeeted) dan yang belum diwartakan?

c) Nyatakan kos penyelenggaraan sungai mengikut PBT dan tindakan yang dikenakan kepada penceroboh tanah rizab sungai.

JAWAPAN:

a) Melalui rekod LUAS sehingga tahun 2017 bilangan cabang sungai di Negeri Selangor adalah sebanyak 631 cabang sungai dengan anggaran panjang 3,420.24 km. Jumlah ini terdiri daripada cabang utama sungai sehingga ke cabang-cabang anak sungai. Secara pentadbiran, pengurusan 631 cabang sungai ini dibuat melalui tujuh (7) lembangan sungai utama iaitu :

1. 184 cabang sungai di Lembangan Sungai Langat sepanjang 1,056.88 km;
2. 156 cabang sungai di Lembangan Sungai Klang sepanjang 485.05 km;
3. 137 cabang sungai di Lembangan Sungai Bernam sepanjang 863.69 km;
4. 89 cabang sungai di Lembangan Sungai Selangor sepanjang 748.61 km;
5. 53 cabang sungai di Lembangan Sungai Buloh sepanjang 161.64 km;
6. 6 cabang sungai di Lembangan Sungai Tengi sepanjang 78.91 km;
7. 6 cabang sungai di Lembangan Sungai Sepang sepanjang 25.46 km.

Sumber data bagi bilangan sungai ini adalah merujuk kepada Data Topografi dan Hidrologi JUPEM Selangor 2015, Senarai Daftar Sungai Bernam JPS Selangor dan pengemaskinian dari masa ke semasa melalui kerja-kerja perwartaan sungai di Negeri Selangor sebagai zon perlindungan yang di laksanakan oleh LUAS yang telah dimulakan sejak 2011 sehingga kini. Bilangan sungai ini juga akan berubah sekiranya LUAS mendapati terdapat cabang aliran sungai baru yang dikesan terbentuk melalui kerja-kerja perwartaan ini.

b) Asas perundangan bagi perwartaan sungai yang dilaksanakan oleh LUAS sejak 2011 sehingga kini adalah merujuk kepada kerperluan Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999 bagi maksud penubuhan zon perlindungan melalui perwartaan dan juga merujuk kepada keputusan MMKN Ke 22/2008 pada 6.8.2008 dan disahkan MMKN Ke 23/2008 pada 13.8.2008 menyatakan arahan bagi merwartakan sungai di kesemua tujuh(7) lembangan sungai di Negeri Selangor. Bagi maksud ini, LUAS telah memulakan kerja-kerja pewartaan sungai secara berperingkat bermula dari tahun 2011 melalui pewartaan fizikal semasa sungai tersebut dan anjakan jajaran sungai selebar 50 meter kiri dan 50 meter kanan ari tebing sungai ini selaras dengan peruntukan perundangan di dalam Enakmen LUAS, 1999. Untuk makluman, anjakan jajaran sungai ini bukan rizab sungai dan tidak melibatkan pengambilan balik tanah seperti mana pewartaan melalui Kanun Tanah Negara (KTN) akan tetapi ia merupakan kawsan zon perlindungan sungai yang memerlukan kawalan pembangunan melalui syarat dan peraturan khusus yang lebih ketat.

   Sehubungan itu berkenaan status perwartaan ini, sehingga kini daripada jumlah 631 cabang sungai ini hanya 3 cabang sungai (0.47%) telah diwartakan sepenuhnya iaitu Sungai Selangor, Sungai Langat dan Sungai Damansara. Manakala 156 cabang sungai (24.70%) masih di dalam semakan JUPEM Selangor untuk pengesahan dan penerbitan Pelan Rangka dan Pelan Warta. Selain itu, sebanyak 144 cabang sungai (22.82%) sedang dalam proses penyediaan Pelan Ukur pada tahun ini. Manakala baki sebanyak 328 cabang sungai (51.98%) dijangkakan akan dilaksanakan penyediaan kerja ukur pada tahun 2018 sehingga 2020 bergantung kepada kesediaan peruntukan. Perincian status pewartaan ini adalah seperti Lampiran 1. Isu utama kelewatan penyemakan pelanukur oleh JUPEM Selangor adalah disebabkan pelan-pelan ukur yang dikemukakan untuk semakan pihak berkenaan adalah melibatkan helaian kertas yang banyak bagi satu-satu sungai kerana skala pelan yang digunakan bagi menunjukan keperincian lot-lot tanah terlibat. Selain itu, proses dan prosedur bagi menunjukan JUPEM Selangor akan mengemukakan terlebih dahulu draf pelan warta melalui semakan Pelan Rangka sebelum Pelan Warta akhir dikeluarkan, ini bagi memastikan pelan-pelan ini disemak dengan lebih tepat oleh LUAS.

c) Pelaporan pencerobohan akan dihantar kepada Pejabat Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, LUAS dan Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan susulan seprti perobohan, penyitaan dan kompaun. Kos penyelenggaraan sungai yang dilaksanakan oleh JPS adalah seperti jadual di bawah. Kos penyelenggaran sungai adalah berbeza setiap daerah tertakluk kepada panjang sungai dan juga skop kerja yang dilaksanakan.


DAERAH	KOS (RM)
Hulu Langat	3.5 juta
Hulu Selangor	1.1 juta
Hulu Langat	3.5 juta
Sabak Bernam	7.6 juta
Petaling	5.1 juta
Klang	9.0 juta
Kuala Selangor	7.0 juta

MAKLUMAT TAMBAHAN:


Tindakan yang akan diambil oleh LUAS kepada pencerobohan tanah rizab sungai adalah tertakluk di bawah peruntukan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 dan Manual Tindakan Penguatkuasaan dan Pengeluaran NOTIS LUAS. Sekiranya kesalahan pencerobohan tanah rezab sungai berkenaan melibatkan pengubahan sumber seperti mengorek tanah, ianya bersalahan di bawah Seksyen 43 Enakmen LUAS. Selain daripada tindakan pendakwaan di mahkamah, tindakan perampasan atau penahanan di bawah Seksyen 99 boleh dilaksanakan bagi apa-apa peralatan yang terlibat dengan kesalahan.

Sekiranya pencerobohan berkenaan melibatkan pendirian struktur, ianya bersalahan di bawah seksyen 70 Enakmen LUAS 1999. Struktur yang berkenaan hendaklah dialihkan dan kegagalan mengalihkan struktur berkenaan, LUAS boleh mengalihkannya dengan belanja dan kos ditanggung oleh pemilikstruktur berkenaan.

CARTA ALIR PERMOHONAN
KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA




Flowchart 13.1 - Delay



Description	Action By	Reference
1. Notice of Delay and Application for extension of time	Con	
2. Assess the application for extension of time; reasons for delay and quantum of delay	SOR	
3. Contractor eligible for entension of time?	SOR	
4. Prepare report of Delay and Extension of Time	SOR	Refer: Checklist for Preparation of Certificate of Delay and Extension of Time
5. Check and submission of report to EOT Committee for approval	CAO	To refer to latest circular on EOT
6. Approval by EOT Comittee	-	
7. Prepare Certificate of Delay and Extension of Time for approval by Authorised Party	SOR	
8.Issue Certificate of Delay and Extension of Time the the Contractor	CAO	JKR Form 203T - Pind. 5/2008
9. Completion of Works is delayed and there is no matter entitling the Contractor to an extension of time? Issue warning letters, and if delayed beyond Date for Completion then issue Certificate of Non-Completion and impose Liquidated and Ascertained Damages	-	Refer: Chapter 14

Flowchart 13.2 – Extension of Time

CARTA ALIR PENAMATAN KONTRAK KERJA



Description	Action By	*Reference*
1. Establish the ground(s) for the determination	SOR	
2. Issue 1st warning letter	SOR	
3. Contractor continues default or repeats the default?		
4. Issue 2nd warning letter	SOR	
5. Prepare report for determination, and submit to JKPPS for approval	SOR	*Refer SPP 5/2006*
6. SO to issue 'Notis Kemungkiran Kontraktor'	SOR	
7. Contractor continues default or repeats the default?		
8. Officer Named in Contract to issue Notice of Determination	SOR/ Officer Named in Contract	
9. Forfeit Performance Bond or Advance Payment Bond	SOR/CAO	
10. Issue stop work order and evaluate the works done	SOR	*Ref: Sample of Sch. of Activities prior to Tender*
11. Re-tendering exercise	CAO	*See Chapter 6 – 8*
12. Settlement of Final Account		*See Flowchart 16.2*

Note: For bankruptcy or insolvency, SOR may go straight to step 8 – 12

Flowchart 16.1 – Determination of the Employment of the Contractor

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : INDUSTRI PASIR

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan data-data lokasi perlombongan, stok simpanan, nilai dan cukai dikutip dari perlombongan pasir sejak tahun 2008 hingga kini.

b) Berapa peratuskah nilai sumbangan industri pasir terhadap kewangan dan ekonomi negeri?

JAWAPAN:

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : DATA EKONOMI

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan data-data penting ekonomi negeri sejak tahun 2000 hingga kini.

b) Apakah faktor-faktor yang boleh mengukuh dan melemahkan ekonomi negeri?

JAWAPAN:

a) Antara data-data penting ekonomi yang boleh dirujuk bagi melihat prestasi ekonomi semasa adalah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dari segi nilai dan peratus sumbangan kepada negara. Selain itu, prestasi setiap sektor juga boleh dijadikan kayu ukur bagi menentukan pencapaian prestasi ekonomi negeri memandangkan ekonomi negeri bergantung kepada pertumbuhan setiap sektor iaitu sektor perkhidmatan, pembuatan, perkuarian dan perlombongan, pembinaan serta pertanian. Ringkasan bagi data-data penting ekonomi ini adalah seperti di Lampiran A.

b) Terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi ekonomi sesebuah negara mahupun negeri. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi adalah:

1) Pertumbuhan Jumlah Penduduk
Dengan pertambahan jumlah penduduk di negeri, ia turut akan menambahkan jumlah tenaga buruh, jumlah pengeluaran, saiz pasaran dan akan meningkatkan perbelanjaan agregat dan merancakkan aktiviti perniagaan berdasarkan permintaan yang tinggi

2) Kemahiran Buruh dan Usahawan
Sesebuah negeri atau negara yang mempunyai buruh dan usahawan yang berkemahiran tinggi dan mampu untuk mengendalikan pengeluaran berasaskan teknologi tinggi akan dapat meningkatkan produktiviti pengeluaran negeri

3) Pertambahan Pelaburan
Pertumbuhan dalam pelaburan akan dapat membantu pengeluaran melalui modal yang disalurkan dan seterusnya mendorong pertambahan keluaran negeri dan pertumbuhan ekonomi

4) Kekayaan Sumber Alam
Kekayaan sumber alam amat penting untuk menjamin bekalan faktor pengeluaran yang mencukupi bagi proses pengeluaran dan akan menarik minat pelabur asing untuk melabur ke dalam negeri

5) Kemajuan Teknologi
Negeri yang mempunyai asas yang kukuh dalam kemajuan teknologi akan dapat meninggikan kecekapan pengeluaran, meningkatkan jumlah pengeluaran dan mengurangkan kos pengeluaran dan seterusnya mendorong pertambahan keluaran negeri dan pertumbuhan ekonomi

6) Perluasan Pasaran
Perluasan pasaran ke luar negara akan membolehkan industri berasaskan eksport meningkatkan pengeluaran eksport ke luar negara dan membantu pengusaha-pengusaha untuk memperkembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Pasaran yang berkembang ini akan menggalakkan pengeluaran dalam negeri bagi memenuhi permintaan dari luar negara

7) Galakan Kerajaan
Galakan dan insentif yang diterapkan oleh Kerajaan Negeri melalui dasar-dasar ekonomi dan penyediaan kemudahan infrastruktur dapat membantu penubuhan kawasan perindustrian baru dan akan menggalakkan pelabur untuk melabur di dalam negeri. Kemudahan-kemudahan yang disediakan juga akan menjadi daya penarik kepada pelabur untuk meneruskan pelaburan dalam jangka masa panjang

8) Kestabilan Politik, Sosial dan Ekonomi
Keadaan politik yang stabil, sosial masyarakat yang teratur dan keadaan ekonomi yang stabil akan menarik pelabur tempatan dan pelabur asing untuk melabur ke dalam negeri. Keharmonian dalaman yang disertai dengan kemudahan dan sistem pengangkutan yang lengkap akan memberi keyakinan kepada pelabur dalam merencanakan perancangan pelaburan terutamanya kepada pelabur asing

Faktor-faktor yang menghalang pertumbuhan ekonomi pula adalah seperti berikut:

1) Perledakan Penduduk
Bagi negeri yang mempunyai sumber ekonomi yang terhad, pertambahan penduduk akan menyebabkan negeri tersebut tidak dapat menampung kebajikan penduduk seperti menyediakan peluang pekerjaan dan kemudahan asas yang mencukupi

2) Kekurangan Buruh Mahir dan Usahawan
Kekurangan pekerja mahir akan menyebabkan negeri menghadapi kesukaran untuk menguruskan projek-projek pembangunan dan menyekat usaha penyelidikan. Kekurangan usahawan yang berpotensi pula akan melembabkan aktiviti ekonomi dan menyebabkan negara ketandusan modal untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi menjana pertumbuhan ekonomi

3) Kurang Pelaburan
Sesebuah negeri yang mempunyai pendapatan yang rendah dan jumlah tabungan yang terhad berpunca dari kurangnya pelaburan akan menyebabkan negeri tidak dapat membangunkan kemudahan asas bagi menyokong aktiviti ekonomi negeri

4) Teknologi yang Rendah
Penggunaan teknologi kurang canggih akan menyebabkan penyelidikan dan pembangunan terjejas. Selain kurang efisyen dan produktif, ia juga melambatkan proses pengeluaran mengakibatkan produk dan perkhidmatan berkurangan jika dibandingkan dengan pengeluaran yang menggunakan teknologi tinggi

5) Sistem Sosial dan Sikap Masyarakat
Masyarakat yang lebih suka mengamalkan ekonomi sara diri akan menyebabkan kurang persaingan komersial. Di samping itu, masyarakat yang tidak kompetitif mengakibatkan sektor-sektor utama yang menyumbang kepada pengeluaran negeri tidak berkembang seterusnya menghalang pertumbuhan ekonomi

6) Pasaran Terhad
Sekatan perdagangan antarabangsa akan menghalang perluasan pasaran eksport. Saiz pasaran domestik yang terhad disebabkan bilangan penduduk dan taraf hidup yang rendah pula akan menyebabkan pasaran menjadi kecil

7) Ketidakstabilan Politik, Sosial dan Ekonomi
Masalah politik, keruntuhan akhlak, jenayah yang berleluasa, negara mengalami inflasi dan mata wang jatuh akan menyebabkan kurang pelabur asing untuk melabur dan ini akan menghalang pertumbuhan ekonomi

Bagi Negeri Selangor, unjuran pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor dibuat dengan mengambil kira prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dan pasaran global. Faktor-faktor seperti persekitaran ekonomi dunia yang berdepan dengan harga minyak mentah yang tidak menentu, harga komoditi utama negara dan

trend ringgit perlu diambilkira memandangkan ia memberi kesan secara langsung kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, Negeri Selangor sangat bertuah kerana mempunyai fundamental pelaburan yang stabil, asas kewangan yang kukuh serta sektor-sektor ekonomi yang berdaya saing. Kesemua faktor tersebut merupakan penyebab utama ekonomi Negeri Selangor berupaya untuk kekal dalam prestasi yang memberangsangkan walaupun prestasi ekonomi negara berada dalam kadar perlahan.

LAMPIRAN A

KDNK Selangor Mengikut Aktiviti Ekonomi – Nilai (RM Juta)

	Negeri	Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor Mengikut Aktiviti Ekonomi Pada Harga Malar 2005 - RM Juta								Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Selangor Mengikut Aktiviti Ekonomi Pada Harga Malar 2010 - RM Juta					
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2010	2011	2012	2013	2014[e]	2015[p]
1	Pertanian	1,701	2,049	1,926	2,306	2,519	2,707	2,766	2,916	3,910	3,976	4,211	4,112	3,871	3,762
2	Perlombongan dan Pengkuarian	111	116	121	122	125	127	126	147	328	342	394	441	494	513
3	Pembuatan	41,648	42,584	42,880	44,795	41,858	50,189	52,570	55,498	54,869	57,576	60,648	62,811	66,964	70,579
4	Pembinaan	5,047	5,028	5,963	6,244	6,585	7,248	7,881	8,736	8,943	9,712	10,754	12,387	13,849	14,827
5	Perkhidmatan	60,917	65,861	74,001	81,918	84,233	90,800	96,024	102,695	104,993	110,560	118,653	126,609	135,070	142,609
6	**Campur:** Duti Import	3,762	3,181	3,279	4,492	3,917	4,668	5,237	6,248	4,674	5,268	6,246	6,285	6,716	7,679
	KDNK pada Harga Pembeli	**113,185**	**118,819**	**128,169**	**139,877**	**139,237**	**155,739**	**164,605**	**176,239**	**177,717**	**187,434**	**200,906**	**212,645**	**226,964**	**239,969**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Selangor Mengikut Aktiviti Ekonomi – Peratus (%)

	Negeri	KDNK Negeri Selangor Mengikut Aktiviti Ekonomi Pada Harga Malar 2005								KDNK Negeri Selangor Mengikut Aktiviti Ekonomi Pada Harga Malar 2010					
		- Peratus Sumbangan KDNK Negeri Selangor (%)													
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2010	2011	2012	2013	2014[e]	2015[p]
1	Pertanian	1.50	1.72	1.50	1.65	1.81	1.74	1.68	1.65	2.20	2.12	2.10	1.93	1.71	1.57
2	Perlombongan dan Pengkuarian	0.10	0.10	0.09	0.09	0.09	0.08	0.08	0.08	0.18	0.18	0.20	0.21	0.22	0.21
3	Pembuatan	36.80	35.84	33.46	32.02	30.06	32.23	31.94	31.49	30.87	30.72	30.19	29.54	29.50	29.41
4	Pembinaan	4.46	4.23	4.65	4.46	4.73	4.65	4.79	4.96	5.03	5.18	5.35	5.83	6.10	6.18
5	Perkhidmatan	53.82	55.43	57.74	58.56	60.50	58.30	58.34	58.27	59.08	58.99	59.06	59.54	59.51	59.43
6	**Campur:** Duti Import	3.32	2.68	2.56	3.21	2.81	3.00	3.18	3.55	2.63	2.81	3.11	2.96	2.96	3.20
	KDNK pada Harga Pembeli	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Ekonomi Selangor – Peratus (%)

	Jenis Aktiviti Ekonomi	KDNK Selangor mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2005-2012 pada Harga Malar 2005							KDNK Selangor mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2010-2015 pada Harga Malar 2010				
		- Perubahan Peratusan Tahunan KDNK Negeri Selangor											
		2006	**2007**	**2008**	**2009**	**2010**	**2011^{e}**	**2012^{p}**	**2011**	**2012**	**2013**	**2014^{e}**	**2015^{p}**
1.	Pertanian	20.5	-6.0	19.7	9.2	7.5	2.2	5.4	1.7	5.9	-2.3	-5.9	-2.8
2.	Perlombongan dan Pengkuarian	4.7	4.0	1.0	2.6	1.9	-0.9	16.4	4.3	15.2	11.9	11.9	4.0
3.	Pembuatan	2.2	0.7	4.5	-6.6	19.9	4.7	5.6	4.9	5.3	3.6	6.6	5.4
4.	Pembinaan	-0.4	18.6	4.7	5.5	10.1	8.7	10.8	8.6	10.7	15.2	11.8	7.1
5.	Perkhidmatan	8.1	12.4	10.7	2.8	7.8	5.8	6.9	5.3	7.3	6.7	6.7	5.6
6.	**campur:** Duti Import	-15.4	3.1	37.0	-12.8	19.2	12.2	19.3	12.7	18.5	0.6	6.9	14.3
	KDNK pada Harga Pembeli	**5.0**	**7.9**	**9.1**	**-0.5**	**11.9**	**5.7**	**7.1**	**5.5**	**7.2**	**5.8**	**6.7**	**5.7**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan Negeri Selangor Kepada KDNK Negara – Nilai (RM Juta) dan Peratus (%)

	Tahun	Peratus Sumbangan kepada KDNK		Perubahan Peratusan Tahunan KDNK	
		RM Juta	%	RM Juta	%
KDNK mengikut Negeri, 2005-2012 pada Harga Malar 2005 - RM Juta	2005	113,185	20.8		
	2006	118,819	20.7	5,634	5.0
	2007	128,169	21.0	9,350	7.9
	2008	139,877	21.9	11,708	9.1
	2009	139,237	22.1	-640	-0.5
	2010	155,739	23.0	16,502	11.9
	2011	164,605	23.1	8,866	5.7
	2012	176,239	23.5	11,634	7.1
KDNK mengikut Negeri, 2010-2015 pada Harga Malar 2010	2010	177,718	21.6		
	2011	187,434	21.7	9,716	5.5
	2012	200,906	22.0	13,472	7.2
	2013	212,645	22.3	11,739	5.8
	2014	226,964	22.4	14,319	6.7
	2015	239,968	22.6	13,004	5.7

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : GAJI, ELAUN DAN IMBUHAN YAB DATO' MENTERI BESAR

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan gaji, elaun bulanan dan imbuhan tahunan yang diterima oleh YAB Dato' Menteri Besar.

b) Nyatakan perubahan nilai gaji, elaun dan imbuhan YAB Dato' Menteri Besar sejak tahun 2000 hingga kini.

JAWAPAN:

a) Gaji, elaun bulanan dan imbuhan yang diterima oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar adalah seperti di Lampiran 1.

b) Perubahan nilai gaji, elaun dan imbuhan Y.A.B. Dato' Menteri Besar hingga kini seperti di Lampiran 2.

LAMPIRAN 1

BIL	PERKARA	KADAR
1.	**Gaji**	**RM25,000.00**
2.	**Elaun Keraian**	**RM5,500.00**
3.	**Elaun Pengerusi MMK**	**RM6,500.00**
4.	**Kediaman Rasmi**	a) Disediakan rumah Kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan dengan penuh kelengkapan; dan Jika tidak disediakan rumah Kerajaan atau disewa oleh Kerajaan Elaun Rumah layak dibayar sebanyak **RM4,000.00**
5.	**Elaun Tahunan Perabot Dan Perhiasan Rumah**	b) **RM5,000 setahun**
6.	**Kakitangan Isi Rumah**	**RM3,000.00 sebulan** atau dibekalkan dengan kakitangan Kerajaan sebagai pembantu rumah termasuk tukang kebun (Dalam *payslip* ditulis sebagai Elaun Keraian)
7.	**Bekalan Air/ Elektrik**	Percuma bekalan air dan elektrik bagi kediaman rasmi atau tempat kediaman
8.	**Elaun Cuti Khas**	Diberi **satu kali dalam perkhidmatan** (**Boleh dituntut setelah setahun berkhidmat**) tiket penerbangan KL-London-KL Kelas Satu termasuk suami/ isteri dan kelas ekonomi untuk 3 orang anak dan seorang pegawai pembantu atau bersamaan wang tunai **RM150,00.00 dan RM50,000.00** untuk perbelanjaan penginapan, makan, minum dan lain-lain.

LAMPIRAN 2

TAHUN	PERKARA							
	Gaji	Elaun Keraian	Elaun Pengerusi MMK	Kediaman Rasmi	Elaun Tahunan Perabot Dan Perhiasan Rumah	Kakitangan Isi Rumah	Bekalan Air/ Elektrik	Bayaran Balik Bil Talipon
2000	11,715.00	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2001	11,715.00	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2002	11,715.00	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2003	12,886.50	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2004	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2005	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2006	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2007	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2008	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2009	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2010	14,175.15	5,500.00	5,000.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2011	14,175.15	5,500.00	6,500.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00
2012	14,175.15	5,500.00	6,500.00	4,000.00	5,000.00	3,000.00	Percuma	1,000.00

TAHUN	PERKARA							
